

"APEC perlu resposif terhadap keperluan sektor swasta di mana kita menggalakkan awda agar menjadi lebih aktif dalam memikirkan tentang reka bentuk dasar yang diperlukan untuk menjadikan globalisasi, revolusi I.T. dan ekonomi baru bekerja bagi faedah kita." - Titah sempena Sidang Kemuncak CEO, di Bandar Seri Begawan pada 14 November 2000.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"REBUTLAH lima perkara sebelum tiba lima perkara : masa engkau hidup sebelum mati, masa engkau sihat sebelum sakit, masa engkau lapang sebelum sibuk, masa engkau muda sebelum tua dan masa engkau kaya sebelum miskin." - Saeda Resolullah Salallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 47 BILANGAN 44

RABU 30 OKTOBER 2002/1423 رابو 23 شعبان

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Bagi menyokong SME's dan micro-enterprises Bantuan kewangan perlu dipermudahkan

Liputan Abd. Karim HAB
dari Los Cabos, Mexico

LOS CABOS, MEXICO, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat menghadiri Mesyuarat Retreat Ketua-ketua Ekonomi APEC yang berlangsung di Hotel Fiesta Americana di sini yang antara lain membincangkan isu cara-cara untuk memeringi keganasan.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan di sini, semasa mesyuarat itu baginda merakamkan rasa simpati kepada pihak Australia, Indonesia, Filipina dan ahli ekonomi APEC yang lain atas serangan keganasan yang berlaku di Bali, Indonesia baru-baru ini yang mengakibatkan banyak korban jiwa warganegara ekonomi-ekonomi berkenaan.

Baginda juga merakamkan rasa dukacita atas kejadian yang berlaku di Russia baru-baru ini.

Semasa mesyuarat retreat itu, ketua-ketua ekonomi APEC menyentuh dan membincangkan inisiatif Amerika Syarikat dalam usaha menjamin perdagangan di rantau Asia Pasifik (Secure Trade In The APEC Region - STAR Initiative). Inisiatif itu adalah berikutan deklarasi ketua-ketua ekonomi APEC mengenai pambantaran keganasan yang telah dipersetujui di Shanghai, China tahun lepas.

Inisiatif itu menerima pujian baginda. Baginda memberi jaminan bahawa Negara Brunei Darussalam akan berusaha sedaya upaya untuk mengelakkan gangguan kepada laluan perdagangan dan pelaburan demi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Baginda juga telah memberi tumpuan kepada perkongsian pengalaman dan kemahiran serta memberikan pertolongan untuk mencapai matlamat yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Ketua-Ketua Ekonomi APEC yang lain bergambar kenangan semasa Deklarasi APEC Ke-10 yang berlangsung di Los Cabos, Mexico. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 4).

terkandung dalam inisiatif berkenaan.

Menurut siaran akhbar itu, Inisiatif STAR adalah berguna kepada Negara Brunei Darussalam dari segi peningkatan kemampuan para pegawai dalam bidang-bidang yang tertentu seperti kastam, imigresen, penerbangan awam dan industri penerbangan.

Negara Brunei Darussalam juga menerusi ASEAN sentiasa memberi sokongan kepada usaha yang tertentu dalam memerangi masalah keganasan.

Ke arah itu ASEAN semasa Mesyuarat Ke-7 Ketua-ketua Negara ASEAN di Negara Brunei Darussalam telah menghasilkan sebuah deklarasi mengenai usaha sama bagi menentang masalah keganasan.

Dalam atur cara hari ini, baginda juga berangkat menghadiri sesi dialog bersama para pemimpin Majlis Penasihat Perdagangan APEC (ABAC) yang diadakan di hotel yang sama.

Baginda juga menekankan pentingnya untuk meneruskan usaha-usaha sedemikian untuk meniadakan perkara-perkara yang mengha-

lang perdagangan dan pelaburan dan bagi memajukan matlamat yang telah diartikan semasa mesyuarat di Bogor.

Menurut baginda, Negara Brunei Darussalam peka dan menyokong peranan penting perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (SME'S) dan 'micro-enterprises' dalam pembangunan ekonomi. Sehubungan itu, baginda memuji pihak Mexico kerana memberi tumpuan kepada isu yang berkaitan dengan 'micro-enterprises' pada tahun ini. Baginda seterusnya mencadangkan bagi laluan mendapatkan pertolongan

kewangan dipermudahkan dan bekerjasama dengan institusi-institusi serantau bagi mencari jalan ke arah bantuan kewangan untuk perusahaan kecil dan sederhana.

Selepas sesi dialog, baginda berkenan pula berangkat menghadiri perjumpaan antara ketua-ketua negara ASEAN dengan Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Presiden Bush. Perjumpaan yang disyorkan oleh Amerika Syarikat itu adalah yang pertama kali diadakan di antara kedua belah pihak semasa Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC.

Lihat muka 4

PENGLIHATAN HILAL RAMADAN 1423H/2002M

HAKIM-HAKIM Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara dan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama pegawai-pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, akan melakukan penglihatan anak bulan Ramadan 1423H pada petang hari Selasa, 29 Syaaban 1423 bersamaan 5 November 2002 di empat tempat :-

1. Daerah Brunei dan Muara - bertempat di Bukit Shahbandar, Jerudong.
2. Daerah Tutong - bertempat di Bukit Ambok.
3. Daerah Tembak Bukit Agok.
4. Daerah Belait - bertempat di Bukit Lumut (berseberangan dengan BLNG).

Orang ramai adalah diminta kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

Penggunaan internet di rantau APEC perlu dilipatgandakan

LOS CABOS, MEXICO, 27 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyanyjung usaha para pegawai dalam melaksanakan strategi e-APEC semasa baginda menyentuh mengenai usaha untuk melipatgandakan penggunaan internet di rantau APEC pada tahun 2005.

Baginda yakin strategi itu akan akhirnya merubah

jurang digital kepada satu peluang untuk rantau Asia Pasifik yang akan dapat dicapai melalui kerjasama yang lebih padu di antara pihak perniagaan dan pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa di rantau berkenaan.

Baginda bertitik menyatakan demikian semasa sesi kedua Mesyuarat Retreat Ketua-ketua Ekonomi APEC dalam memastikan peralihan kepada perdagangan yang bebas.

Dalam menyokong usaha-usaha negara tuan rumah bagi mengutarakan agenda

perusahaan-perusahaan kecil dalam APEC, baginda percaya bahawa perkembangan perusahaan berkenaan merupakan suatu bidang yang APEC boleh menyumbang kepada masyarakat APEC di peringkat akar umbi.

Dalam pertemuan yang dihadiri oleh 21 ketua ekonomi itu, baginda juga menekankan bahawa setiap ekonomi APEC perlu membentuk dasar dan reaksi terhadap globalisasi yang bersesuaian dengan tahap pembangunan dan pencapaian masing-masing.

Baginda turut mengemukakan dua inisiatif Amerika Syarikat mengenai keterbukaan dan ekonomi digital. Walau bagaimanapun, baginda menekankan bahawa memandangkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkenaan memerlukan masa untuk membentuk keupayaan yang diperlukan maka adalah penting agar pembinaan keupayaan dan penyediaan itu diserapkan dalam proses pelaksanaan inisiatif berkenaan.

Lihat muka 4

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Kerjasama pertumbuhan-pertumbuhan serantau tingkatkan pengalamanan
- Muka 2

Melirik Masa Silam :

Tinggi-tinggi
Payau Bila
Pelandukan
- Muka 3

AMRI sepakat
tubuhkan berita
TV ASEAN
- Muka 6

Masyarakat
negara ini
masyarakat
penayang

- Muka 9

Pegawai
Perhubungan
Awam perlu
bersikap proaktif

- Muka 11

Isu sempadan
darat dan laut :
Brunei - Malaysia
punyai prinsip
baik bagi
penyelesaian

- Muka 15

Negara memer-
lukan belia cergas,
berpendidikan

- Muka 3 ANEKA

Ramadan bulan
bonus

- Muka 4 ANEKA

Persidangan Lin-
guistik ASEAN 2

- Muka 10 ANEKA

Pelbagaikan cara
penyedaran
dakwah

- Muka 11 ANEKA

KONTAK PELITA
BRUNEI

http://www.brunet.bn/
news/pelita/
pelita.1.htm e-mel:
pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING
PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804
/ 02 382192
Faks : 02 381004 /
02 380507

TAHUKAH AWDA

MAHKAMAH-MAHKAMAH Syariah mempunyai bidang kuasa jenayah terhadap kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam oleh warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. - Sumber : Bahagian II Mahkamah-Mahkamah Syariah - Penubuhan dan Bidang Kuasa, 6 (3), Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998 dalam Tambahan Kepada Warta Kerajaan Bahagian II : (22 Oktober, 1998 356).



30 OKTOBER 2002 BERSAMAAN 1423 23 شعبان

MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA APEC

PARA pemimpin rantau Asia Pasifik di Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Ke-10 di Mexico terus berusaha gigih untuk menggiatkan dan menjana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi 21 buah negara anggota APEC yang lebih dinamik dan terbuka. Usaha bersepadu yang dilaksanakan itu dibuat berikutan kelembapan dan ketidaktentuan ekonomi dunia yang disebabkan oleh kemelut serangan 11 September 2001 dan kegiatan keganasan yang membawa impak kepada pertumbuhan perdagangan dan pelaburan global. Ke arah itu, APEC 2002 ini memberi tumpuan bagi memperbaiki lagi usaha ke arah komitmen dalam memberikan faedah globalisasi, pembebasan pasaran dan perkongsian kemakmuran 'Pacific Rim'. Bagi mencapai hasrat tersebut, tema mesyuarat tahun ini ialah 'Memperluas Faedah Kerjasama Untuk Pertumbuhan Ekonomi' - Melaksanakan Wawasan.

Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada pembangunan perusahaan kecil-kecilan termasuk memberikan pengiktirafan kepada 'micro-financing' sebagai faktor penting dalam kejayaan perusahaan berkenaan, di mana negara kita Brunei Darussalam telah menyediakan jalan bagi menyokong aktiviti-aktiviti perusahaan itu khususnya dalam inisiatif pembangunan keupayaan manusia.

APEC 2002 juga terus menumpukan usaha berterusan ke arah membanteras dan memerangi masalah keganasan global seperti yang terkandung dalam Perisytiharan Shanghai 2001. Ke arah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menghadiri sesi retreat Ketua-ketua Ekonomi APEC bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam melalui ASEAN sedang berusaha untuk memperkukuhkan kerjasama dalam menangani masalah keganasan. Usaha ini terbukti dengan penandatanganan Deklarasi Untuk Menentang Keganasan di antara ASEAN dan Amerika Syarikat yang ditandatangani di Bandar Seri Begawan, Julai lalu.

Di sidang kemuncak itu, baginda juga menyanyikan inisiatif Amerika Syarikat dalam usaha untuk menjamin perdagangan di rantau Asia Pasifik yang juga dikenali Inisiatif STAR. Inisiatif berkenaan terbit berikutan Deklarasi Ketua-ketua Ekonomi APEC mengenai pembenterasan keganasan yang dipersetujui di Shanghai tahun lepas. Inisiatif STAR ini amatlah berfaedah kepada Negara Brunei Darussalam dari segi peningkatan kemampuan pegawai-pegawai dalam bidang-bidang yang tertentu seperti imigresen, kastam, penerbangan awam dan industri penerbangan awam. Dalam menyokong usaha berkenaan, Negara Brunei Darussalam akan berusaha sedaya upaya untuk mengelakkan gangguan kepada laluan perdagangan dan pelaburan demi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Negara Brunei Darussalam juga bersedia untuk bekerjasama dengan Amerika Syarikat ke arah kemungkinan untuk menubuhkan satu rangka kerja perjanjian bagi perdagangan dan pelaburan antara Bandar Seri Begawan dan Washington.

Berhubung dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengalu-alukan dua inisiatif Amerika Syarikat mengenai keterbukaan dan ekonomi 'digital'. Walau bagaimanapun inisiatif berkenaan memerlukan masa untuk membentuk keupayaan yang diperlukan. Memandangkan keupayaan yang terhad di kalangan ekonomi yang baru membangun, baginda mencadangkan bagi memperoleh petolongan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia. Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan cadangan bagi mesyuarat 'round table' dengan Bank Dunia yang akan diadakan tahun 2003.

Baginda juga bertitah mengenai usaha untuk melipatgandakan penggunaan internet di rantau Asia Pasifik pada tahun 2005 dan juga melaksanakan strategi e-APEC. Strategi berkenaan baginda percaya akan mengubah jurang 'digital' untuk rantau Asia Pasifik. Perkara ini boleh dicapai melalui kerjasama yang padu di antara pihak perniagaan dan pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa.

Sememangnya APEC memberikan satu peluang kepada Negara Brunei Darussalam untuk menimba pengalaman, mencontohi amalan-amalan yang baik dan mengumpulkan sumber-sumber pihak lain dalam usaha untuk bercantum ke dalam ekonomi dunia. Sejak menganggotai APEC 1993, Negara Brunei Darussalam telah banyak memperoleh manfaat yang penting terutama sekali dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

HALUAN...

Bismillahir Rahmanir
Rahim
Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULIL-LAH, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan petunjuk-Nya jua, maka kita dapat hadir di majlis yang berkebahjikan pada hari ini, iaitu Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Kali Ke-6 Persatuan Kanak-Kanak Cacat Negara Brunei Darussalam ataupun ringkasnya KACA.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Dengan berlangsungnya mesyuarat agung kali ini bererti Persatuan KACA sudah wujud selama enam belas tahun. Dalam tempoh tersebut saya sangat gembira melihat Persatuan KACA telah melalui perkembangan yang membanggakan dan dapat menuju kepada matlamat penubuhannya iaitu ke arah memberikan perhatian ke atas kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak cacat di Negara Brunei Darussalam.

Ini dapat dilihat daripada pelbagai kegiatan dan program yang telah dijalankan. Di antara program yang signifikan yang telah berjaya dilaksanakan ialah bengkel khusus untuk ibu bapa, penjaga, guru-guru dan kakitangan perubatan mengenai dengan penjagaan kanak-kanak cacat di negara ini dengan mendedahkan pakar daripada negara luar. Bengkel seperti ini sudah tentunya akan membantu kesemua peserta-pesertanya untuk meningkatkan lagi mutu penjagaan kepada kanak-kanak tersebut.

Sokongan dan bantuan daripada ibu bapa dan keluarga kanak-kanak cacat itu sendiri juga adalah lebih utama dan memainkan peranan yang sangat penting bagi perkembangan mental dan fizikal kanak-kanak itu. Dengan adanya rasa kasih sayang para ibu bapa dan kaum keluarga yang mendalam, mereka yang kurang bernasib baik ini dapat merasakan mereka disayangi

Kerjasama pertubuhan-pertubuhan serantau tingkatkan pengalaman

dan tidak disisihkan oleh masyarakat.

Kegiatan-kegiatan lawatan ahli-ahli persatuan ke tempat-tempat pendidikan telah memberikan peluang kepada ahli-ahli untuk bergaul dan berinteraksi dan dengan itu, ianya telah dapat membantu dan menambahkan lagi pengalaman dan pendidikan kepada ahli-ahli KACA.

Penyertaan ahli-ahli KACA di sukan-sukan kecil dan sukan khas yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan makna yang sangat besar artinya dalam memberikan keyakinan diri di kalangan ahli-ahli KACA. Melalui kegiatan sukan sedemikian telah dapat membuktikan bahawa ahli-ahli KACA walaupun mempunyai kekurangan jika dibandingkan dengan masyarakat umumnya, juga mampu untuk bersaing dan menunjukkan kebolehan mereka. Ini adalah satu kejayaan yang amat besar untuk meningkatkan lagi mutu kehidupan mereka.

Saya juga difahamkan bahawa Persatuan KACA juga pada masa ini sedang merancang untuk mengadakan satu bangunan khas di Daerah Belait untuk menambah kepada bangunan-bangunannya yang ada di Daerah Brunei/ Muara dan Tutong. Mudah-mudahan projek yang penuh keba- jikan ini akan dapat dijayakan sepenuhnya bagi membantu ahli-ahli KACA di daerah tersebut. Saya berharap bangunan serupa di Daerah Temburong juga akan dapat dirangkaan bagi memenuhi hasrat kita bagi ahli-ahli KACA di seluruh negara iaitu di keempat-empat daerah akan dapat dibantu dan diberikan perkhidmatan yang sewajarnya.

Sukacita saya menegaskan, kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh KACA adalah bergantung



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam binti Haji Abdul Aziz di Majlis Mesyuarat Agung Ke-6 Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Goldstone, Centrepoin, Gadong, pada 13 Syaaban 1423/20 Oktober 2002.

kepada komitmen, perpaduan dan perasaan tanggungjawab yang kuat daripada setiap ahli-ahlinya dan juga ahli-ahli jawatankuasa tadbirnya. Adalah diharapkan ahli-ahli jawatankuasa tadbir untuk meneruskan usaha-usaha bagi meningkatkan dan memperluaskan lagi kejayaan-kejayaan yang telah dicapai selama ini.

Untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh KACA, ahli-ahli jawatankuasa tadbir perlu juga bekerjasama dan meneliti pencapaian yang telah dilakukan oleh negara-negara jiran dan serantau. Kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan serupa di rantau ini adalah penting bagi meningkatkan pengalaman dan menambatkan pengetahuan ahli-ahli jawatankuasa tadbir dan akan meluaskan lagi pandangan dan pemikiran ahli-ahli KACA.

Program-program lawatan bagi bertukar fikiran ini akan dapat membantu semua ahli untuk bertukar fikiran dan pendapat bagaimana untuk meningkatkan lagi mutu kegiatan-kegiatan KACA.

Usaha-usaha yang berterusan ke arah memberikan kesedaran dan melibatkan masyarakat umum di negara ini untuk sama-sama memberikan perhatian ke atas kebajikan dan kesejahteraan mereka yang memerlukan perhatian khusus ini hendaklah terus

dilaksanakan. Bantuan-bantuan daripada orang ramai, persatuan, pertubuhan dan pihak swasta adalah sangat-sangat diperlukan untuk menjamin kesinambungan program dan kegiatan Persatuan KACA.

Alhamdulillah sejauh ini orang ramai di Negara Brunei Darussalam adalah sentiasa bersedia dan tampil ke hadapan untuk menghulurkan bantuan dalam bentuk kewangan, kebendaan, tenaga ataupun buah fikiran yang diperlukan oleh KACA. Ini memberikan gambaran yang jelas bahawa masyarakat di negara ini adalah masyarakat yang penyayang dan 'caring society' iaitu sentiasa prihatin kepada semua pihak yang kurang bernasib baik ini.

Sumbangan-sumbangan ini telah mengukuhkan lagi keupayaan KACA untuk mengatur, merancang dan mengukuhkan lagi kegiatan-kegiatan bagi kanak-kanak cacat di negara ini. Kegiatan-kegiatan ini termasuk kegiatan yang bersesuaian seperti membuka pusat-pusat bimbingan dan juga memberikan bimbingan dan pendidikan kepada mereka di kesemua daerah di negara ini.

Di samping bantuan dan sokongan daripada orang ramai di negara ini, bantuan dan sokongan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-

tan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah juga merupakan tulang belakang bagi kejayaan Persatuan KACA ini. Ini juga membuktikan bahawa pihak kerajaan adalah sentiasa peka dan prihatin ke atas kebajikan dan kesejahteraan segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Akhir sekali saya berseru kepada para ibu bapa dan penjaga kanak-kanak yang memerlukan perhatian khusus ini, bagi mereka memainkan peranan dalam sama-sama membimbing dan mendidik anak-anak mereka. Anak-anak ini memerlukan perhatian terutama sekali pada mewujudkan persekitaran kekeluargaan yang sesuai dan sama dengan anak-anak yang lain. Sifat toleransi dan kasih sayang di kalangan keseluruhan ahli-ahli keluarga adalah perlu untuk ditanamkan supaya mereka itu akan dapat menerima kehadiran ahli keluarga yang cacat di kalangan mereka dan sentiasa menunjukkan keprihatinan dan pemedialan terhadap mereka ini.

Selaku Penaung kepada KACA, saya berharap supaya semua ahli-ahli jawatankuasa tadbir dan ahli-ahli KACA akan sentiasa menitikberatkan kerjasama dan kesefahaman di kalangan sesama sendiri supaya dengan demikian Persatuan KACA ini akan dapat mengambil langkah-langkah bagi mengukuhkan semua kegiatan yang berkebahjikan ini.

Dalam kesempatan ini, saya sukacita merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan sumbangan kepada KACA sama ada orang-orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat dan saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga sumbangan-sumbangan tersebut akan diberikan ganjaran yang setimpal jua, amin.

Maka dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala dan dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Kanak-Kanak Cacat Negara Brunei Darussalam Kali Ke-6 ini.

Sekian Wabillahit Ta'fik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Berangkat ke Viet Nam

BANDAR SERI BEGAWAN. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah pun berangkat ke Viet Nam bagi menghadiri Second Council Meeting of SEA Games Federation yang akan berlangsung selama 2 hari bermula pada 29 Oktober hingga 30 Oktober 2002. Mesyuarat ini bertujuan untuk persiapan SEA Games Ke-22 bagi tahun 2003 di Viet Nam.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bagi menghadiri mesyuarat tersebut adalah selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Program-program lawatan bagi bertukar fikiran ini akan dapat membantu semua ahli untuk bertukar fikiran dan pendapat bagaimana untuk meningkatkan lagi mutu kegiatan-kegiatan KACA.

ORANG sekarang sudah ramai yang tahu tentang cerita bagaimana hendak bersekolah. Juga tahu tentang cerita 'sekolah mencari murid dan kerja mencari orang, tetapi bukan murid mencari sekolah dan bukan orang yang mencari kerja'. Semua cerita-cerita begini tidak akan diketahui oleh orang yang ada sekarang ini jika bukan diceritakan oleh orang yang mengalami atau yang ditulis dan dicatat oleh mereka itu. Maka pada sudut beginilah kita perlu-memerlukan supaya apa jua yang dicari itu hanya akan diketahui dari orang yang mengetahuinya. Sebagai pencari pula, ianya bukanlah satu kerja yang mudah dan tidak juga dengan cara jalan pintas atau ambil senang sahaja. Kita kenalah mencari lubuknya atau kata orang 'sekarang 'sumber' bermula sesuatu itu.

Minggu lepas kita mengamit sedikit satu cerita lama ketika berada di alam persekolahan tahun 1940-an. Daripadanya kita menimbulkan satu keadaan atau senario yang jika ada gunanya sebagai bahan berfikir tidak akan ada ruginya atau sekurang-kurangnya sekadar pengisi pengetahuan sahaja pun cukuplah. Misalnya tentang bagaimana usaha pihak sekolah dalam membentuk sikap dan perangai murid-murid ketika itu di bidang usaha, kepandaian kerja, membentuk kebolehan, perlu-nya bersemangat dan perlunya berikhtisam, selain dari menaati ibu bapa, menjinakkan mereka dengan peraturan dan seterusnya membantu ibu bapa untuk membuktikan bagaimana yang dikatakan anak yang baik itu. Untuk menyampaikan semua ini belum ada kata-kata yang bercampur-baur untuk memancing keyakinan seseorang itu atau belum ada paperwork yang berinci-inci tebalnya yang semata-mata bertujuan untuk meyakinkan orang atau menunjukkan sistem demi sistem, teknik demi teknik dan banyak lagi menurut selera-selera yang diperlukan. Itulah barangkali yang dikatakan proses kejadian satu-satu peralihan itu. Kejadian dahulu itu masih berada di tahap yang sangat mudah dan segala-galanya tidak perlu berfikir panjang-panjang. Kenapa begitu? Sebabnya pun mudah iaitu orang dahulu itu belum ramai yang pandai-pandai apa lagi tinggi-tinggi ilmunya, walaupun ada hanyalah sekadar yang diumpamakan sebagai 'tinggi-tinggi payau'. Perkataan atau perumpamaan ini biasanya dimaksudkan kepada orang belajar mengaji Al-Quran yang pengajiannya dilompat-lompatkan dari satu waqaf ke satu waqaf yang lain sedangkan waqaf-waqaf yang awal ditinggalkan secara sengaja. Memang ada kawan sepengajian yang begitulah perangnya kerana dia tidak mahu ketinggalan. Artinya semangat tidak mahu ketinggalan itu memang bagus. Akan tetapi mestilah mengikut tangga demi tangga atau sebelum naik ke peringkat Al-Quran kita perlulah menamatkan pengajian di tahap

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

TINGGI-TINGGI PAYAU

BILA PELANDUKAN

muqaddam atau alif-alif dahulu. Barangkali kawan-kawan yang pernah sebaya dengan kita tahu benar tentang hal begini. Dari segi semangat memang bagus, tetapi dari segi kualiti pengetahuannya lambat-laun akan ketahuan juga. Buktinya ialah apabila guru mengajak 'bertedurus' di bulan Ramadan dari rumah ke rumah. Di sini akan ketahuan hal-nya apabila seseorang itu perlu membaca dan tidak boleh dilompatkan kepada orang lain. Bila ini akan terjadi maka akan kedengaranlah satu jenis bacaan yang dipanggil 'pelandukan' atau tidak lancar. Bagaimanapun, di sinilah kelihatan makna bertedurus itu yang bukan tujuannya untuk menunjukkan pandai tetapi bertujuan untuk 'berlurus-lurus atau bertegur-teguran'. Ini adalah dahulu.

Tentang bertedurus di masa yang silam itu sudah barang tentu tidaklah sebaik yang ada sekarang ini. Baik dari segi penyelenggaraannya mahupun yang lain-lainnya terutama ahli-ahli yang bakal menyertai majlis-majlis bertedurus yang diadakan oleh satu-satu badan yang tertentu itu. Kalau dahulu, soal penyertaan jemaah untuk mengisikan surau-surau, balai-balai, masjid-masjid dan di rumah-rumah orang-orang perseorangan langsung tidak ada perkara yang dirisankan. Ini kerana kebiasaan pada waktu itu pada setiap musim bulan puasa, orang sememangnya sudah terbiasa mengetahui sejak lama lagi tentang siapa-siapa dan di mana adanya majlis bertedurus diadakan. Tempat-tempat yang mengadakan tedurus itu sudah diketahui kecuali jika ada pihak yang baru hendak mengadakannya. Itu pun tidak susah untuk mengetahuinya kerana para jemaah akan mudah tahu juga. Sebabnya

ialah bahawa pihak yang hendak 'membuka majlis tedurus' akan memaklukkannya hanya melalui seorang jemaah sahaja yang kemudiannya akan memanjangkannya pula kepada ahli-ahli yang lain. Seterusnya setiap mereka itu akan khabar menghabarkannya kepada jemaah mereka. Orang dahulu akan berkunjung ke rumah-rumah, balai-balai dan masjid-masjid yang mengadakan tedurus itu dengan cara berkumpul atau berombongan. Dulu memang terdapat banyak kumpulan yang 'melanggar' tempat-tempat yang mengadakan tedurus itu. Kerana itu bila berlaku persamaan hari sewaktu mendatangi satu-satu tempat yang mengadakan tedurus tersebut, maka akan terdapat sedikit yang kurang menyelesaikan. Sebabnya ialah dengan ramainya orang yang datang itu akan ramailah juga yang tidak 'ampit' memperdegarakan bacaan mereka. Apabila berlaku demikian mereka terasa kurang senang walaupun layanan tidak berbeza diberikan semasa makan sahur. Walaupun makan sahur selepas bertedurus itu merupakan satu 'tarikan' dan adalah sukar dinafikan adanya kalangan kecil yang suka menyebut-nyebut di mana yang selalunya menghidangkan juadah bersahur yang 'special', namun sebilangan besarnya tidaklah bertujuan yang mungkin boleh saja mencacatkan tujuan bersahur, kerana apa yang biasa berlaku ialah perkara demikian itu hanyalah sekadar membahasi gusi masing-masing sebagai bahan 'peributan' atau gurauan sahaja. Ini termasuklah seperti apa yang selalu dikurapakan oleh mereka itu dengan menghabarkan di rumah itu atau di balai ini malam semalam telah menghidangkan lauk-pauk yang nombor satu untuk bersahur. Tentang di manakah pusat mereka bertemu atau menyampaikan

maklumat atau tempat pertemuan jemaah tedurus itu? Dulu, di Jalan Sultan terdapat sebuah kedai Tukang Gunting Melayu. Tukang-gunting Melayu ini sebenarnya terdapat beberapa orang daripada mereka itu merupakan pembaca-pembaca Al-Quran iaitu antara yang terbaik di Brunei pada waktu itu. Bahkan antara mereka itu pula ada yang pernah mewakili Brunei di peraduan peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur di tahun-tahun awal peraduan itu mula diadakan. Di kedai gunting Melayu inilah juga merupakan tempat pertemuan para qari, ahli-ahli zikir Brunei, ahli-ahli qasidah dan berzanji malah pegawai-pegawai masjid dan orang-orang yang cenderung kepada soal-soal yang berkaitan dengan keagamaan. Lalu ada dua orang di antara yang berasal tukang gunting di kedai gunting yang menjadi tempat pertemuan orang-orang yang berjaya keagamaan itu akhirnya terpaksa meninggalkan perkakas gunting mereka kerana terbukanya rezeki untuk mereka dengan tawaran untuk menjawab jawatan sebagai pegawai masjid dan seterusnya bergelar Pehin. Mungkin itulah rezeki yang dijanjikan oleh Allah Yang Maha Mengetahui bagi hamba-hambanya yang senantiasa dekat dengan-Nya.

Tentang bertedurus ini, tempat yang paling diutamakan oleh para jemaah ialah Istana yang melaksanakan satu cara yang lain dari yang lain bahkan sangat menggalakkan dari segi usaha untuk terus meningkatkan mutu bacaan Al-Quran di kalangan qari dan qariah yang berpotensi untuk meningkat itu. Di masa yang lalu, sejak Istana Darul Hana lagi telah memperkenalkan majlis tedurus yang sekali gus memperadu dan mengadili bacaan siapa sahaja yang membaca Al-Quran dalam suasana bertedurus itu. Di akhir tedurus akan diumumkan pemenang-pemenang dari nombor satu hingga nombor tiga dan langsung menerima hadiah pada malam itu juga atau malam berikutnya. Hadiahnya merupakan kain tajung, baju, kitab-kitab dan lain-lain lagi. Penghargaan ini bukan untuk orang dewasa sahaja bahkan juga kanak-kanak adalah tidak dikecualikan. Dengan yang demikian, pembaca-pembaca Al-Quran di Brunei semakin bertambah dari tahun ke tahun. Tidak sahaja setakat membaca tetapi mengadili apa yang mereka baca yang merangkumi dari segi tartilnya, tajwidnya, mahrajnya dan lagu serta suara. Itu sekadar menyebut sedikit sahaja berdasarkan pengalaman sendiri yang pernah juga menerima hadiah sekali dua. Semoga kenangan begini dapat menyumbang pemikiran untuk membina lagi majlis-majlis bertedurus yang penuh berkat dan amalan yang disuruh di sepanjang Ramadan yang مبارak dan penguji nilai dan keteguhan iman Muslimin dan Muslimat yang disempurnakan dengan pancaindera yang cukup istimewa dari makhluk yang lain itu.

Wakili negara ke Tilawah Al-Quran Antarabangsa

BERAKAS, 23 Oktober. - Johan qari dan qariah peringkat kebangsaan, Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman dan Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf hari ini berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi mewakili negara ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa.

Oleh **Bohassan HAB**

Noh Batubara, Pegawai Ugama selaku Jurulatih merangkap Pegawai Pengiring yang dilantik oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-44 berlangsung selama seminggu yang bermula pada 25 Oktober hingga 31 Oktober ini.

Negara Brunei Darussalam mula menyertai pertandingan tersebut pada tahun 1961 yang mana pada pertama kali negara telah diwakili oleh Awang Yusof bin Abdul Latif (Allahyarham Yang Dimuliakan Begawan

Pehin Khatib Haji Mohd. Yusof Abdul Latif dan Awang Haji Sabtu Ahmad.

Mulai tahun 19 Kerajaan Malaysia telah meluaskan lagi pertandingan kepada penyertaan qariah yang mana negara-negara yang dijemput diminta menghantar seorang wakil sahaja. Wakil qariah pertama yang menyertai pertandingan pada tahun 1965 ialah Dayang Hajah Aminah Siling.

Bagi peserta qari, Awang Haji Ismail merupakan penyertaan kali ketiga yang mana sebelum ini beliau pernah mewakili negara di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa tersebut pada tahun 1995 dan 1999.

Manakala peserta qariah, Dayang Hajah

Aminah sebelum ini juga pernah mewakili negara sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1989, 1991 dan 1992.

Dalam pada itu, bagi meningkatkan mutu bacaan Al-Quran qari dan qariah yang akan mewakili negara ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, mereka telah mengikuti Kursus Intensif yang bermula pada 31 Ogos hingga 21 Oktober lepas.

Di antara perkara yang dititikberatkan dalam kursus yang pertama kalinya diadakan pada tahun 1999 itu ialah dari sudut Tajwid, Fasahah, Lagu dan Suara. Kursus berkenaan dikendalikan oleh satu panel khas yang dilantik oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.



Forum sempena Ulang Tahun Ke-20 BMR

BANDAR SERI BEGAWAN. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) akan mengadakan Majlis Forum bertajuk 'Rasuah - Persoalan Integriti dan Kepentingan Nasional' sempena Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan BMR. Forum tersebut akan diadakan pada hari Sabtu, 2 November depan bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas jam 8.00 pagi.

Ahli-ahli panel bagi menyampaikan forum tersebut terdiri dari YDM Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Pemangku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; YDM Pehin Orang Kaya Paduka Setia Dato Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili, Timbalan Menti Kerajaan; Dayang Hajah Mastura binti Haji Mohsin, Pengarah Belanjawan, Kementerian Kewangan dan Awang Robert Koh Hoe Kiat, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Tionghoa. Forum berkenaan dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid, Universiti Brunei Darussalam.

Ruangan Surat Dari Pembaca

BANDAR SERI BEGAWAN. - PELITA BRUNEI mulai keluaran 6 November 2002 akan mengadakan semula Ruangan Surat Dari Pembaca. Ruangan ini dihasratkan bagi membolehkan dan memberi peluang kepada orang ramai menulis dan menyuarakan apa-apa jua kemusykilan, masalah dan isu-isu yang mempunyai kepentingan ramai dan nasional dan bukannya bagi tujuan kepentingan peribadi.

Orang ramai yang berhajat menulis dalam ruangan ini mestilah menyatakan

nama sebenar tetapi mereka juga boleh menggunakan nama samaran, nombor kad pengenalan dan alamat tempat tinggal. Pihak Penyunting PELITA BRUNEI berhak mengubah suai struktur ayat dan isi kandungan surat-surat yang dikirim.

Surat Dari Pembaca hendaklah dialamatkan kepada Sidang Penyunting, PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510.

PERKHIDMATAN PERUBATAN DALAM BULAN RAMADAN

KEMENTERIAN Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sepanjang bulan Ramadan semua Hospital Kerajaan, Pusat Kesihatan dan Klinik-klinik Kesihatan di seluruh negara dibuka bagi Perkhidmatan Pesakit Luar pada setiap hari bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Perkhidmatan Tambahan Bahagian Pesakit Luar yang diberikan di Pusat Kesihatan Bandar

Seri Begawan, Jalan Ong Sum Ping pada hari bekerja akan dibuka pada jam 7.00 malam hingga 10.00 malam. Manakala pada hari Jumaat dan Ahad serta hari-hari kelepasan awam, ianya dibuka dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang dan 7.00 malam hingga 10.00 malam.

Perkhidmatan Ke-malangan dan Kecelakaan adalah dibuka seperti biasa iaitu 24 jam.

Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC Ke-10 di Mexico



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Makan Malam yang berlangsung di Hotel Fiesta Americana di Los Cabos, Mexico, pada 27 Oktober. (kiri) Menteri Perdagangan dan Pelaburan serta cara berunding dengan Presiden Mexico, Tuan Yang Terutama Vicente Fox Quesada dan isteri.

Perjumpaan dua hala

LOS CABOS, MEXICO, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memulakan atur cara baginda hari ini dengan mengadakan perjumpaan dua hala yang berasingan dengan Presiden Mexico dan wakil China Taipei.

Baginda mula-mula menerima mengadap wakil China Taipei ke Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC, Tuan Yang Terutama Dr. Yuan Tseh Lee di Hotel Eperanza, villa persemayaman baginda semasa mesyuarat ini.

Semasa perjumpaan ini, baginda dan Tuan Yang Terutama membincangkan pelbagai bidang kerjasama terutama yang berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan serta cara meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang-bidang berkenaan.

Kemudian baginda berkenan melakukan perjumpaan empat mata dengan Presiden Mexico, Tuan Yang Terutama Vicente Fox Quesada. Dalam perjumpaan singkat itu, baginda sukacita merakamkan setinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama atas

layanan yang sangat baik yang diberikan kepada delegasi Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC di sini.

Baginda juga menyatakan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama kerana dapat mengendalikan mesyuarat berkenaan dengan berjaya. Baginda seterusnya bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa terutama sekali yang berkaitan dengan isu-isu APEC termasuk isu kegunaan.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng juga hadir semasa kedua-dua perjumpaan itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengadakan perjumpaan dua hala bersama Presiden Mexico, Tuan Yang Terutama Vicente Fox Quesada di Hotel Las Ventanas Al-Paraiso (kiri). Sementara gambar atas, baginda mengadakan perjumpaan dua hala bersama wakil China Taipei, Tuan Yang Terutama Dr. Yuan Tseh Lee di Hotel Esperanza, Los Cabos.



BAGINDA ketika berkenan berangkat bersama ketua-ketua ekonomi APEC yang lain di Mesyuarat Retreat yang berlangsung di Hotel Fiesta Americana (kiri). Sementara gambar kanan, baginda ketika berangkat meninggalkan Los Cabos sebaik sahaja Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC Ke-10 berakhir.

Berangkat tiba di Mexico

Jasa Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohd. Alam.

Juga berada di lapangan terbang ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan para pegawai kedutaan.

Sejurus kemudian baginda berangkat beredat ke Hotel Esperanza, villa persemayaman semasa baginda berada di sini. Keberangkatan tiba baginda di Los Cabos oleh pengurus besar hotel berkenaan, Tuan Severino Gomez.

Di hari kedua esok, baginda mempunyai atur cara yang padat. Di sebelah pagi, baginda berkenan menerima mengadap wakil China Taipei ke AELM, Tuan Yang Terutama Dr. Yuan Tseh Lee dan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Presiden Mexico, Tuan Yang Terutama Presiden Vicente Fox Quesada.

Manakala di sebelah pe-

tang, baginda akan berangkat menghadiri majlis mengalu-alukan para ketua ekonomi, sesi retreat dan bergambar dengan ketua-ketua ekonomi yang lain serta sesi dialog dengan Majlis Penasihat Perdagangan APEC (ABAC) dan minilateral Sidang Puncak ASEAN-Amerika Syarikat yang dijangka dipengerusikan oleh Presiden Amerika Syarikat.

Manakala di sebelah malam pula, baginda dan ketua-ketua ekonomi yang lain akan diraikan dengan jamuan makan dan persembahan kebudayaan yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Vicente Fox Quesada.

Sementara di hari ketiga, baginda dijadualkan menghadiri retreat kedua, sesi bergambar ramai yang diikuti pembacaan Deklarasi APEC Mexico 2002 dan jamuan makan tengah hari.

Mesyuarat kali ini yang merupakan ulang tahun ke-10 Ketua-ketua Ekonomi APEC sejak pertama kali diadakan di Blake Island, Seattle, Amerika Syarikat bertemakan Mem-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Miguel Hakim, Timbalan Menteri Luar Mexico yang mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda di Los Cabos, Mexico.

Dari muka 1

Dalam perjumpaan yang diadakan di tempat berasingan, baginda menyatakan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Presiden Bush atas inisiatif beliau menganjurkan perjumpaan khas itu. Baginda berharap proses konsultasi itu akan dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang.

Semasa perjumpaan itu juga, baginda mengalu-alukan Enterprises For ASEAN Initiative. Menurut baginda, Negara Brunei Darussalam bersedia untuk bekerjasama ke arah kemungkinan untuk menubuhkan satu persetujuan rangka kerja bagi perdagangan dan pelaburan antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat.



Laporan Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Haji Masmaleh HMA
dari Mexico

perluas Faedah Kerjasama Untuk Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi - Melaksanakan Wawasan.

Mesyuarat ini yang juga pertama kali dianjurkan oleh ahli ekonomi dari Amerika Latin dijangka akan memperbaik lagi usaha ke arah komitmen dalam memberikan faedah globalisasi, pembebasan pasaran dan perkongsian dalam kemakmuran di rantau Asia Pasifik.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan di sini, dalam mesyuarat ini, penekanan akan diberikan kepada pembangunan, perusahaan kecil-kecilan termasuk pemberian pengiktirafan kepada micro-financing sebagai faktor yang penting dalam kejayaan perusahaan-perusahaan berkenaan.

Negara Brunei Darussalam yang menjadi tuan rumah APEC 2002 di Bandar Seri Begawan telah menyediakan jalan bagi menyokong aktiviti-aktiviti perusahaan berkenaan melalui usaha sama dengan Republik Rakyat China khususnya dalam inisiatif pembangunan keupayaan manusia (Human Capacity Building) dan mendapatkan laluan kepada maklumat.

Ketua-ketua negara ekonomi juga, jelas siaran akhbar itu, mempersembahkan hasrat Negara Brunei Darussalam untuk melipatgandakan laluan kepada internet di rantau APEC pada tahun 2005.

Memandangkan kerjasama antarabangsa dalam menangani masalah keganasan yang sedang giat diusahakan, mesyuarat di pusat perancangan terkenal ini, berdasarkan Pengisytiharan Shanghai 2001, akan terus memerangi masalah keganasan. Deklarasi itu akan diharapkan untuk memberantas serangan pengganas dan dalam masa yang sama membolehkan

pertumbuhan ekonomi. Kemuncak mesyuarat ini ialah pengisytiharan deklarasi para ketua ekonomi yang akan diadakan pada 27 Oktober ini.

Dari muka 1

Ke arah itu, titah baginda, APEC memberi peluang kepada Negara Brunei Darussalam untuk menimba pengalaman, mencontohi amalan-amalan yang baik dan mengumpul sumber-sumber pihak lain dalam usahanya untuk menyatu diri ke dalam ekonomi dunia.

Memandangkan keupayaan yang terhad di kalangan ekonomi-ekonomi yang baru membangun, baginda seterusnya menyarankan bahawa sudah tiba masanya bantuan institusi-institusi seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia diperolehi. Sehubungan itu, jelas baginda, Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan cadangan bagi mesyuarat 'meja bulat' dengan Bank Dunia pada tahun 2003.

Selepas mesyuarat retreat, baginda berkenan berangkat ke majlis pembacaan deklarasi ketua-ketua ekonomi APEC yang diikuti sesi bergambar ramai dan santap tengah hari yang diberikan oleh Presiden Mexico, Tuan Yang Terutama Vicente Fox Quesada.

Sebagaimana lazimnya mesyuarat kali ini juga mengumpul 21 anggota ekonomi APEC dari Asia, Australia, Amerika Utara dan Amerika Latin. Mexico yang merupakan salah sebuah dari 10 negara membangun yang utama adalah negara Amerika Latin yang pertama menjadi tuan rumah mesyuarat ini sejak APEC dibentuk dalam tahun 1989.

Berangkat meninggalkan Los Cabos

LOS CABOS, MEXICO, 27 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat meninggalkan Los Cabos sebaik sahaja Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC Ke-10 berakhir.

Sebelum berangkat ke Lapangan Terbang Los Cabos yang terletak 45 minit perjalanan dari Hotel Esperanza, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Mexico, Tuan Yang Terutama Miguel Hakim; Duta Besar Negara

Brunei Darussalam Yang Tidak Menetap ke Mexico, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh dan para pegawai kedutaan berada di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berangkat kepada baginda.

Sementara itu, malam tadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bersama para ketua ekonomi APEC yang lain ke Majlis Santap Malam dan persembahan kebudayaan yang disebarkan oleh Presiden Mexico, Tuan Yang Terutama Vicente Fox Quesada, di Hotel Fiesta Americana.

Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC Ke-11 pada tahun 2003 akan diadakan di Bangkok, Thailand.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan memotong kek yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain tertarik dengan berbagai persembahan jenakarama yang disembahkan oleh ahli-ahli PENJURU bagi memeriahkan lagi suasana Sambutan Hari Puja Usia baginda (atas dan kanan).

Oleh Siti Aishah HS
Gambar-gambar oleh Harun HR

JERUDONG, 18 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia baginda yang dianjurkan oleh Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) berlangsung di Hotel Asma, Jerudong.

Keberangkatan tiba baginda dan kerabat diraja dijunjung oleh Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Jaliha binti Haji Momin dan Yang Dipertua PENJURU, Awang Haji Johari bin Abdul Rahman berserta ahli-ahli PENJURU.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Sejurus keberangkatan tiba Lagu Kebangsaan dimainkan diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Pengerusi Majlis.

Pada majlis itu, baginda juga berkenan memotong kek dan menerima pesambah daripada Ahli Jawatankuasa PENJURU.

Sambutan Hari Puja Usia baginda diserikan lagi dengan persembahan tarian, nyanyian dan jenakarama oleh ahli-ahli PENJURU keempat-empat daerah.

Selepas itu baginda juga berkenan berangkat menyaksikan Pameran Masakan Jururawat Antarabangsa.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda telah berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli PENJURU.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli PENJURU sejurus sebelum berangkat meninggalkan majlis (atas kiri). Sementara gambar kiri dan kanan, baginda tertarik dengan berbagai jenis masakan dan hasil kerja tangan yang dipamerkan oleh jururawat antarabangsa dari Myanmar dan Pakistan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli PENJURU sejurus berangkat tiba di Hotel Asma, Jerudong.

PENJURU ANJURKAN SAMBUTAN PUJA USIA



AMRI sepakat tubuhkan berita TV ASEAN

Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

JERUDONG, 19 Oktober. - Persidangan Ke-7 Menteri-menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan

(AMRI) yang diadakan selama dua hari di Empire Hotel and Country Club berakhir hari ini dengan majlis penandatanganan

surat kesepakatan mengenai meluluskan projek penubuhan berita televisyen ASEAN yang dicadangkan oleh Negara Brunei Darussalam.

terus dikembangkan oleh Negara Brunei Darussalam. Dalam pada itu Negara Brunei Darussalam turut menawarkan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat persediaan bagi projek tersebut yang akan dilaksanakan dalam bulan Januari tahun depan.


Projek berkenaan bertujuan bagi menerbitkan dan menyediakan lebih banyak berita mengenai ASEAN kepada orang ramai dan media dunia dengan menggunakan teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Selain itu berita televisyen ASEAN itu boleh menjadi satu cara praktikal bagi membetulkan aliran maklumat yang tidak seimbang. Di masa yang sama ia juga dapat mempercepatkan dan mempromosikan ASEAN termasuk nilainya, inspirasi, kejayaan dan sumbangan kepada keamanan dan keselamatan dunia.

Persidangan berkenaan juga mengambil maklum bahawa projek tersebut akan

Selaku penyelaras berita televisyen ASEAN dan pertukaran berita, Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah untuk meneroka berbagai peluang bagi mengeratkan perkongsian strategik.

Para jemaah menteri berkenaan juga bersetuju bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja Teknikal AMRI yang akan dianggotai oleh para pegawai kanan dan pakar-pakar teknikal untuk mewujudkan penyelaras dan kecekapan dengan mengkaji semula projek-projek AMRI dan melaksanakan arahan, di samping meneliti cadangan-cadangan baru.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bersama Menteri-menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (AMRI) ketika menandatangani Surat Kesepakatan Mengenai Meluluskan Projek Penubuhan Berita Televisyen ASEAN. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

ASEAN pertubuhan yang bersatu dalam wawasan Sepakat promosikan ASEAN sebagai rantau bersatu

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

JERUDONG, 19 Oktober. - Para jemaah Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (AMRI) yang menghadiri Sidang Ke-7 telah menerima seruan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya mengukuhkan usaha-usaha bersama dalam meningkatkan imej ASEAN dengan lebih positif.

Titah utama baginda semasa merasmikan sidang itu diulangi semula oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dalam sidang media

yang berlangsung di Empire Hotel dan Country Club di sini.

Yang Berhormat selaku pengerusi sidang itu seterusnya berkata dalam titah utama baginda menekankan pentingnya ASEAN dan mengisytiharkan bahawa Asia Tenggara bukan sahaja satu geografi atau kumpulan negara-negara tetapi sebuah pertubuhan yang bersatu dalam wawasan arah dan tujuan.

Yang Berhormat menambah bahawa baginda juga menekankan jika integrasi ASEAN mahu bertahap lama semua rakyat dan penduduk di rantau ini hendaklah yakin bahawa mereka mempunyai pertaruhan sebenar dalam kejayaan pertubuhan iaitu satu perkongsian penting.

Menurut Yang Berhormat di sidang itu para jemaah telah bersetuju

bahawa dalam menghadapi cabaran global dan serantau ketika ini usaha diperlukan bagi mempromosikan ASEAN sebagai sebuah rantau yang bersatu, stabil dan dinamik.

Selain itu para jemaah menteri juga bersetuju untuk membuktikan kualiti, kandungan dan maklumat yang dikumpul dan disiarkan agar ia lebih menarik dan berkesan kepada penonton sama ada dalam atau luar rantau ASEAN.

Para jemaah menteri juga bersetuju untuk menggunakan secara lebih meluas teknologi maklumat (IT) dan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dalam mengumpulkan maklumat mengenai ASEAN secara lebih dekat dalam bidang kebudayaan, sosial dan ekonomi.

Para menteri juga mengingatkan mengenai kesan liputan berita negatif mengenai ASEAN dan bersetuju untuk mengimbangi

nya dan dalam waktu yang sama berusaha merancang perpaduan dan kualiti istimewa bagi ASEAN.

Mengenai isu keganasan, para jemaah menteri melahirkan rasa dukacita dan bersimpati kepada keluarga yang ditimpa bencana yang berlaku

baru-baru ini di Bali, Indonesia dan di Bandar Zamboanga, Filipina. Mereka mengutuk semua bentuk keganasan dan mempersetujui deklarasi pemimpin-pemimpin ASEAN mengenai tindakan bersama untuk menentang keganasan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Laila Utama Haji Awang Isa ketika berucap di Sidang Media AMRI yang berlangsung di Hotel Empire and Country Club, Jerudong. - Gambar oleh Hamadi HM.

Muzakarah Melayu Islam Beraja untuk penghulu, ketua kampung

Oleh Abd. Karim HAB

TUNGKU, 17 Oktober. - Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja akan menganjurkan Muzakarah Melayu Islam Beraja kepada para penghulu dan ketua kampung Daerah Brunei-Muara pada 23 Oktober 2002 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pengarah Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darus-

salam (UBD), Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim yang juga Setiausaha Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja dalam sidang akhbar di APB, menjelaskan bahawa muzakarah yang akan diadakan sebelah pagi dan petang akan dilancarkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji

Awang Abdul Aziz selaku Pengerusi Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja.

"Matlamat muzakarah ini yang dikelolakan oleh Akademi Pengajian Brunei ialah untuk melihat keberkesanan pengetahuan dan kefahaman para penghulu dan ketua kampung terhadap falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Mereka di harap akan dapat menyebarkan pemahaman itu kepada anak buah kampung atau orang ramai," jelas beliau.

Sebanyak tujuh kertas kerja akan dibentangkan dalam muzakarah itu termasuklah 'Adat Istiadat Melayu Islam Beraja', 'Dakwah Islamiah Dalam Melayu Islam Beraja', 'Islam Sebagai Teras Falsafah Negara', 'Penguatkuasaan Identiti Kebruneian', 'Pertahanan Negara Dalam Mengukuhkan Falsafah MIB', 'Peranan Undang-Undang Dalam Memantapkan MIB' dan

'Peranan Pendidikan Dalam Memantapkan Falsafah Negara'.

Menurut Dr. Haji Abdul Latif, muzakarah yang bertemakan 'Penghayatan Melayu Islam Beraja Melalui Penghulu dan Ketua Kampung' akan dihadiri oleh 300 orang peserta. Muzakarah ke Daerah-daerah Tutong, Belait dan Temburong akan ditetapkan kemudian.

Menurut beliau, melalui muzakarah itu, pihak penganjur berharap pengetahuan, kefahaman dan penghayatan falsafah negara MIB di kalangan para penghulu dan ketua kampung akan meningkat, selain akan menjadikan mereka sebagai penyambung lidah kerajaan mengenai falsafah MIB kepada anak buah masing-masing dan orang ramai serta mampu menjelaskan cara pengalaman kehidupan kebruneian yang berfalsafahkan MIB, baik dalam pentadbiran mahupun kehidupan seharian semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

ANUGERAH PERSATUAN BELIA CEMERLANG

SUKACITA dimaklumkan bahawa Jabatan Belia dan Sukan akan mengendalikan Anugerah Persatuan Belia Cemerlang dalam tiga kategori :

1. Ekonomi
2. Pengurusan
3. Projek

Dalam hubungan itu, sukacita dipelawa persatuan dan pertubuhan belia di Negara Brunei Darussalam untuk menyertai Pertandingan Anugerah Persatuan Belia Cemerlang ini.

Borang penyertaan bolehlah didapati di :-

Urusetia Anugerah Persatuan Belia Cemerlang, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BC3915, Negara Brunei Darussalam.

Tel : 381903/381904/382911 Faks : 381524 atau Cawangan Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan di keempat-empat daerah.



PENGARAH Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim yang juga Setiausaha Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja memberi penjelasan semasa sidang akhbar. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Sektor perkapalan komponen utama wawasan 'SHUTT'

Oleh
Siti Aishah HS

BERAKAS, 17 Oktober. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria berkesempatan menyampaikan salah satu komponen utama bagi mencapai wawasan untuk menjadikan negara ini sebagai Pusat Perkhidmatan Perdagangan dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan menyatakan demikian di Majlis Sambutan Hari Maritim Sedunia yang berlangsung di Hotel Orchid Garden di sini.

Menteri Perhubungan menambah, industri perkapalan juga merupakan teras yang sangat penting dalam perdagangan antarabangsa sesebuah negara dan menjadi kebanggaan jika mempunyai kapal-kapal tanker sendiri yang dapat membawa eksport minyak dan gas untuk dijual keluar negara.

Adalah dijangkakan bahawa dengan perlaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), perdagangan di antara negara-negara di rantau ini akan meningkat dan dengan sendirinya membuka peluang yang lebih luas bagi memajukan perkhidmatan perdagangan antara negara dengan negara lain di rantau ini.

"Namun demikian, industri perkapalan kita tidak akan mungkin berkembang jika kita semata-mata bergantung kepada perkhidmatan perkapalan luar negeri untuk mengangkut perdagangan negara ini dan jika kita terus bersandarkan kepada kemudahan dari luar bagi penyelenggaraan dan pembaikan kapal dan bot," tegas Yang Berhormat.

Hari Maritim Sedunia pada tahun ini bertepatan



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika menyampaikan sijil bagi pencapaian ISM Code dan sijil pengesahan pengiktirafan (EoR) kepada seorang pengurus dan pengusaha kapal. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

'Perkapalan Yang Lebih Selamat Menghendaki Satu Budaya Keselamatan' atau 'Safer Shipping Demands A Safety Culture'.

Faktor keselamatan adalah ciri yang sangat penting dalam apa jua jenis pekerjaan termasuk pekerjaan dalam industri perkapalan. Maka ke arah ini, Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) telah memperkenalkan komitmen dalam meningkatkan keselamatan maritim.

Langkah pertama ialah pelaksanaan 'Konvensyen Piawaian Latihan, Persijilan dan Tugas-tugas Pelaut' atau 'Convention On Standards of Training, Certification and Watch-keeping For Seafarers (STCW 95)' yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Februari 2002.

Langkah kedua ialah penguatkuasaan Kod Pengurusan Keselamatan Antarabangsa bagi pengendalian kapal-kapal dengan selamat dan pencegahan pencemaran atau dipanggil International Safety Management Code (SM Code) dan dikuatkuasakan bermula

pada 1 Julai tahun ini.

Dalam mematuhi konvensyen ini, ia bermatlamatkan perkapalan yang lebih selamat dan penjagaan lautan yang lebih bersih (safer shipping and cleaner oceans).

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Laut telah pun membuat semakan semula Akta Perkapalan Pedagang.

Hasil dari semakan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun mengurniakan perkenan ke atas akta baru 'Perintah Kapal Pedagang 2002' bagi menggantikan Akta Kapal Pedagang yang lama.

Di majlis berkenaan, Yang Berhormat menyampaikan sijil-sijil bagi pencapaian ISM Code dan pengesahan sijil pengesahan pengiktirafan (EoR) kepada beberapa pemilik, pengurus dan pengusaha kapal-kapal yang berdaftar di negara ini serta pegawai dan anak buah kapal yang bertugas di atas kapal.

Ini membuktikan keja-

yaan mereka dalam mencapai tahap keselamatan yang diiktiraf antarabangsa dalam pengendalian prosedur pengurusan dan operasi harian.

Hari Maritim Sedunia dimanfaatkan untuk memberi pendekatan terhadap betapa pentingnya keselamatan alam sekitar marin, selain memberi perhatian khusus terhadap salah satu aspek dari tugas-tugas yang dikendalikan oleh IMO.

Negara Brunei Darussalam telah pun termasuk ke dalam Senarai Putih atau 'White List' iaitu negara-negara yang telah diperakui melaksanakan peruntukan Konvensyen STCW 95.

Setakat ini Negara Brunei Darussalam telah menandatangani sebanyak 12 Memorandum of Undertaking dengan negara-negara White List lain bagi pengiktirafan bersama latihan-latihan dan persijilan masing-masing.

Kemasukan negara ini ke dalam senarai tersebut telah mengangkat martabat perkapalan kita ke taraf antarabangsa.

INFO PERKHIDMATAN AWAM

Pelanjutan Tanggagaji : EB Khas

MENURUT Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/1999 bahawa tanggagaji lanjutan EB Khas yang baru bagi Bahagian I, II, III, IV dan V adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1999.

PERATURAN DAN SYARAT KENAIKAN GAJI LANJUTAN

- Kenaikan gaji ke Sukatan Gaji Lanjutan dinamakan 'EB KHAS'.
- Kenaikan EB Khas diberikan bagi pegawai-pegawai kerajaan yang memenuhi syarat-syarat berikut : -
 - Pegawai berkenaan telah menerima gaji maksimum pada tanggagaji masa kini dalam tempoh tidak kurang tiga (3) tahun; dan
 - Laporan penilaian prestasi sekurang-kurangnya di tahap 'sangat baik' dua (2) tahun berturut-turut.

TARIKH KENAIKAN EB KHAS

- Bahagian I dan II adalah ulang

tahun tarikh lantikan ataupun kenaikan pangkat.

- Bahagian II, IV dan V adalah ulang tahun tarikh kenaikan gaji tahunan yang terakhir; dan
- Bagi Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei sama ada ulang tahun tarikh lantikan atau tarikh kenaikan pangkat.

SOKONGAN DAN KUASA MEMBENARKAN EB KHAS

- Pegawai dalam Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kebenaran.
- Pekerja diambil tempatan di luar negeri dibenarkan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam; dan
- Pekerja bergaji hari akan dibenarkan oleh Ketua Jabatan masing-masing.

Kem. Pendidikan juara Pertandingan Akhir Kuiz Perkhidmatan Awam

Oleh
Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Oktober. - Kementerian Pendidikan muncul johan di Pertandingan Akhir Kuiz Perkhidmatan Awam Ke-5 tahun ini setelah mengalahkan Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei di sini.

Tetamu Kehormat, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail yang juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Pertandingan yang dibahagikan kepada tiga

kategori itu menyaksikan kebolehan kedua-dua pasukan menjawab soalan yang diajukan khusus mengenai dengan peraturan yang digunakan dalam kerja seharian dalam Perkhidmatan Awam.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam buat pertama kali diadakan pada tahun 1998 sebagai salah satu aktiviti sektoral sambutan Hari Perkhidmatan Awam.

Pertandingan berke-

naan telah menjadi budaya yang sihat dalam menyebarkan pengetahuan kepada warga perkhidmatan itu sendiri dan orang ramai amnya mengenai peraturan-peraturan dalam Perkhidmatan Awam di negara ini.

Selain itu pertandingan juga dipercayai boleh mencergaskan minda dengan mengajar para peserta untuk berfikir cepak dan lebih efisien, di samping mewujudkan warga Perkhidmatan Awam yang berilmu dan sentiasa mengamalkan kerjasama, persefahaman, muzakarah serta bersikap tidak putus asa.



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menyampaikan hadiah kepada pasukan Kementerian Pendidikan yang muncul juara dalam Pertandingan Akhir Kuiz Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Abdullah HAD.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA (Bahagian II)

Jenis Perkhidmatan

TPOR

A. PERMOHONAN INDUSTRI PERIKANAN

- Penerimaan borang industri perikanan daripada pemohon.
- Memaklumkan penerimaan borang kepada pemohon dan penelitian (kelengkapan borang).
- Susulan borang permohonan tidak lengkap (maklumat am).
- Menghadapkan borang permohonan kepada bahagian-bahagian teknikal yang relevan untuk penelitian dan sokongan.
- Surat peringatan tiada kemajuan.
- Menghadapkan projek untuk ditarik balik tawaran ke Mesyuarat Badan Meneliti.
- Memaklumkan tawaran dan penarikan balik lesen industri perikanan kepada pemohon.

- 1 hari
- 2 - 3 hari
- 7 hari waktu bekerja dari penerimaan borang
- 1 -2 hari dari penerimaan borang
- Setelah 3 bulan pertama
- Selepas 3 bulan surat peringatan/tertakluk tempoh kelonggaran
- 2 - 3 hari dari keputusan PIC

Sambutan Puja Usia Kebawah DYMM Raja Isteri anjuran BAKTI

Oleh Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh Ramli Tengah

BERAKAS, 20 Oktober. - Pertunjukan Pakaian Busana Islam dan Demonstrasi Pemakaian Tudung menjadi persembahan yang menarik sempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Majlis Sambutan Hari Puja Usia baginda di Mes Pegawai Berakas Garrison, di sini.

Majlis anjuran Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) itu juga diserikan dengan persembahan Nasyid Khas sempena puja usia oleh BAKTI Cawangan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, persembahan Tausyeh Cawangan ATDDB dan Pusat Latihan ABDB sementara Cawangan Bolkiah Garrison dan ATUDB mempersembahkan lagu-lagu dakwah.

Awal dari itu, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah dijunjung oleh Yang Dipertua BAKTI, Datin Hajah Salbiah dan ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir BAKTI sesi 2002-2004.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Di majlis itu, Yang Dipertua BAKTI menyempurnakan majlis menyembahkan pulut kuning ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Kemudian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesembah ahli jawatankuasa majlis.

Doa selamat telah dibacakan oleh Guru Ugama Tingkat Khas Pusat Latihan Kompeni Askar Wanita, Penanjong Garison, Hajah Masura Haji Abidin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli BAKTI dan berkenan menandatangani Buku Pelawat sebelum berangkat meninggalkan majlis.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia baginda yang dianjurkan oleh BAKTI.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi BAKTI sejurus berangkat tiba di Mes Pegawai Berakas Garrison (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesembah seorang ahli BAKTI (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi BAKTI sejurus berangkat tiba di Mes Pegawai Berakas Garrison (atas).

BAGINDA, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna menadah tangan ketika doa selamat dibacakan (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesembah seorang ahli BAKTI (atas). Sementara gambar kiri, ahli-ahli BAKTI sama-sama menadah tangan ketika doa selamat dibacakan oleh Guru Ugama dari Pusat Latihan Kompeni Askar Wanita.

Bantuan kebajikan, kesejahteraan berterusan Masyarakat negara ini masyarakat penyayang

GADONG, 20 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam bersabda, dengan adanya usaha-usaha yang berterusan ke arah memberikan kesedaran yang melibatkan masyarakat umum di negara ini untuk sama-sama memberikan perhatian ke atas kebajikan dan kesejahteraan ahli-ahli Persatuan KACA yang memerlukan perhatian khusus hendaklah terus dilaksanakan.

"Bantuan-bantuan daripada orang ramai, persatuan, pertubuhan dan pihak swasta adalah sangat-sangat diperlukan untuk menjamin kesinambungan

program dan kegiatan Persatuan KACA," sabda Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Ke-6 Persatuan KACA.

Sejauh ini sabda Duli Yang Teramat Mulia, orang ramai di negara ini sentiasa bersedia dan tampil ke hadapan untuk megulurkan bantuan dalam bentuk kewangan, kebendaan, tenaga ataupun buah fikiran yang diperlukan oleh Pesatuan KACA.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda bahawa adalah jelas masyarakat di negara ini adalah masyarakat yang pe-

nyayang dan 'caring society' iaitu sentiasa prihatin kepada semua pihak yang kurang bernasib baik.

Sumbangan-sumbangan ini sabda Duli Yang Teramat Mulia telah mengukuhkan lagi keupayaan Persatuan KACA untuk mengatur, merancang dan mengukuhkan lagi kegiatan-kegiatan bagi kanak-kanak cacat di negara ini, termasuk kegiatan yang bersesuaian seperti membuka pusat-pusat bimbingan dan memberikan bimbingan dan pendidikan kepada mereka di kesemua daerah di negara ini.

Di samping bantuan dan sokongan, bantuan dan sokongan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan tulang belakang bagi kejayaan Persatuan KACA.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, ini membuktikan bahawa pihak kerajaan sentiasa peka dan prihatin ke atas kebajikan dan kesejahteraan segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Peratuan KACA, Duli Yang Teramat Mulia menyarankan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir perlu bekerjasama dan meneliti pencapaian yang telah dilakukan oleh negara-negara jiran dan serantau.

"Kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan serupa di rantau ini adalah penting bagi meningkatkan pengalaman dan menambatkan pengetahuan ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan akan meluaskan lagi pemandangan dan pemikiran ahli-ahli Persatuan KACA," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri di Dewan Goldstone Centrepoint, dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain

Oleh Aliddin Hj. Moktal
Gambar-gambar oleh
Halim HS

yang juga Penasihat KACA serta Yang Dipertua KACA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Azemah Ni'matul Bolqiah.

Yang Dipertua KACA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu dalam sembah alu-aluannya antara lain menyentuh mengenai perkembangan yang dicapai oleh Persatuan KACA sejak penubuhannya pada 27 Oktober 1986.

Di majlis itu juga Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri juga berkenan menerima sumbangan bagi Persatuan KACA yang

disumbangkan oleh wakil-wakil Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) sejumlah \$37,000.00, Bank Islam Pembangunan Brunei (IDBB) sebanyak \$3,000.00, HSBC \$1,000.00, Food & Craft Fair \$1,000.00, Ang Swee Chuan \$2,000.00, First Emporium \$1,988.00, Aiking Trading Company \$1,000, The Million Goldsmith \$500.00, Brusin Trading Company Sdn. Bhd. \$200.00, Nazmi Te-tile Mall \$1,000.00, Ken Florist Nursery \$1,500.00 dan Just Toys menyumbangkan sebuah rumah permainan kanak-kanak yang dianggarkan berharga \$500.00.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam juga berkenan menerima pesamban.

Bagi memberkati majlis pada hari itu, doa selamat dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dijunjung oleh Penyelia Taman Kanak-Kanak KACA, Dayang Janey Gilkey bagi menyaksikan pameran dan gambar-gambar aktiviti yang dilaksanakan oleh Persatuan KACA.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima penerangan ringkas mengenai pameran dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Persatuan KACA oleh Penyelia Taman Kanak-Kanak KACA, Janey Gilkey.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima sumbangan dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) (atas) dan dari HSBC (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli KACA dan keluarga yang sama-sama hadir di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Ke-6 Persatuan Kanak-Kanak Cacat (atas).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima sumbangan bagi Persatuan KACA dari sebuah badan swasta (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) dan lain-lain jemputan yang hadir (atas). Sementara gambar kiri, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah berkenan menerima penerangan ringkas mengenai pameran dan aktiviti-aktiviti Persatuan KACA.

Sempena ulang tahun ke-20 Biro Mencegah Rasuah Sejarah penubuhan BMR - Satu Imbasan

**HASRAT PUCUK
PIMPINAN TERTINGGI
NEGARA BAGI
MEWUJUDKAN
JENTERA KERAJAAN
YANG BERSIH DARI
RASUAH**

Pada 21 Disember 1981, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah di Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Mesyuarat Negeri kali yang ke-19 yang berlangsung di Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, bahawa baginda berhasrat untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran kerajaan yang efisien, jujur lagi amanah. Ke arah itu, baginda sama sekali menegakkan pegawai-pegawai dalam kerajaan baginda mengamalkan apa jua bentuk rasuah. Antara lain baginda bertitah:

"Beta ingin menegaskan sekali lagi bahawa adalah menjadi hasrat beta untuk mewujudkan sistem pentadbiran kerajaan beta yang efisien, jujur dan amanah. Kerajaan yang efisien, jujur dan amanah hanya akan dapat diwujudkan dan dijamin hidupnya sekiranya segenap lapisan pegawai-pegawai dalam kerajaan beta dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan cekap, jujur dan amanah disertai dengan tulus ikhlas semata-mata kerana Allah untuk kebajikan Negeri Brunei dan penduduk serta isi di dalamnya. Dari itu, beta mengingatkan semua pegawai kerajaan beta dalam semua peringkat supaya mengamalkan sikap bekerja dengan cekap, jujur lagi amanah serta penuh



BANGUNAN Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah, Lapangan Terbang Lama Berakas.



BANGUNAN Pejabat Biro Mencegah Rasuah, Cawangan Kuala Belait, di Jalan Sungai Pandan.

Rencana dan gambar sumbangan Biro Mencegah Rasuah

dedikasi

Baginda seterusnya bertitah mengenai tindakan tegas pada mencegah sebarang rupa dan bentuk rasuah:

"Dalam usaha untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang efisien, jujur dan amanah yang beta sebutkan tadi, maka beta dengan setegas-tegasnya menekankan bahawa sikap jujur dan amanah itu hendaklah dipupuk berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam, yakni, beta sama sekali menegakkan pegawai-pegawai dalam kerajaan beta mengamalkan apa jua bentuk corruption atau rasuah. Insya-Allah, beta akan mengambil tindakan tegas pada mencegah sebarang rupa dan bentuk rasuah di kalangan pegawai-pegawai dalam kerajaan beta....."

Pada tarikh yang sama iaitu 21 Disember 1981, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat satu undang-undang yang diberi nama Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981. Perintah tersebut berkuat kuasa pada 1 Januari 1982. Mulai dari tahun 1984 perintah ini dikenali sebagai Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131). Untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang tersebut, satu badan bebas yang diberi nama Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1982.



Pegawai yang pertama dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Pengarah BMR ialah Dato Paduka Awang Mohd Ali bin Haji Mohd Daud (sekarang dikenali YDM Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Paduka Haji Awang Mohd Ali bin Haji Mohd Daud, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri).

Pengarah Biro Mencegah Rasuah adalah bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Di bawah peruntukan Seksyen 3(1) dari Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh melantik seorang Pengarah yang bertanggungjawab bagi mengarah dan mentadbir Biro Mencegah Rasuah. Manakala Seksyen 3(2) dari akta yang sama memberi peruntukan bahawa Pengarah Biro Mencegah Rasuah adalah tidak tertakluk kepada arahan atau kawalan sesiapa jua pun selain dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seksyen 2 dari Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131) menghuraikan pengertian yang meluas mengenai dengan 'suapan' yang termasuk kewangan, harta benda, pertolongan, perkhidmatan, layanan dan sebagainya.

Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131) memberi kuasa-kuasa khusus kepada Biro Mencegah Rasuah untuk menjalankan kerja-kerja penyiasatan terhadap aduan-aduan mengenai kegiatan rasuah dan yang berkaitan dengannya. Akta ini juga memberi kuasa kepada Biro Mencegah Rasuah untuk menyalah apa juga kesalahan yang boleh dibuat tangkapan (seizable offence) di bawah undang-undang lain yang dipaparkan semasa menjalankan penyiasatan di bawah akta ini.

TEGAS MENENTANG RASUAH 'MELALUI KUASA UNDANG- UNDANG'

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sentiasa tegas dan tidak akan teragak-agak dalam menjalankan tanggungjawab menurut lunas dan kuasa undang-undang bagi menentang rasuah hingga ke akar-akar umbunya. Bersempena dengan Majlis Pelancaran Kempen Anti-Rasuah dan Pembukaan Rasmi Ibu Pe-



"..... kerajaan adalah sentiasa tegas, dan tidak akan teragak-agak dalam menjalankan tanggungjawab menurut lunas dan kuasa undang-undang" Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan semasa bertitah di Majlis Pelancaran Kempen Anti-Rasuah dan Pembukaan Rasmi Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah pada 12 Mei 1992.

jabat Biro Mencegah Rasuah yang berlangsung pada 12 Mei, 1992 baginda bertitah:

"Rasuah adalah merupakan penyakit masyarakat antarabangsa yang telah lama wujud meracuni kehidupan manusia. Ia berlaku dengan tidak memilih tempat, waktu dan peringkat orang. Pendeknya, di mana-mana dan kepada siapa sahaja ia boleh berlaku atau terjadi.

Apabila rasuah sudah berleluasa dan menulari masyarakat, maka masyarakat itu akan kehilangan imej yang baik dan tidak dihormati lagi."

Seterusnya baginda bertitah tentang pentingnya mengekalkan ciri-ciri kesedaran menentang rasuah:

"Sebagai negara yang ternama lagi bermaruah, maka Brunei Darussalam patutlah mengekalkan ciri-ciri kesedaran menentang rasuah itu hingga ke akar-akar umbunya. Kita tidaklah boleh lalai dari melakukan usaha-usaha pencegahan, walau dengan apa cara pun, terutamanya melalui proses undang-undang yang ada.

Kerajaan adalah sentiasa tegas, dan tidak akan teragak-agak dalam menjalankan tanggungjawab menurut lunas dan kuasa undang-undang tersebut."

BIRO MENCEGAH RASUAH PERLU BERHATI-HATI DALAM SIASATANNYA - LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN PERLU DITERUSKAN

Baginda seterusnya memberi peringatan kepada mereka yang bertanggungjawab ke arah pencegahan rasuah supaya lebih berhati-hati dalam membuat penyiasatan dan penilaian bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesilapan dan penzaliman.

Kemudian baginda bertitah tentang perlunya jentera pencegahan rasuah terus diaktifkan:

"Berpandu kepada perkembangan-perkembangan yang ada, kita memanglah masih memerlukan jentera pencegahan rasuah terus diaktifkan. Kerana walaupun biro yang berkenaan itu telah ditubuhkan semenjak tahun 1982, namun masih sahaja terdapat kes-kes rasuah, yang setengahnya itu melibatkan pegawai-pegawai kerajaan sendiri. Sedangkan

rasuah, apa pun sifatnya, adalah bertentangan dengan semua kepentingan awam, yang boleh melemahkan pentadbiran dan negara.

Jadi kita tidaklah ada pilihan lain, melainkan mesti menyusun perancangan-perancangan yang kemas dengan strategi-strategi yang tepat untuk memerangi rasuah itu dengan lebih berkesan lagi, sama ada di kalangan para pegawai kerajaan mahupun orang awam."

KEMENTERIAN- JABATAN DAN JABATAN-JABATAN HENDAKLAH MEMASTIKAN TIDAK AKAN TERDAPAT SEBARANG 'LOOPHOLES' DALAM JENTERA PENTADBIRAN

Menyentuh mengenai jentera pentadbiran di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, baginda bertitah:

"Khas mengenai dengan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan ini, beta percaya kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan akan dapat memastikan, bahawa tidak akan terdapat sebarang 'loopholes' dalam jentera pentadbiran di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan tersebut yang boleh digunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab."

BANTUAN DAN SOKONGAN ORANG RAMAI DIPERLUKAN DALAM USAHA MEMERANGI RASUAH

Mengenai dengan peranan pihak orang ramai, baginda bertitah:

"Sementara di pihak orang ramai pula, kerjasama mereka adalah amat dipentingkan bagi sama-sama membantu kerajaan dalam perkara-perkara yang layak dan munasabah, sehingga dengan wujudnya kerjasama yang seumpama itu maka semua pintu jenayah, sama ada kerana menerima ataupun memberi rasuah itu akan dapat dikawal dan ditutup rapat oleh kita."

Hasrat pucuk pimpinan tertinggi negara untuk mewujudkan jentera kerajaan yang bersih dari rasuah telah juga diberi kesimpulan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri ketika itu kepada pegawai-pegawai BMR di dalam satu majlis yang diadakan pada 28 Februari 1998:

"Dapat diambil kesimpulan bahawa Akta Pencegahan Rasuah yang di kuatkuasakan serentak dengan penubuhan BMR adalah usaha pucuk pimpinan tertinggi negara bagi mewujudkan jentera kerajaan yang bersih dari rasuah di mana segenap anggota di dalamnya sedapat daya dihindarkan dari amalan rasuah."

Pada menjunjung hasrat pucuk pimpinan tertinggi negara itu, Biro Mencegah Rasuah telah menyusun dan mengamati misi dan objektif utamanya. Misi ini ialah "Menegakkan integriti perkhidmatan awam dengan membanteras kegiatan rasuah". Sementara itu objektif utamanya ialah "Membantaras rasuah melalui langkah-langkah pencegahan dan membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan". Untuk mencapai objektif tersebut BMR melaksanakannya melalui dua fungsi iaitu langkah-langkah pendidikan dan pencegahan, dan membuat penyiasatan.

Dalam melaksanakan kedua-dua fungsi tersebut, BMR telah menerapkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai sandaran dan panduan bagi menjalankan tanggungjawabnya.

Untuk mencapai hasrat mewujudkan jentera pentadbiran yang bersih dari rasuah, BMR dengan tegas dan tanpa teragak-agak telah dan akan terus menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya mengikut lunas dan kuasa undang-undang. Kerja-kerja BMR ditumpukan kepada sektor pentadbiran awam. Walau bagaimanapun, sektor swasta tidak diabaikan kerana ianya ada kaitan dengan sektor perkhidmatan awam dalam perkembangan sosioekonomi negara.

BMR berpegang teguh kepada titah baginda yang memberi peringatan supaya lebih berhati-hati dalam membuat penyiasatan dan penilaian bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesilapan dan penzaliman. Untuk mencapai tujuan ini, semua

maklumat dan aduan yang diterima oleh BMR akan dinilai dan diteliti oleh Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA) bagi memastikan terdapat unsur-unsur kebenaran. Setelah unsur-unsur kebenaran telah diperolehi, penyiasatan secara tertutap akan dijalankan bagi mengenal pasti kesahihan maklumat atau aduan dan menolak yang palsu dan tidak berasas. Setelah BMR berpuas hati dengan kesahihannya barulah penyiasatan secara terbuka akan dilakukan seperti memanggil yang tertuduh dan saksi-saksi untuk diambil keterangan mereka, melakukan pengeledahan, pemeriksaan dokumen dan menjalankan lain-lain kuasa penyiasatan yang diberikan oleh undang-undang.

Pada menjunjung titah supaya jentera pencegahan terus diaktifkan, BMR telah dan terus menyusun perancangan-perancangan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya di sektor perkhidmatan awam tentang rasuah dan keburukannya. Ini dilakukan dengan menyebarkan surat-surat keiling, risalah dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan rasuah, mengadakan kempen, ceramah, seminar, peredaran melukis poster dan menulis esei. Masyarakat juga telah diberi kesedaran bahawa tugas mencegah rasuah adalah tanggungjawab bersama. Sementara melalui promo di Radio Televisyen Brunei, masyarakat digalakkan memberi laporan kepada BMR tentang kegiatan rasuah.

Kini Biro Mencegah Rasuah telah berusia 20 tahun. Sejak penubuhannya Biro Mencegah Rasuah tidak kendur-kendur dalam usahanya untuk mencapai dan melaksanakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mewujudkan jentera pentadbiran yang bersih dari rasuah. Usaha-usaha ke arah ini akan terus dipertingkatkan lagi bagi mencapai hasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam bersih dari rasuah.

**TIADA RASUAH
NEGARA BERMARUAH
RASUAH DISEKAT
NEGARA BERKAT**



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad ketika hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Ke-57 Hari Kebangsaan Republik Korea. Gambar atas kelihatan Yang Berhormat dan Duta Besar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Kim Ho-Tai memotong kek sempena sambutan tersebut. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Brunei - Republik Korea nikmati persahabatan dan kerjasama erat

BANDAR SERI BEGA-WAN, 2 Oktober. - Sejak penubuhan hubungan diplomatik rasmi pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea menikmati talian persahabatan dan kerjasama yang erat. Kerjasama tersebut mendatangkan manfaat kepada kedua-dua buah negara yang banyak lagi bidang lain yang boleh diterokai ke arah mengukuhkan lagi hubungan tersebut.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad berucap di Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Ke-57 Hari Kebangsaan Republik Korea yang berlangsung di Pusat Persidangan Antara-

**Oleh
Awangku Jeffery PD**

bangsa Berakas.

Yang Berhormat dalam ucapannya juga memuji Republik Korea dalam usahanya cuba mempromosikan dan berdamai dengan Korea Utara susulan perjanjian baru-baru ini untuk membina perhubungan pengangkutan.

Beliau juga berkata, perkembangan positif dalam hubungan antara Korea itu akan mewujudkan perdamaian dan kestabilan di Asia Timur Laut dan menyumbang kepada kerjasama lanjut antara kedua-dua Korea.

Terdahulu dari itu, Duta Besar Republik Korea ke negara ini, Tuan Yang Terutama Kim Ho-Tai dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada kerajaan negara ini atas usaha gigih dan bermakna dapat membawa Menteri Luar Korea Utara menghadiri Mesyuarat ARF Ke-9 bulan Julai lalu.

Republik Korea merupakan negara pengimport gas kedua Negara Brunei Darussalam manakala Negara Brunei Darussalam adalah rakan pengeksport kelima Korea dalam perdagangan gas cecair asli. Jumlah dagangan dua hala ialah AS\$500 juta dalam pelbagai bidang.

Kemajuan cepat di bidang teknologi maklumat Membuahkan perkhidmatan maklumat tanah yang bersepadu

BERAKAS, 10 Oktober. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad berkata kemajuan yang cepat dalam bidang teknologi maklumat telah membuahkan perkhidmatan berbilang media ke satu sistem maklumat tanah atau ilmu alam yang bersepadu.

Dalam perkara ini peranan Jabatan Ukur, katanya, tidak boleh dilingkungi hanya dalam penyediaan tradisi pengukuran tanah dan pemetaan

**Oleh
Abu Bakar HAR**

tetapi juga harus berganding bahu dan bekerjasama untuk meningkatkan keupayaan dengan pihak swasta dan pakar dalam bidang lain untuk menubuhkan satu koperasi dan 'smart partnership'.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad menyatakan perkara tersebut di Majlis Perasmian

Ekspo Jubli Emas Jabatan Ukur yang berlangsung di Kementerian Pembangunan di sini.

Jabatan Ukur yang mempunyai lebih 500 orang kakitangan dan peruntukan lebih \$12 juta setahun, telah mencapai kemajuan yang membanggakan selaras dengan perkembangan dan kemajuan teknologi di bidang ukur tanah dan teknologi maklumat, di samping telah dipersijilkan kepada sistem pengurusan berkualiti ISO 9001 sejak

bulan November tahun 1997, jelas Menteri Pembangunan.

Tambahnya, jika Jabatan Ukur ingin mengalami suasana ekonomi yang bermaklumat ia mestilah menjadi pusat bermaklumat, bersifat kreatif, inovatif dan berdaya saing dalam semua pengurusan, di samping membuat langkah-langkah kemajuan dan menerima cabaran kesan globalisasi dan teknologi baru dengan memperbaiki ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran di semua peringkat kakitangannya.

Perkara ini bolehlah dibuat dengan membuktikan kecemerlangan keseluruhan prestasinya pada masa kini dan akan datang bagi memenuhi kehendak pelanggannya, tegasnya.

Ekspo selama 11 hari semata-mata bagi memperingati perkhidmatan dan sumbangan jabatan tersebut kepada negara selama setengah abad yang lalu.

Ekspo yang bertemakan 'Perintis Haluan Menampan Peralatan-peralatan Ukur dan Teknologi-teknologi' yang berkaitan di samping ceramah-ceramah yang menghimpunkan pakar-pakar bagi berkongsi maklumat dan buah fikiran.

Di perasmian itu Menteri Pembangunan juga telah melancarkan buku Jubli Emas, Peta Satelit dan Projek PPT-On-Line.

Menurut Jurusur Agung, Pengiran Haji Metussin dalam ucapan alu-aluannya menerangkan Projek PPT-On-Line itu dihasratkan untuk membolehkan semua permohonan penyantunan atau pemecahan tanah dibuat secara on-line melalui internet.

Walau bagaimanapun pelancaran hari itu merupakan fasa pertama di mana pemprosesan permohonan itu dikendalikan secara on-line bagi Jabatan-jabatan Ukur, Tanah dan Perancang Bandar dan Desa yang mana sudah dihubungkan melalui internet, katanya.

Sementara itu untuk mencapai ke arah e-kerajaan Projek PPT-On-Line akan lengkap pada tahun hadapan, jelasnya.

Sehubungan dengan pelancaran itu majlis diselenggarakan dengan Seminar Ukur Tanah Asas Pembangunan (UTAP) Ke-8 dan Mesyuarat-mesyuarat ASEAN Federation of Land Surveying and Geomatics (ASEAN Flag) dan Joint Surveyors Board (JBS) of Peninsular Malaysia, Singapore, Sabah and Brunei Darussalam.



MENTERI Pembangunan, Yang berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad ketika melancarkan buku sejour merasmikan Ekspo Jubli Emas Jabatan Ukur. Majlis berlangsung di Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Pegawai Perhubungan Awam perlu bersikap proaktif

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 9 Oktober. - Pegawai-pegawai Perhubungan Awam memerlukan adunan kerjasama yang aktif dan proaktif serta hubungan yang erat bukan sahaja antara agensi-agensi dalam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, tetapi juga dengan semua pihak berkaitan dalam usaha untuk mendapat dan menyebarkan maklumat kepada orang ramai.

Pada masa yang sama hubungan kerjasama yang sedia ada antara Pegawai-pegawai Perhubungan Awam dengan Jabatan Penerangan selaku Sekretariat kepada Jawatankuasa Pegawai-pegawai Perhubungan Awam hendaklah sentiasa dipertingkatkan lagi bagi menyelaraskan penyebaran maklumat mengenai hal-ehwal semasa dalam kerajaan.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menekankan perkara tersebut ketika berucap di Perjumpaan dan Ramah Mesra Bersama Pegawai-pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan berlangsung di Jabatan Penerangan di sini.

Awang Haji Bujang menambah, usaha memantapkan lagi kontak dan hubungan antara Pegawai-pegawai Perhubungan Awam di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang mempunyai visi dan misi serta mengikut bidang tugas masing-masing hendaklah diteruskan ke arah sama-sama menuju pencapaian wawasan bagi mewujudkan keamanan, perpaduan, kemajuan dan kesejahteraan negara.

Antara matlamat yang hendak dicapai jelas Awang Haji Bujang ialah untuk memberikan penerangan dan huraian-huraian sejelas-jelasnya kepada orang ramai mengenai dasar dan matlamat kerajaan, di samping memperbaiki perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan penduduk negara ini dengan lebih berkesan dan memuaskan.

Semasa berucap beliau juga menekankan akan perlunya kontak dan perjumpaan antara Pegawai-pegawai Perhubungan Awam yang sedia ada itu dikukuhkan sebagai forum untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan dan maklumat mengenai sebarang perkembangan yang berlaku dalam kerajaan khususnya dan masyarakat umumnya.

"Maka oleh yang demikian peluang untuk kita berjumpa dan berbincang mengenai perkara ini akan diteruskan dari masa ke semasa. Kerana saya memikirkan banyak perkara dan isu yang kompleks perlu dihu- rai kepada orang ramai yang memerlukan maklumat-maklumat yang sahih dan tepat untuk disampaikan kepada pihak-pihak berkenaan," jelasnya.

Dalam hubungan itu, katanya, ia hendaklah dibuat secara bersepadu kerana apa yang dilaksanakan oleh sesebuah kementerian dan jabatan itu mempunyai implikasi kepada kementerian dan jabatan yang lain.

Kesepaduan berfikir dan mengambil langkah untuk melaksanakan, membina atau mencari jalan menanganinya memerlukan kerjasama yang berterusan dalam bentuk interaksi di kalangan Pegawai-pegawai Perhubungan Awam dari masa ke semasa.

Menurut beliau, maklumat yang hendak

disampaikan kepada kumpulan sasaran atau orang ramai oleh sesebuah jabatan itu pula hendaklah mempunyai objektif dan matlamat yang jelas.

Di majlis itu Pemangku Pengarah Penerangan juga memaklumkan bahawa jabatannya akan mengaktifkan semula 'Ruang Surat Pembaca' yang suatu ketika dahulu pernah disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI.

Melalui ruangan itu orang ramai akan dapat mengemukakan pertanyaan, kemusy- kilan atau memberikan pendapat mengenai

pelbagai perkara yang berhubung kait dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan.

Sementara itu pihak kementerian atau jabatan-jabatan berkenaan pula akan bertindak memberikan maklumat dan penjelasan terhadap apa juga masalah atau isu yang dikemukakan oleh orang ramai.

Pemangku Pengarah Penerangan juga berharap agar usaha murni itu akan dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh orang ramai dengan memberikan kerjasama yang konstruktif ke arah meningkatkan lagi interaksi



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut ketika mengadakan perjumpaan dan ramah mesra bersama Pegawai-pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) sejeurus keberangkatan baginda di Centrepoin Hotel (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan memotong kek yang disebarkan ke hadapan majlis baginda oleh WI.



Sambutan Puja Usia anjuran WI

GADONG, 25 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia baginda yang disebarkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Centrepoin Hotel, di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Penasihat Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Datin Dayang Hajah Masni dan Yang Dipertua (WI), Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Oleh Awangku Jefferi PD
Gambar-gambar oleh
Hamadi HM

Majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Marhani selaku Yang Dipertua Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam.

Dalam sembah alu-aluannya, beliau dan ahli-ahli WI dengan penuh tulus ikhlas dan gembira menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas segala limpah kurnia anugerah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dalam pelbagai bentuk yang mana terus dinikmati oleh seluruh ahli-ahli WI, baik yang tinggal di bandar mahupun di kam-

pung di mana semua ini menunjukkan keprihatinan yang mendalam serta kasih sayang baginda yang berterusan.

Di majlis itu, baginda seterusnya berkenan memotong kek dan kemudiannya berkenan menerima pesambah.

Majlis juga diserikan dengan persembahan tarian dan juga nyanyian oleh anak-anak dan ahli-ahli WI dari keempat-empat daerah di negara ini.

Dalam usianya yang telah menjangkau 41 tahun, WI telah bergiat aktif dalam menganjurkan kegiatan-kegiatan yang berkebakikan selaras dengan matlamatnya bagi menyatupadukan kaum wanita dari semua bangsa dan puak serta mempereratkan hubungan tali silatu-

rahim dengan persatuan-persatuan yang mempunyai dasar dan tujuan yang sama terutama wanita-wanita di kampung yang menyumbangkan tenaga yang efektif dalam memperbaiki dan meninggikan taraf wanita ke arah pembangunan negara dan seterusnya memupuk kemerahan dan keharmonian di kalangan ahli-ahli dengan mengadakan berbagai-bagai kegiatan di dalam negara.

Sejajar dengan perkembangan negara, WI akan terus bergerak maju untuk menyusun berbagai-bagai usaha bagi mencapai matlamat utama WI dalam melahirkan wanita yang penuh dedikasi, kreatif, inovatif, progresif dan menonjol sekali gus mendukung rancangan-rancangan kerajaan dalam usaha membantu kaum wanita dalam meningkatkan kemahiran dalam bidang ekonomi.



bersamaan 25 Oktober 2002
kelolakan oleh
Perempuan (WI), Negara Brunei Darussalam



BAGINDA dan ahli-ahli kerabat diraja menyaksikan persembahan daripada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) (atas).

PERSEMBAHAN tarian daripada anak-anak ahli WI menyerikan lagi suasana Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan ahli-ahli kerabat diraja berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah yang disebarkan ke hadapan majlis baginda oleh WI.



ARENA SUKAN

JPM juara golf Hari Perkhidmatan Awam 2002

JERUDONG, 20 Oktober. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) berjaya menyandang juara keseluruhan Kejohanan Golf Berpasukan kali ketiga, sempena Hari Perkhidmatan Awam 2002, di Royal Brunei Golf and Country Club, Jerudong Park.

Berangkat mengumikan hadiah-hadiah kejohanan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan.

JPM yang menduduki tempat kedua di kejohanan tahun lepas diwakili oleh Dato Paduka Haji Abdul Wahab bin Juned, Dato Paduka Haji Wahid bin Haji Salleh, Haji Ibrahim bin Haji Ismail, Pg. Kasmirhan bin Pg. Hj. Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin sekali gus merangkul piala rebutan kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Tempat kedua disan-

Oleh
Haji Ahat HI
Gambar-gambar oleh
Mohd. Zul-izzl HD

dang oleh Kementerian Pendidikan yang diwakili oleh Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Haji Aziz bin Haji Nayan, Sheikh Adnan bin Sheikh Mohamad, Awang Sabri bin Haji Naweh dan Abdul Kadir bin Abdul Ghani.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang diwakili oleh Dato Paduka Haji Idris bin Haji Belaman, Haji Abdul Rahman bin Haji Chuchu, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammad, Haji Mohd. Rosli bin Dato Paduka Haji Hamdani dan Maung See Ping menduduki tempat ketiga.

Selain menguasai bahagian berpasukan, JPM juga menguasai bahagian perseorangan melalui Pg. Kasmirhan bin Pg. Hj. Tahir muncul sebagai juara, Dato Paduka Haji Wahab bin Juned menduduki tempat kedua dan Pg. Yusof bin Pg. Mat Salleh di tempat ketiga.

Sementara itu pemenang bahagian 'C' handicapped 19 - 24 disandang oleh Haji Rosli bin Dato Paduka Haji Hamdani dengan catatan 37. Juara bahagian 'B' handicapped 13 - 18 pula dimenangi oleh Haji Afif Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dengan catatan 39 manakala pemenang bahagian 'A' handicapped 0 - 12 diraih oleh Pg. Yusof bin Pg. Mat Salleh dengan catatan 35.

Kejohanan kali ketiga yang disertai oleh lebih 180 peserta dari 12 kementerian bertujuan untuk mempertingkatkan semangat kesukanan pada setiap warga Perkhidmatan Awam, di samping mengukuhkan semangat bersepadu dan setia kawan.



AHLI-AHLI Jawatankuasa Kejohanan Golf Hari Perkhidmatan Awam 2002 merakamkan gambar kenangan bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan.



JUARA BERPASUKAN ... Duli Yang Teramat Mulia mengurniakan piala kepada Dato Paduka Haji Abdul Wahab, mewakili Pasukan Jabatan Perdana Menteri.



JUARA PERSEORANGAN ... Pg. Kasmirhan bin Pg. Haji Tahir menerima piala dari Duli Yang Teramat Mulia setelah menjuarai bahagian perseorangan Kejohanan Golf Hari Perkhidmatan Awam 2002.

Kementerian Pendidikan juara bola jaring

BERAKAS, 20 Oktober. - Kementerian Pendidikan muncul selaku juara Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian, selepas menumpaskan Jabatan Perdana Menteri 19 - 10 dalam perlawanan akhir di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah di sini.

Berangkat menyaksikan kejohanan akhir itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

Dengan kemenangan itu Kementerian Pendidikan berjaya merangkul piala rebutan yang dikurniakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menduduki tempat ketiga.

Kejohanan sempena Hari Perkhidmatan Awam disertai oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam

Oleh
Haji Ahat HI

Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Terdahulu sebelum perlawanan akhir bermula, Pengerusi Kejohanan, Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kasim menyatakan bahawa sukan bola jaring merupakan kegiatan sektoral dalam menyambut Hari Perkhidmatan Awam dan pada tahun ini kali pertama diketengahkan sebagai salah satu kegiatan sektoral yang dipertandingkan.

Penyertaan sukan ini sesuai dengan populariti permainan ini di kalangan kaum wanita yang meminatinya, katanya.

Dalam masa yang sama ianya bertepatan dengan matlamat untuk menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di semua peringkat dan bahagian bergiat cergas dan aktif dalam lapangan sukan, tambahnya.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan mengurniakan piala kemenangan kepada wakil pasukan Kementerian Pendidikan.

Pasukan Shaada GT terus kukuh

TUTONG, 13 Oktober. - Chieng Chiew Lie bersama Pasukan Shaada GT terus mengukuhkan kedudukan perseorangan dan berpasukan Perlumbaan Mountain Bike Jelajah Tutong 2002 dengan menjuarai peringkat kelima perlumbaan tersebut.

Berada di tempat kedua perseorangan ialah Nordin Hj. Hamid; ketiga, Rodzaizam Reike; keempat, Hamdani Haji Besar dan kelima, Raihan Abd. Aziz.

Bagi kategori berpasukan tempat kedua ialah Pasukan Shaada Racing Team; ketiga, Sayur Campur; keempat, Apa Rasanya dan kelima, Shaada Cannondale.

Perlumbaan sejauh 62 kilometer tersebut tidak banyak melalui laluan sukar namun pada kilometer ke-30 laluan memasuki jalan berbatu dan berair sedikit menguji fizikal setiap pelumba di mana di sinilah juga terbahaginya pecahan kelompok kepada dua bahagian.

Ia terjadi kerana kayuhan yang tinggi dibuat oleh beberapa orang pelumba berpengalaman seperti Chung Kwai Meng, Hamdani Hj. Besar, Abdullah Asgar, Reduan Yusop dan Chieng Chiew Lie bersama pelumba-pelumba muda.

Ketika perlumbaan menghampiri persimpangan Kampung Lugu, empat pelumba berjaya memisahkan diri dari kelompok pertama hingga meninggalkan jauh di depan, di kawasan inilah malang bagi seorang pelumba berpengalaman, Abdullah Asgar kerana mengalami

Oleh Abu Bakar HAR

kerosakan basikal setelah rantai basikalnya terputus ketika mendaki bukit.

Setelah meninggalkan jauh kelompok besar, empat pelumba terpisah dahulu memasuki kawasan berbukit di Bukit Ambok yang banyak daki anak sungai, laluan sempit, curam dan becak. Di sinilah juga kelompok besar mengejar semula seorang dari empat pelumba yang terpisah.

Ketika perlumbaan hampir tamat hanya dua pelumba dari kumpulan empat orang masih memimpin perlumbaan hinggalah ke garis penamat seorang lagi sampai kemudian dan kelompok utama menyusul tempat itu.

Hanya berbaki satu peringkat lagi bagi menentukan siapa dan pasukan manakah yang akan menjuarai perlumbaan tersebut yang dianjurkan buat pertama kalinya oleh Ahli Jawatankuasa Program Kerja Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Tutong sebagai sokongan kepada sukan lumba basikal yang sekarang semakin ramai peminatnya.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Pemangku Penolong Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad Haji Rani selaku tetamu kehormat.

ARENA SUKAN



MENTERI Kebudayaan, Bella dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika menyerahkan bendera kebangsaan kepada Pengurus Pasukan, Haji Zainal Abidin bin Haji Md. Ali. - Gambar oleh Mohd. Zul-izli HD.

Liga Juara-Juara AFC:

GEYLANG UTD
SINGKIR DPMM F.C.

BERAKAS, 23 Oktober. - Impian DPMM F.C. untuk meneruskan cabaran dalam kancuh Kejohanan Liga Juara-Juara AFC tidak kesampaian apabila mengalami kekalahan kedua 4 - 0 kepada kelab bola sepak dari Singapura, Geylang United F.C. di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

DPMM F.C. yang berhasrat untuk memenangi perlawanan itu selepas tewas 3 - 0 di pusingan pertama di Stadium Beduk Singapura memulakan permainan cukup berkesan sebaik saja wisel permainan bermula, mengasak pertahanan Geylang United di setiap penjuru melalui rangkaian penyerang De Silva Silas Liberato, Md Helme Panjang dan Fadlin Gelawat.

Begitupun pertahanan Geylang United yang dibarisi oleh Lim Tong Hai, Yang Jong Hu, Quek Hock Tiong dan penjaga gol Mohamed Shabri Abdul Rahim cukup

Oleh
Haji Ahat HI

kebal untuk ditembusi.

Melihat keadaan tersebut memaksa DPMM F.C. melipatgandakan serangan melalui Sean Lockhart dan Md Ali Haji Momin, namun usaha itu juga gagal sebaliknya Geylang United pula mendahului jaringan 1-0 melalui tandukan Brian Bothwell dan ditolak masuk oleh Aleksandar Duric. Selepas mendahului 1-0 di separuh masa pertama, Aleksandar Duric terus menyerlah mengukuhkan kedudukan Geylang United dengan jaringan gol kedua selepas penjaga gol DPMM F.C. Ali Zanda Sitom menolak keluar bola rebatan Mohammad Noor dan terus dirembat masuk oleh Aleksandar Duric.

Ketinggalan 2 - 0, DPMM F.C. tidak berputus asa sebaliknya terus berusaha

melancarkan beberapa percubaan terutama melalui Ak Sallehuddin Pg Hj Damit, yang rebusannya terkena palang manakala Fadlin Gelawat yang hanya berdepan dengan penjaga gol, gagal menyudahkan peluang terbuka apabila rebusannya tersasar ke tepi.

Kegagalan Ak Sallehuddin dan Fadlin menyudahkan dua peluang itu, Md Helme Panjang dan Md Ali Momin juga terlepas peluang yang sama selepas percubaan mereka berjaya ditampar keluar oleh penjaga gol Mohammed Shabri.

Dalam serangan bertali arus DPMM F.C. itu, Geylang United pula memanfaatkan dua kesempatan terbuka melalui percubaan jarak jauh Sezali Mohamed Salleh masuk bagi jaringan ketiga dan jaringan keempat Azhar Baksin juga melalui rebatan tepi di luar kawasan D.



DUA penyerang DPMM F.C. gagal menembusi pertahanan Geylang United (jersey cerah) yang berkesudahan Geylang United menyingkirkan DPMM F.C. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Brunei sertai Kejohanan
Catur Olympiad di Slovenia

BERAKAS, 24 Oktober. - Serombongan 9 pemain catur kebangsaan lelaki dan wanita yang diketuai oleh Haji Zainal Abidin bin Haji Md Ali telah berlepas ke Slovenia bagi menyertai Pertandingan Catur Olympiad yang bermula 25 Oktober hingga 11 November depan.

Sejurus sebelum berlepas, Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan telah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Oleh
Haji Ahat HI

Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain kepada Haji Zainal Abidin bin Haji Md Ali, yang juga selaku Pengurus Pasukan.

Hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Bella dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Talib bin Haji Berudin.

Pengurus pasukan menyatakan kejohanan anjuran FIDE ini disertai oleh 1,300 peserta dari 144 buah negara dan penyertaan kali ini Negara Brunei Darussalam mengemukakan beberapa orang pemain muda dan pernah memenangi beberapa kejohanan.

"Para pemain ini dipilih dalam lingkungan umur bawah 20 selepas memperlihatkan kejayaan dalam beberapa kejohanan lalu, dan pendedahan ini

merupakan satu langkah Persatuan Catur untuk mengetengahkan pemain tempatan," katanya.

Melalui penyertaan di Kejohanan Catur Olympiad ini, para pemain negara akan mendapat pendedahan dan pengalaman luas dan ini sejajar dengan matlamat persatuan untuk melahirkan pemain Grandmaster menjelang 2011, jelasnya.

Sukan
Ria
Tahunan
JPM

Oleh
Sahari Akim

GADONG. - Pesta Sukan Ria Tahunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mempertandingkan 14 acara disertai oleh pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai serta kakitangannya.

Pesta Sukan Ria yang diadakan di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong ini dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

Selain meningkatkan hubungan silaturrahim, ia juga bertujuan menanamkan semangat perpaduan, kerjasama dan persahabatan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pesta Sukan Ria tahunan ini dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Biro Kawalan Narkotik dan Pasat Pengurusan ASEAN-EC bersempena Hari Perda-



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya ketika diperkenalkan kepada pasukan yang mengambil bahagian di Pesta Sukan Ria Tahunan JPM. - Gambar oleh Mohd. Zul-izli HD.



PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Pengiran Ahmad diperkenalkan kepada pasukan yang menyertai Kejohanan Bola Tampar di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPMM.

15 pasukan sertai Kejohanan Bola Tampar

GADONG, 20 Oktober - Sukan bola tampar membuka lembaran baru dengan Polis Diraja Brunei (PDB) mengambil inisiatif mengelolakan kejohanan kali pertama terbuka kepada kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, persatuan-persatuan sukan dan kelab-kelab di negara ini.

Kejohanan yang dilihat sebagai langkah terbaru mempopularkan sukan ini

mendapat sambutan menggalakkan apabila 15 pasukan menyertainya.

Sejurus sebelum perlawanan bermula antara Pasukan Balai Polis Sengkuring dan Pasukan Jay's, Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Pengiran Ahmad bin Pengiran Damit telah merasmikan kejohanan tersebut di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong.

Di samping Pesta Sukan Ria, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya juga mengadakan acara-acara sukan lain seperti bola sepak, golf, tarik kuali, badminton, bola tampar, pingpong dan bola jaring.

Isu sempadan darat dan laut Brunei - Malaysia punyai prinsip baik bagi penyelesaian

JERUDONG, 12 Oktober. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia sama-sama mempunyai prinsip yang baik cara penyelesaian masalah isu sempadan darat dan laut yang melibatkan kedua-dua buah negara.

Perkara itu dijelaskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di sidang akhbar di Istana Darul Takwa, di sini.

Menurut Yang Berhormat, isu yang bersangkutan dengan sempadan bagaimanapun tidak menjejaskan perhubungan kedua buah negara yang telah membentuk hubungan baik sebelum ini.

Yang Amat Berhormat juga menjelaskan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bagi membuat penyelesaian perkara yang bersangkutan dengan teliti.

Ketika ditanya perkembangan penggunaan Kad Pintar bagi memberi kemudahan perjalanan Brunei-Sabah-Sarawak, Perdana Menteri Malaysia menjelaskan bahawa cadangan berkenaan juga perlu men-

Oleh Samle HJ

dapat bersetujuan kedua belah pihak terlebih dahulu.

Yang Amat Berhormat turut optimis keberkesanan mengenai perkara itu bagi memberi kemudahan dan menjimatkan perjalanan darat di antara Sabah-Brunei-Sarawak.

Walaupun kedua belah pihak tidak menyentuh perkara baru berhubung isu ekonomi, namun perjumpaan kali ini juga menyentuh mengenai ASEAN + 3 serta perhubungan kedua buah negara dengan negara-negara lain.

Menurut Yang Amat Berhormat, Negara Brunei Darussalam sangat komited dan menunjukkan minat kepada perkembangan dan kemajuan ASEAN + 3.

Menyentuh isu-isu tindakan keganasan di rantau ASEAN, Yang Amat Berhormat menjelaskan, semua negara anggota ASEAN telah berusaha untuk membanteras keganasan tetapi tiap-tiap negara mempunyai persepsi yang berbeza bagaimana untuk mengendalikannya.

Ketika diminta mengulas mengenai kedudukan negara Islam ketika ini, Yang Amat Berhormat mengakui bahawa orang-orang Islam ketika ini semakin tertekan kerana lemah akibat perpecahan sesama sendiri.

Bagaimanapun jelas Yang Amat Berhormat, siapa tidak perlu disalahkan kerana orang Islam sendiri tidak bersatu dan berpecah, sedangkan agama Islam menyeru kita bersaudara sehingga musuh tidak dapat mengucarkirkan orang-orang Islam.

"Jika umat Islam bersatu, musuh pasti tidak dapat memberi tekanan kepada mereka yang dianggap lemah," jelas Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat menegaskan, negara-negara Islam sekalipun tertekan, mereka tidak perlu keluar dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana tindakan itu hanya akan mengakibatkan kehilangan pengaruh dan penentuan majoriti sokongan atau menentang.

Yang Amat Berhormat berada di negara ini dalam rangka lawatan kerja selama dua hari.



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika ditemu ramah para wartawan di Sidang Akhbar yang diadakan di Istana Darul Takwa, Jerudong. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Empire Hotel and Country Club Ahli pertubuhan berprestij hotel ternama di dunia

Oleh
Abd. Karim HAB

JERUDONG, 15 Oktober.

- Timbalan Menteri Kewangan yang juga selaku Pemangku Pengerusi Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar berharap The Empire Hotel and Country Club menggunakan peluang yang tersedia dalam infrastruktur pasaran The Leading Hotels of The World Limited yang begitu luas bagi memastikannya menerima ramai tetamu.

Dalam masa yang sama, keahlian hotel itu juga akan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah destinasi terbaru dalam senarai The Leading Hotels of The World Limited.

Menurut Yang Mulia, pencapaian hotel itu setakat ini bukan sahaja bergantung kepada keindahan dan kemudahannya, bahkan dibantu oleh keupayaan pihak lembaga pengurusan dan para pekerja yang saling bekerjasama, misi yang jelas dalam melaksanakan keputusan pihak lembaga maklum balas pengurusan dan cadangan-cadangan yang membina kepada pihak lembaga di samping pengurusan yang cekap dan komunikasi yang baik dengan para pekerja yang menjadikan perkhidmatan hotel berkenaan dilakukan dengan memuaskan.



TIMBALAN Menteri Kewangan yang juga selaku Pemangku Pengerusi Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar semasa melancarkan plak keahlian The Empire Hotel and Country Club dalam The Leading Hotels of The World Limited. - Gambar oleh Hamadi HM.

Yang Mulia menyatakan harapan dan saranan itu semasa melancarkan plak keahlian hotel berkenaan dalam The Leading Hotels of The World Limited, sebuah pertubuhan yang berprestij yang dianggotai oleh 395 buah hotel ternama di dunia yang berlangsung di luar pintu utama hotel berkenaan.

Menyentuh peluang pekerjaan hotel berkenaan yang setakat ini 49 peratus dari 861 orang tenaga kerjanya adalah anak-anak tempatan, menurut Yang Mulia, menunjukkan terdapat peluang bagi mereka menceburi bidang berkenaan bukan sahaja di hotel

berkenaan, bahkan juga di hotel-hotel yang lain.

Walau bagaimanapun, Yang Mulia menekankan bahawa mereka perlu komited dan menjadikan pekerjaan itu sebagai mata pencarian dan tidak terlalu bergantung kepada orang lain untuk menyelesaikan masalah yang remeh-temeh.

"Insya-Allah, jika sikap positif dan kemahuan mereka untuk bekerja keras ini dalam industri ini ada, saya melihat tiada sebab mengapa sebilangan para pekerja akan bekerja di seberang laut di masa akan datang," ujar Yang Mulia.

The Empire Hotel and Country Club yang akan menjangkau usia dua tahun esok, setakat ini telah meraih beberapa pencapaian yang menarik. Antaranya dipilih sebagai '2002 Best Independent Hotel' oleh para pembaca TTG Asia dan TTG China (majalah-majalah khusus bagi industri pelancongan), 'Best New Resort In Asia Pacific In 2001' dan 'Best Marketing Effort As An Individual City Hotel' oleh PATA 2001, selain menjadi tumpuan pelbagai pertandingan peringkat serantau dan antarabangsa termasuk APEC 2000 dan Forum Serantau ASEAN (ARF).



SETIAUSAHA Tetap (Kewangan dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman ketika menyampaikan sijil kepada seorang pegawai yang menyertai Kursus Kualiti Menyeluruh (TQ). - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Membudayakan TQ dalam pentadbiran Kem. Pertahanan

Oleh Samle HJ

RIMBA, 14 Oktober. - Kementerian Pertahanan terus merancang beberapa siri kursus yang bersempadan selaras dengan kehendak pembangunan sumber tenaga manusia.

Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan, Awang Haji Jamaluddin bin Haji Saman berkata, usaha ke arah Membudayakan Kualiti Menyeluruh (TQ) dalam aspek pentadbiran awam di Kementerian Pertahanan dijalankan secara 'on-going process' dan tidak akan dicapai dalam sekelip mata.

"Usaha ke arah menyerap budaya TQ diharap dikenakan sampai ke akar umbi dengan kerjasama yang ada di kalangan jabatan-jabatan awam dalam sama-sama merealisasikan hasrat itu," jelasnya di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Kualiti

Menyeluruh (TQ) dan Kursus Program Komputer, di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Lebih 70 pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus berkenaan telah menerima sijil masing-masing dari Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman.

Sementara itu, para peserta bagi kursus Kualiti

Menyeluruh Pegawai-pegawai Kanan Jabatan-jabatan awam juga menerima sijil mereka.

Kursus TQ dikendalikan oleh 'Hurren Barlow International', bertujuan bagi menjadikan kualiti menyeluruh sebagai budaya kerja di Kementerian itu.

Kursus 'in house' bagi tahun 2003 akan dilaksanakan sementara menerima 'input' dari jabatan-jabatan awam yang lain.

Proses membaik pulih ekonomi APEC diteruskan

LOS CABOS, MEXICO, 23 Oktober. - Para menteri ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di akhir mesyuarat yang diadakan secara 'retreat' hari ini menumpukan perbincangan terhadap meneruskan proses membaik pulih kehairahan ekonomi di rantau ini, di samping menangani kesan-kesan akibat kejadian 11 September 2001.

Di samping itu, mesyuarat juga membincangkan beberapa isu utama khususnya menentang kejadian keganasan (counter-terrorism) dalam menjamin kelancaran aliran perdagangan dan pelaburan isu-isu pelaksanaan komitmen-komitmen dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Dalam pada itu, para menteri juga sebulat suara menentang keganasan dalam semua bentuk dan bersetuju untuk menghapuskan ancaman bukan saja kepada kestabilan ekonomi, malah keselamatan dan kedamaian serantau yang memberi cabaran kepada visi APEC ke arah mencapai ekonomi-ekonomi yang bebas, terbuka dan makmur.

Sehubungan itu, mesyuarat ini bersetuju untuk bekerjasama dalam usaha menghapuskan keganasan dari berlaku bagi meningkatkan keselamatan dan keyakinan dalam rantau APEC. Ke arah itu mesyuarat bersetuju menyokong pertimbangan Mesyuarat Tidak Resmi Ketua-ketua Ekonomi APEC bagi mengadakan Inisiatif Keselamatan Perdagangan Dalam Rantau APEC (Secure Trade In APEC Region - STAR Initiative) yang mengandungi kerjasama peningkatan penguatkuasaan perbatasan, imigrasi, keselamatan pengangkutan dan infrastruktur perhubungan bagi memudahkan perjalanan orang awam dan barangan serta kerjasama dalam meningkatkan kepercayaan bagi mencapai keselamatan dan meningkatkan keyakinan di rantau ini.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang menghadiri Mesyuarat Ke-14 Menteri-menteri APEC di sini menyatakan demikian dalam siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Sekretariat Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa dalam memberi sokongan terhadap usaha-usaha berkenaan, Yang Berhormat semasa perbincangan telah

**Laporan
Abd. Karim HAB
dari Mexico**

menekankan mengenai usaha-usaha gigih yang berterusan yang dilaksanakan oleh ekonomi-ekonomi di rantau Asia Tenggara khususnya dalam membina keyakinan antarabangsa terhadap perdagangan, pelaburan dan pelancangan di rantau berkenaan.

Kejadian-kejadian keganasan yang terperi yang dianggap sebagai insiden yang menyeluruh di rantau ini, tegas Yang Berhormat, boleh membinasakan semua usaha positif yang dicapai selama ini dan memberi kesan negatif kepada APEC.

Sehubungan itu, bagi menjamin pembangunan keyakinan berterusan di rantau APEC secara am dan di rantau Asia Tenggara khususnya, Yang Berhormat menyarankan ekonomi-ekonomi APEC perlu berganding bahu dalam mengatasi ancaman keganasan yang berlaku di rantau APEC dengan memberikan bantuan dan sokongan yang diperlukan bagi mencapainya dan seterusnya meningkatkan semula keyakinan keselamatan di rantau ini. Kerjasama yang rapat itu tentunya pula mengindahkan kejadian-kejadian terperi itu bertapak dan merebak ke tempat-tempat lain.

Menyentuh pusingan perundingan sistem perdagangan berbilang hala WTO, menurut Yang Berhormat, Pengarah Ageng WTO, Tuan Yang Terutama Supachai Panitchpakdi telah memaklumkan kedudukan perundingan yang diadakan di Geneva khususnya mengenai

pelaksanaan perundingan Agenda Pembangunan Doha (DDA) yang dicapai tahun lalu.

Mesyuarat, jelas Yang Berhormat, bersetuju meneruskan pelaksanaan komitmen-komitmen dalam WTO, meningkatkan usaha dalam perundingan isu-isu pertanian, perkhidmatan, layanan khas dan berbeza khususnya bagi negara-negara membangun dan kurang maju serta isu-isu pelaksanaan dengan mencipta tempoh waktu perundingan yang telah dipersetujui awal sebagai persediaan Persidangan Menteri-menteri WTO di Cancun, Mexico pada tahun 2003 dan menjamin kejayaan pelaksanaan DDA secara keseluruhan.

Mesyuarat Ke-14 Menteri-menteri APEC itu yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Mexico, Tuan Yang Terutama Jorge Castaneda dan Menteri Ekonomi Mexico, Tuan Yang Terutama Dr. Luis Ernesto Derbez juga dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng.

Mesyuarat itu diadakan bagi persediaan Mesyuarat Tidak Resmi Ketua-ketua Ekonomi APEC yang berlangsung pada 26 hingga 27 Oktober ini.

Mesyuarat Menteri-menteri APEC akan bersidang lagi esok bagi membincangkan pelaksanaan program-program berterusan APEC dan akan diakhiri dengan sidang akhbar yang dihadiri oleh semua Menteri-menteri Ekonomi APEC.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain ketika berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamillah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikiah dengan Yang Mulia Awangku Hashim bin Pengiran Haji Mohammad. Majlis Bersanding berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Park Polo and Country Club.

DPMM berkenan menerima mengadap perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Haji Mohammed bin 'Omar Ahmed Aidid, Duta Besar Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana

Menteri.

Tuan Yang Terutama Haji Mohammed bin 'Omar Ahmed Aidid, telah pun menyembahkan Watakah Perlantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 Oktober 2002.

Sementara itu pada 19 Oktober lepas Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Habibul Islam Bhuiyan berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Kesultanan Oman ke negara ini, TYT Haji Mohammed bin 'Omar Ahmed Aidid (atas kanan) dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke negara ini, TYT Habibul Islam Bhuiyan (kanan).

Berkenan berangkat Ke Majlis Bersanding

**Oleh
Haji Ahat HI**

JERUDONG, 27 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikiah dan Yang Mulia Dayang Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir.

Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan di Royal Berkshire, Jerudong Park Polo and Country Club itu adalah antara anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikiah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamillah dengan Yang Mulia Awangku Hashim bin Pengiran Haji Mohammad.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah, Yang Teramat

Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Norain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jeffriah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor Ehsan.

Doa selamat dibacakan oleh Kadi Besar, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Di majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menerima junjung ziarah kedua-dua mempelai.



Penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestine diperkenalkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin yang antara lain bertujuan sebagai satu usaha di atas rasa tanggungjawab dan perikemanusiaan, untuk memberikan bantuan kepada rakyat Palestin yang sangat memerlukan dengan mengumpulkan derma atau

sedekah seangkatan-angkat hati dalam bentuk kewangan dari seluruh rakyat dan penduduk di negara ini tanpa mengira agama dan latar belakang semata-mata untuk meringankan kesengsaraan yang sedang dialami oleh mereka.

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan telah dibentuk bagi mengendalikan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin.

Jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat pada hari Selasa, 15 Syaaban

1423 Hijrah bersamaan 22 Oktober 2002 bertempat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan dipengerusikan oleh Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di antara perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah lantikan Jawatankuasa Kebangsaan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin, bidang tugas jawatankuasa dan Pelan Tindakan.

**TIADA RASUAH NEGARA BERMARUAH
RASUAH DISEKAT NEGARA BERKAT**

درېټېکن اوله جباتن فراعن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

KURSUS DI ITB SELARAS KEPERLUAN TENAGA MANUSIA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan berangkat merasmikan Bangunan Institut Teknologi Brunei (ITB) di Kampus Kekal ITB di Tungk.

TUNGKU, 17 Oktober. - Semua kursus yang dirancang di Institut Teknologi Brunei (ITB) selaras dengan keperluan tenaga manusia bagi memenuhi kegiatan ekonomi negara yang sedang dan akan dilaksanakan.

Oleh Sahari Akim
Gambar-gambar oleh
Halim HS dan Ramli Tengah

Keperluan-keperluan itu termasuk bagi Pusat Kewangan Antarabangsa dan Perbankan Luar Pesisir, industri-industri hiliran minyak atau 'Downstreaming and Upstreaming Hydrocarbon Industries' di samping kegiatan ekonomi berkaitan pelancongan dan khidmat layanan.

Pengarah ITB, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Abdul Halim menyatakan perkara tersebut dalam sembah alu-aluannya di Majlis Perasmian Bangunan ITB dan Pelancaran INFORAMA 2002 di Kampus Kekal ITB di sini.

Menurut Awang Haji Mohd. Yusra, perkembangan infrastruktur, kelengkapan dan kemudahan yang ada telah diman-

faatkan dengan pertambahan dan perancangan kursus-kursus baru di pelbagai bidang mahupun peningkatan kursus hingga ke peringkat sarjana muda.

"Dari dapatan institut ini tidak kurang dari 26 kegiatan industri boleh dipelbagaikan dari Downstreaming dan Upstreaming Hydrocarbon Industries dan ianya akan memberikan tidak kurang dari 6,500 pekerjaan yang memerlukan kelulusan di peringkat HND ke atas," jelasnya.

Seiringan dengan itu, usul dan cadangan berhubung Fasa 3 Bangunan ITB telah dihadapkan dengan keutamaan pembinaan blok bagi bangunan Kejuruteraan Kimia, Pusat Penyelidikan Teknologi Komunikasi Maklumat,

Perpustakaan dan kemudahan pertukaran maklumat perniagaan.

Awang Haji Mohd. Yusra menambah, dengan kemudahan itu nanti maka penyelidikan sains dan teknologi akan dapat dilaksanakan dengan giatnya sehaluan dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memperuntukkan kira-kira 7 peratus bagi bidang sains dan teknologi dalam RKN Ke-8.

Beliau menjelaskan, ITB juga merancang satu blok hotel untuk latihan perhotelan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan restoran dan 'Business Incubation Centre'.

Pengarah ITB seterusnya menyatakan bahawa kemenangan negara dalam pertandingan kemahiran

serantau dengan mendapat pingat emas dalam pertandingan ketiga di Bangkok dan pingat perak dalam pertandingan keempat di Jakarta baru-baru ini bagi kategori 'layanan' boleh dijadikan pelantar ke arah menjadikan negara ini pusat latihan bagi bidang tersebut di rantau ini.

Menyentuh mengenai penyelidikan, beliau berkata terdapat banyak bidang penyelidikan yang telah dikenal pasti tetapi semua kegiatan itu sukar untuk diselenggarakan secara mantap tanpa suntikan dana yang mencukupi.

Salah satu projek penyelidikan besar yang dapat dijalankan ialah melalui sumbangan derma dari AUN-SED di mana negara ini menjadi ahli dan diwakili oleh ITB, ujarnya.

Selain keperluan dana dan infrastruktur, jelasnya, ITB mulai sekarang juga harus mempunyai tenaga-tenaga pensyarah tempatan dalam bidang-bidang berkaitan dan sebilangan kecil pakar berpengalaman dari luar untuk mengendalikan beberapa kursus dan penyelidikan.

Langkah-langkah yang diambil oleh ITB selaras dengan inisiatif RKN yang juga memberikan penumpuan kepada ICT, e-dagang dan e-pendidikan termasuk usaha mempelbagaikan industri berasaskan 'knowledge-workers' dan pelbagai industri perkhidmatan yang lain.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menandatangani plak bangunan ITB, sambil disaksikan oleh Pengarah ITB, Awang Haji Mohd. Yusra.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan Pameran INFORAMA yang diselenggarakan oleh Institut Teknologi Brunei dan disertai peserta di nanara ini (atas dan kiri).

Sastera & Budaya

Kepentingan Sumber Arab Dalam Pengajian Sejarah Brunei Awal

KAJIAN mengenai asal usul Kerajaan Brunei Lama merupakan suatu perkara yang rumit kerana terdapat kekurangan sumber yang boleh menyokong kewujudan Kerajaan Brunei Lama. Kebanyakan sejarawan tempatan dan luar tidak dapat memberikan tafsiran yang tepat tentang penubuhan Kerajaan Brunei Lama.

Untuk memberi penjelasan tentang kewujudan Kerajaan Brunei Lama, kita memerlukan beberapa sumber tempatan dan asing seperti sumber Arab dan China. Ketiga-tiga sumber inilah yang saling bantu untuk menguatkan dan mensahkan sejarah awal penubuhan Kerajaan Brunei. Tanpa adanya ketiga-tiga sumber ini, maka bukti-bukti yang menyentuh tentang Brunei Awal walaupun kebanyakannya hanya berdasarkan catatan-catatan dan sumber lain dapatlah dipercayai kebenarannya.

Dalam kurun Masihi ke-7 pedagang-pedagang Arab diagak mula sampai ke Asia Tenggara. Kedatangan mereka mempunyai dua tujuan, pertama, membuat perniagaan dan kedua, menyebarkan agama Islam. Mereka juga membuat perhubungan dengan India dan China melalui Selat Melaka sebagai perjalanan laut yang utama.

Dalam pelayaran menuju ke negeri-negeri China, pedagang-pedagang Arab melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan dengan menggunakan kapal layar iaitu mengikut tiupan angin monsun. Mereka singgah di beberapa buah tempat di Kepulauan Nusantara sambil membuat beberapa kegiatan seperti menjalankan perniagaan dan menyebarkan agama di samping membuat laporan mengenai perkembangan tempat yang mereka singgahi. Laporan dan cerita-cerita daripada ahli pelayaran dan penyebar agama Islam di Nusantara ini telah menjadi bahan tulisan kepada cendekiawan-cendekiawan bangsa Arab dengan mencatatkan segala apa jua cerita yang disampaikan kepada mereka. Di antara pengembara dan penulis bangsa Arab yang banyak menulis mengenai keadaan Nusantara ini ialah Al-Yakubi, Ibnu Said, Ibnu Idris, Ibnu Mas'udi, Abu Zuyd dan Buzurg. Kebanyakan penulis Arab ini tidak pernah sampai ke Nusantara tetapi tulisan mereka berasaskan dari laporan dan cerita ahli-ahli pelayaran dan penyebar agama Islam yang telah sampai ke Nusantara.

Dalam sumber Arab ini, ada beberapa aspek yang perlu diberi tumpuan utama dalam usaha untuk merujuk kepada Kerajaan Brunei Awal antaranya ialah asal usul Kerajaan Brunei itu sendiri.

Asal usul Kerajaan Brunei Lama dihubungkan dengan pelarian dan penghijrahan orang Funan di sekitar Kepulauan Nusantara sejak abad ke-1 Masihi lagi. Menurut Coedes, pada tahun 550 Masihi Kerajaan Melayu Funan telah diserang oleh Khmers dan mengakibatkan pelarian awal bangsa Funan menuju ke Sumatera dan Jawa. Pada tahun 635 Masihi, sekali lagi orang Khmers melancarkan serangan kepada orang Funan dan mengakibatkan penghijrahan orang Funan ke seluruh Kepulauan Nusantara termasuk Sumatera, Jawa, Semenanjung Tanah Melayu dan Pulau Borneo. Akibat penghijrahan ini, Kerajaan Brunei Lama kemungkinannya tidak terkecuali menjadi tempat pelarian orang Funan yang juga menyaksikan pembentukan Brunei Lama.

Seorang penulis Arab iaitu Ibnu Said berasal dari Andalusia menulis:

"Orang Khmers tinggal bersama orang Cina di wilayah sebelah Timur. Setelah perselisihan berlaku orang-orang Cina telah mengusir mereka ke pulau-pulau dan tinggalah mereka di situ untuk beberapa waktu. Nama raja mereka adalah Kamrun. Selepas itu persengketaan meletus di kalangan mereka di pulau-pulau itu, mereka yang bukan berketurunan diraja pergi ke pulau-pulau besar (Magadaskar) dan sultan pula tinggal di Pulau Komoriya."

Dari petikan di atas terdapat beberapa kekeliruan. Menurut Robert Nicholl, orang Cina telah mengusir orang Khmers dan tinggal di pulau-pulau tetapi sebenarnya orang Khmers telah mengusir orang-orang Funan yang akhirnya melarikan diri bukan ke Magadaskar tetapi pindah ke tengah Pulau Jawa, di sinilah mereka, mengikut pendapat Ferrand, mendirikan kuil Buddha dan

OLEH
NONITAHANI JOHAN

menirikan Kerajaan Palembang Sumatera. Terdapat keluarga diraja yang melarikan diri ke Pulau Borneo dan mendirikan Kerajaan Kamrun.

Untuk mengetahui kedudukan Kerajaan Kamrun yang dipercayai berpusat di Pulau Borneo, ada beberapa petunjuk dan maklumat penting dalam sumber Arab melalui tulisan Ibnu Said. Menurut beliau, Raja Kamrun dikatakan bermastautin di pulau yang terletak di sebelah Timur Pulau Jawa. Di antara pulau-pulau yang besar di sekitar Asia Tenggara, Pulau Borneo sahaja yang besar. Dari itu Raja Kamrun mungkin bermastautin di sekitar Pulau Borneo.

Di Pulau Kamrun, terdapat Gunung Kapur yang dipunyai oleh Raja Kamrun. Dan menurut Robert Nicholl, hanya terdapat dua buah tempat yang mengeluarkan kapur barus iaitu Sumatera dan Pulau Borneo. Kewujudan kapur barus ini dibuktikan juga oleh penulis Arab bernama Al-Gazwini yang menulis mengenai kapur barus. Beliau mengatakan Gunung Kapur adalah gunung yang terbesar di India yang muncul dari lautan dan di kaki gunung ini terdapat banyak pekan dan sebuah di antaranya ialah Kamrun.

Daripada kenyataan itu, kapur barus yang dikatakan terdapat di Utara Pulau Borneo (Kamrun) adalah bersesuaian dengan kedudukan Brunei di persekitaran Teluk Brunei. Jadi kedudukan Kamrun dinyatakan terletak di kawasan Teluk Brunei. Ibnu Said ada mencatatkan bahawa di Pulau Kamrun terdapat Gunung Kapur tetapi diambil oleh China. Merujuk kepada sumber China, pada masa itu telah wujud beberapa buah kerajaan di Borneo yang menghantar ufti kepada China. Di antaranya termasuklah Poni yang juga menghasilkan kapur barus yang banyak dan bermutu tinggi. Jadi dapatlah ditafsirkan Kerajaan Kamrun atau Poni adalah merujuk Kerajaan Brunei Lama di sekitar Teluk Brunei.

Untuk mengetahui secara ringkas sejarah Kerajaan Kamrun, maka dicatatkan beberapa fakta penting yang bermula dari abad ke-7 Masihi:

Pada abad 7 Masihi, orang Funan telah diusir oleh orang-orang Khmers lalu berhijrah dan menetap di Teluk Brunei. Mereka membentuk sebuah kerajaan baru iaitu Kerajaan Kamrun bagi menggantikan Kerajaan Funan yang sudah musnah. Pada abad 8 Masihi, Kerajaan Kamrun meluaskan empayarnya dari pantai Borneo hingga ke Filipina.

Pada abad 9 Masihi, kekuatan Kamrun tercabar. Kerajaan China telah bertapak dan membuat koloni di kawasan Gunung Kapur. Manakala Kerajaan Srivijaya di Palembang telah mengembangkan kuasanya di seluruh Kepulauan Nusantara. Maharaja di Palembang dapat menguasai semua hasil kapur barus di Pulau Borneo. Kemunculan kuasa China dan Srivijaya di Kepulauan Nusantara telah menghapuskan kekuasaan dan kuasa Kamrun di Brunei. Adapun Kerajaan Srivijaya di Palembang menghadapi peperangan dengan Jawa. Pada abad 10 Masihi, Kerajaan Kamrun bebas daripada naungan Kerajaan Srivijaya di Palembang.

Dalam sumber China, Srivijaya dikenali dengan nama San Fo Che, iaitu San bererti tiga dan Fo Che ialah Berjaya. Kerajaan Kamrun di Teluk Brunei hilang begitu saja dan digantikan pula oleh kerajaan baru dipanggil Sribuza (Srivijaya) mengikut sebutan Arab. Srivijaya bererti tiga vijaya iaitu terletak di Palembang, Jambi dan Kerajaan Melayu. Menurut Kapten Buzurg, terdapat sebuah kerajaan di Teluk Brunei yang dipanggil

Sribuza dalam bukunya iaitu Ajaib Al Hind:

"Saya telah menceritakan Sribuza terletak di hujung Pulau Lamuri (Acheh) 120 zam dari Kalah. Hanya Allah saja yang mengetahui."

Terdapat kontroversi mengenai kedudukan Srivijaya yang dipercayai adalah Sribuza dalam bahasa Arabnya. Seorang pakar sejarah Perancis bernama Coedes telah membuat satu hipotesis mengenai kedudukan sebenar Srivijaya bertempat di Palembang. Beliau merupakan orang yang mula-mula membicarakan kewujudan Kerajaan Srivijaya. Antara lain pendapat beliau, "Apa yang dipanggil Che-li-fo-che dan San-fo-tsi dalam sumber Cina dan apa yang disebut Sarbaza atau Sribuza di negeri Maharaja Zabeg atau Zabag oleh penulis Arab tidak lain dari Srivijaya dalam tulisan India lama."

Pendapat ini telah ditolak oleh beberapa sejarawan antaranya M.D. Chand Dhiray yang mengatakan, "Apa yang dimaksudkan dengan I Ching dengan Fo-Che tidak mungkin di Palembang sekarang, beliau telah tiba di Bandar Fo-Che setelah dua puluh hari belayar dari Canton. I Ching memulakan pelayaran beliau pada awal bulan Disember ketika angin barat mula bertiup. Dalam masa kurang dari dua puluh hari, beliau hanya boleh tiba di Chaiya iaitu di Pantai Timur Tanah Melayu yang sekarang kawasan Siam. Ringkasnya Fo-Che dalam keterangan I Ching tidak lain dari Chaiya sekarang."

Seorang lagi sejarawan Indonesia bernama Mean telah menolak hipotesis Coedes, "Ibu negeri Srivijaya pada mulanya terletak di Klantan sekarang dan kemudian Muara Takus terletak di pertemuan Sungai Tapus dengan Batang Kampar di ibu kota yang dinamakan Fo-Che oleh I Ching ialah Muara Takus dan itulah negeri Mo-Lo-Yue".

Berdasarkan beberapa keterangan tadi dan oleh kerana belum ada kata sepakat daripada pakar-pakar sejarawan yang mengakui kedudukan Srivijaya yang sebenarnya, adalah tidak keterlaluan jika kita menyatakan bahawa kedudukan Srivijaya tidak mustahil berada di Teluk Brunei.

Jika Sribuza itu ditafsirkan berada di Palembang maka kenyataan ini adalah salah. Ini kerana jika diukur dengan peta moden, jarak antara Kalah (Kedah) dan Palembang hanya sejauh 700 batu sedangkan jarak dari Kedah ke Teluk Brunei adalah 1000 batu dan jika melalui Selat Melaka maka jaraknya ialah 1,500 batu. Dalam kiraan Arab, 1 zam bersamaan dengan 14.82 batu, oleh itu 120 zam adalah bersamaan dengan 1779.4 batu.

"Teluk Sribuza masuk ke pulau itu sepanjang 50 perasang.....airnya lebih manis. Tidak ada teluk sebesar Sribuza.....pasang surut hanya berlaku tiap-tiap 12 jam....terdapat buaya.....rumah terapung-apung di atas air."

Dari petikan ini, jelas bahawa kedudukan Srivijaya ialah di sebuah pulau yang mempunyai teluk dan dapatlah dinyatakan terdapat dua buah tempat yang sesuai iaitu Pulau Sumatera dan Pulau Borneo. Bandar yang terapung-apung di atas air tentulah mengingatkan kita pada keistimewaan Brunei iaitu Kampong Ayer. Kewujudan Kampong Ayer di tempat-tempat lain juga tidak dapat dinafikan tapi antara kesemua tempat ini hanya di Pulau Borneo saja terdapat pasang surut tiap-tiap 12 jam.

Di Pulau Borneo, terdapat empat buah teluk yang besar iaitu Teluk Brunei, Teluk Kimanis, Teluk Ambung dan Teluk Merudu. Di antara empat teluk inilah terdapat kerajaan Sribuza. Kapten Buzurg mengatakan Sribuza terletak di sebuah-teluk yang paling besar dan terdapat pasang surut tiap-tiap 12 jam. Antara keempat

teluk ini, hanya Teluk Brunei sahaja yang memenuhi kehendak pasang surut yang tersebut itu dan ia juga merupakan sebuah teluk yang besar.


Mengikut Kapten Buzurg, penduduk Sribuza agak kecil dan terdapat beberapa ratus buah rumah sahaja. Ma Tuan (977) juga ada menyentuh keramaian penduduk Sribuza yang berjumlah lebih kurang 10,000 pada tahun 977 Masihi. Antara abad ke-10 hingga abad ke-14 Masihi, Kerajaan Sribuza telah mengembangkan kuasanya di seluruh pantai Kalimantan dan Selatan Filipina. Pada pertengahan abad ke-14 Masihi, Kerajaan Sribuza semakin merosot. Antara 1350 hingga 1408 Masihi Kerajaan Sribuza semakin lemah dan miskin setelah dikuasai oleh Majapahit. Akhirnya Kerajaan Sribuza hilang begitu saja dan digantikan dengan kerajaan baru setelah kemasukan agama Islam ke Brunei pada akhir abad ke-14 Masihi. Kerajaan Sribuza di Teluk Brunei tetap merupakan Kerajaan Brunei lama sebelum berpindah ke Sungai Brunei di Kota Batu.

Para pengkaji dan penyelidik sejarah tempatan dan luar negeri mempunyai berbagai pandangan dan pendapat mengenai asal usul nama Brunei. Terlalu banyak nama yang dikaitkan dengan kewujudan Brunei Awal sehingga amat mengelirukan. Pada awalnya Brunei dikenali dengan pelbagai nama iaitu Karpuradvipa, Kamrun, Ye-Po-Te, Pu-li, Po-ni, Sribuza dan banyak lagi.

Kebanyakan para pengkaji dan penyelidik sejarah hanya menilai dari saiz Brunei yang ada pada masa ini dan dari berbagai-bagai pandangan peribadi mereka. Hanya sedikit sumber yang dapat digunakan dalam usaha untuk mengkaji sejarah Brunei Awal, oleh itu adalah tidak menghairankan jika sumber-sumber yang ada dan telah dikaji itu masih lagi dipertikaikan dan diragui kebenarannya. Perkara ini memang disedari kerana sangat sedikit bahan bantu yang boleh menyokong dan menguatkan sumber yang ada kerana ia hanya bergantung kepada dokumentasi Sanskrit, Arab dan China sebagai sumber utama.

Setelah dikaji dan diteliti, ternyata ada beberapa perkara yang membuat sumber Arab ini agak lemah walaupun kepentingannya dalam sejarah pengajian Brunei Awal tidak dapat dinafikan. Tanpa adanya sumber dari China dan tempatan maka sumber ini sama sekali tidak dapat dipakai.

Perkara yang membuatkan sumber ini agak lemah ialah walaupun terdapat banyak penulis dan pengembara bangsa Arab yang menulis mengenai keadaan Nusantara, tetapi sebahagian daripada mereka ini (penulis Arab) tidak pernah pun datang ke Nusantara. Sebaliknya mereka hanya mendengar cerita daripada pedagang-pedagang Arab yang singgah berniaga di Kepulauan Nusantara. Oleh kerana inilah, fakta-fakta atau catatan-catatan yang tertulis dalam sumber Arab ini masih lagi diragui kebenarannya. Walau bagaimanapun, setiap fakta yang ada telah dikaji dan cuba disesuaikan untuk merujuk kepada Kerajaan Brunei Awal misalnya Kerajaan Funan, Kamrun dan Sribuza yang dikatakan terletak di Pulau Borneo iaitu di Teluk Brunei.



Negara memerlukan belia cergas, berpendidikan

lallahu Alaihi Wasallam bolehlah dijadikan model kepada seluruh umat Islam malah umat manusia sejagat sama ada dari sudut akhlak, muamalah, mahupun sahshiah.

Allah Subhanahu Wataala menjadikan model akhlak, perilaku, perbuatan, perkataan, keperibadian Baginda semata-mata agar umatnya mengikut dan meniru cara serta gaya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dikenali sebagai As-Sunnah.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 yang tafsirannya:

"Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu terdapat contoh teladan yang amat baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan balasan baik Hari Akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak dalam masa susah dan senang."

Begitu juga para sahabat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Sayidina Abu Bakar As-

Sidiq, Sayidina Umar Al-Khatib, Sayidina Othman bin Auf, Sayidina Ali bin Abi Talib Radiallahuanhuma ajmain dan ramai lagi semuanya mereka adalah anak belia teladan.

Mereka boleh dijadikan contoh belia dalam Islam dan mempunyai keperibadian yang kuat, setia kepada kawan dan beriman kepada kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, mereka mendapat kemuliaan serta kebanggaan.

Belia merupakan aset yang amat penting dan berharga kepada sesebuah negara. Bagi kita belia yang kita idam-idamkan ialah belia yang dapat memperkasa bangsa, mencintai negara dan memartabatkan agama selari dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Menyedari akan pentingnya belia negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun melancarkan Dasar Belia Negara. Dasar ini telah mendapat perkenan

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Untuk dilaksanakan, baginda secara khusus mengisytiharkan Dasar Belia Negara ini pada 15 Julai 2002 di Istana Nurul Iman, sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-56 tahun.

Dengan adanya Dasar Belia Negara ini, ianya dapatlah dijadikan sebagai garis panduan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan belia. Dasar belia negara yang berteraskan nilai-nilai dan kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan negara dan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan akan dapat membantu serta memperkasa program-program yang menjurus kepada pembinaan imej baru belia iaitu mewujudkan belia Brunei cemerlang. Kecemerlangan yang dimaksudkan ialah belia-belia yang beriman, berakhlak tinggi, berilmu pengetahuan, bertanggungjawab, patriotik, berdaya saing, berdaya maju dan

berbudi mulia dan semangat saling bekerjasama dengan gigih.

Belia yang cemerlang ialah belia yang memiliki daya tahan yang kuat untuk berdepan dengan segala cabaran dan dugaan. Beberapa panduan yang boleh diamalkan oleh para belia sebagai benteng yang paling kukuh dalam mengharungi kehidupan yang serba mencabar ini iaitu:

- Memelihara ibadat sembahyang.
- Berdamping dengan Al-Quran.
- Memperbanyak zikir.
- Pandai memilih kawan.
- Mendekati masjid.
- Dan berdoa.

Kerana itu adalah amat penting bagi belia-belia Islam supaya berusaha pada membentuk keperibadian diri berdasarkan ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Dan adalah perlu supaya mereka mengetahui benar-benar akan ajaran-ajaran Islam dan kesucian Islam dan sanggup pula mempertahankan kesucian itu.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Kahfi ayat 13 yang tafsirannya:

"Kami ceritakan kisah mereka kepadamu (Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk."

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala, dengan terus-menerus mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya, mudah-mudahan kita tergolong menjadi hamba-hamba-Nya yang benar-benar beriman dan bertakwa.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Hakim dan Al-Baihaqi daripada Ibnu Abas Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Rebutlah lima perkara sebelum tiba lima perkara: masa engkau hidup sebelum mati, masa engkau sihat sebelum sakit, masa engkau lapang sebelum sibuk, masa engkau muda sebelum tua dan masa engkau kaya sebelum miskin."

Hadis yang baru dibacakan tadi menjelaskan mengenai pentingnya bagi kita umat Islam merebut lima perkara yang disebutkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu: Masa hidup, masa sihat, masa lapang, masa muda dan masa kaya.

Sebelum datang lima perkara yang lain iaitu: Masa mati, sakit, sibuk, masa tua dan masa miskin.

Apa yang menarik perhatian dalam hadis ini ialah "masa muda belia" ini menunjukkan dan membuktikan betapa tingginya pandangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap kedudukan belia dan ini dapat kita fahamkan bahawa kedudukan belia dalam sejarah kehidupan manusia adalah termasuk suatu perkara yang tidak boleh diabaikan.

Belia merupakan generasi harapan dalam membangun umat, merekalah yang akan mengambil alih tugas generasi tua untuk memimpin bangsa dan umat pada masa akan datang. Peranan mereka penting dalam kehidupan masyarakat kerana watak dan buah fikiran mereka amat diperlukan untuk membangun sesebuah negara. Kemajuan sesebuah negara memerlukan

belia yang cergas dan berpendidikan.

Siapakah dia belia Islam itu? Belia Islam ialah mereka yang mempunyai citarasa dalam meniti kehidupan yang lurus dan kekal berpendukan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tidak melibatkan diri atau terpengaruh dengan kehidupan antisosial serta menjauhkan diri dari perkara yang dilarang.

Belia Islam seharusnya mempunyai akhlak yang mulia untuk menjadi sumber inspirasi kepada generasi akan datang, bersifat 'siddiq' atau benar, bertakwa, adil, berkesanggupan menyebarkan dakwa Islamliah, 'fatanah' yakni pintar atau bijaksana dan lain-lain sifat mulia yang disebutkan di dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di dalam Al-Quran dan sejarah Islam banyak cerita teladan belia Islam yang harus kita contoh. Umamanya keperibadian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Allah Subhanahu Wataala sendiri mengakui pada diri Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam itu terdapat banyak contoh teladan yang baik untuk diikuti. Antara sifat yang terdapat

dalam peribadi Baginda ialah amanah, benar, bijaksana, bersopan-santun, berbudi bahasa, cerdik, lemah lembut, menjauhi dari perkelahian, suka menolong dan membantu. Begitu juga dengan pakaian dan rambut Baginda sentiasa bersih dan kemas. Baginda diberi gelaran 'Al-Amin' yang bermaksud yang boleh dipercayai.

Jelaslah di usia remaja Baginda Rasulullah Sal-

BELIA merupakan aset yang amat penting dan berharga kepada sesebuah negara. Bagi kita belia yang kita idam-idamkan ialah belia yang dapat memperkasa bangsa, mencintai negara dan memartabatkan agama selari dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 23 شعبان، 1423 برسان دغن 30 اوتوبر، 2002 هيغك كهاري ثلاث، 29 شعبان، 1423 برسان دغن 5 نوبمبر، 2002 اداله سفرت دباوه اين -

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
شعبان									
23	12.06	3.25	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	لوتوبر 30
24	12.06	3.25	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	31
25	12.05	3.25	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	نوبمبر 1
26	12.05	3.26	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	2
27	12.05	3.26	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	3
28	12.05	3.26	6.03	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	4
29	12.05	3.26	6.02	7.14	4.37	4.47	6.05	6.29	5

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره نوتوغ ديمه ساتو مينيت دان دائره بلايت ديمه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

Setiap rakyat, penduduk beragama Islam menerima sekotak buah kurma

Oleh
Abu Bakar HAR



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun menyampaikan kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi umat Islam di negara ini kepada seorang penghulu mukim di Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

BERAKAS, 21 Oktober. - Setiap rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini tanpa mengira usia akan menerima sekotak buah kurma seberat 300 gram bagi juadah berbuka puasa di bulan Ramadan 1423 Hijrah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu pengagihan buah-buah kurma tersebut kepada penghulu dan ketua kampung bagi Daerah Brunei-Muara telah diadakan pagi tadi yang berlangsung di Dewan Muhibah Pejabat Daerah Brunei dan Muara di sini.

Pengagihan buah kurma sebanyak 210,926 kotak kecil

itu telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun dan disaksikan oleh Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani.

Di majlis itu, Dato Paduka Awang Haji Harun telah menjelaskan cara pengagihan buah kurma kepada penduduk di negara ini yang dipraktikkan oleh seorang Pemangku Ketua Kampung di Daerah Belait di tahun kebelakangan.

Antara tatacara itu termasuklah melantik Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mengikut zon bagi penyerahan tersebut dengan mengeluarkan surat lantikan di samping mengeluarkan surat keliling atau surat pemberitahuan kepada wakil pembahagi berkenaan.

Selain itu penyediaan borang untuk disikan oleh penduduk kampung juga perlu di samping menyediakan penyata atau laporan pembahagian.

Majlis tersebut diselenggarakan penyerahan derma bagi tabung kebakaran Kampong Lurong Sikuna dan Ujong Kelinik yang diterima oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Derma pertama berjumlah \$1,500.00 telah disumbangkan oleh persatuan agensi-agensi haji dan umrah diikuti Institut Tahfiz Sultan Haji Hassanal Bolkiah berjumlah \$1,400.00.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani ketika menyampaikan kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada seorang ketua kampung. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Haji Ibrahim, Dyg. Hajah Norzirwatul johan Pertandingan Al-Quran

Oleh
Haji Ahmad HS

GADONG, 30 September.

- Haji Ibrahim bin Haji Sahat dari Jabatan Pengajian Islam telah menjuarai kategori lelaki setelah berjaya menewaskan tiga peserta lain dalam Pertandingan Akhir Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran antara jabatan-jabatan di Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, Dayang Hajah Norzirwatul Fadhliah binti Haji Puteh wakil Jabatan Sekolah-sekolah pula menjuarai kategori wanita apabila menewaskan tiga peserta lain dalam kategori itu

yang diadakan di Auditorium Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di sini.

Naib johan kategori lelaki disandang oleh Haji Abdullah bin Haji Tengah dari Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Haji Sabli bin Haji Mumin dari Pejabat Setiausaha Tetap.

Naib johan kategori wanita disandang oleh Dayangku Hajah Faridah

binti Pengiran Haji Aluddin dari Jabatan Pengajian Islam dan Dayang Norafizah binti Haji Suhailec dari Jabatan Sekolah-sekolah di tempat ketiga.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi telah menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang. Pertandingan berkenaan dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan sempena Sambutan Hari Guru Ke-12 pada tahun ini.

PERADUAN MENULIS CERPEN, RENCANA DAN SAJAK

PULAIE - Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang mengadakan Peraduan Menulis Cerpen, Rencana dan Sajak sempena sambutan Israk dan Mikraj bagi tahun 1424 Hijrah/2003 Masihi. Peraduan tersebut adalah di antara aktiviti pusat ini, di samping bertujuan untuk memberi peluang kepada para penulis tanah air dan bagi mereka yang berminat.

Peraduan terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang dari 18 tahun kecuali Ahli Jawatankuasa Peraduan tersebut. Pihak pengajur mengalu-alukan penyertaan dan borang-borang Peraduan Cerpen, Rencana dan Sajak boleh didapati di Kaunter Pusat Da'wah Islamiyah pada setiap hari dan waktu pejabat dibuka.

KITA selalu tertunggu-tunggu untuk sampai ke awal tahun Masihi kerana pada waktu tersebut bonus tahunan bagi pekerja sektor kerajaan akan dikeluarkan berserta gaji bulanan. Itu bagi yang bekerja dengan sektor kerajaan; bagi yang bekerja dengan sektor swasta pula terpaksa menunggu bonus gaji mereka hingga pertengahan tahun. Bonus itu merupakan bonus yang berbentuk keduniaan dan masing-masing menerima sejumlah wang mengikut tanggagaji masing-masing. Dalam waktu setahun kita menunggu dan kita merasa gembira apabila menerimanya, akan tetapi kita tidak akan terasa ianya semakin berkurang sewaktu berbelanja.

Kita boleh meraih bonus yang jauh lebih baik dari itu. Malah tidak dapat digambarkan oleh kita sebesar mana nilainya, lebih-lebih lagi ianya bakal membawa kemewahan yang berkekalan kepada kita. Bila dan bagaimanakah kita akan dapat meraih bonus tersebut? Seperti kita berkewajipan setiap hari membanting tulang untuk mencari sara hidup, begitulah juga untuk mendapatkan bonus yang bakal mencurahkan kemewahan dan kesenangan yang abadi. Sebelum itu, kita juga berkewajipan untuk melakukan sesuatu terlebih dahulu iaitu ibadah yang ikhlas kepada Allah Subhanahu Wataala.

Ramadan, itulah bulan bonus bagi umat Islam. Semua umat Islam mengetahui bahawa di sepanjang bulan itu banyak amalan ibadat tersedia dan menjanjikan imbalan yang tidak ternilai bagi pengamalannya, tetapi tidak semua yang menyedarinya atau alpa disebabkan terlalu sibuk mengurus dunia. Melainkan bagi siapa yang tahu menilai apa dia hakikat imbuhan yang terbaik dan sebenar untuk dicari semasa hayat kita ini. Di bulan inilah terdapat bonus yang sebenar walaupun waktu penantiannya sama juga seperti menunggu bonus tahunan kerja, akan tetapi

RAMADAN BULAN BONUS

منوجوكر رمضان الله
Menuju Keredaan Allah

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

bonus tersebut dapat menempah tiket ke kehidupan yang lebih kekal dan sentosa.

Alhamdulillah, di negara kita ini, penduduk yang ingin menambah mata pencarian diberi peluang oleh pihak kerajaan untuk membuka Gerai Ramadan pada setiap petang di sepanjang bulan itu dan juga memendekkan waktu bekerja dan sekolah agar masyarakat kita lebih selesa menjalani ibadah berpuasa. Begitu juga untuk menambah kekayaan rohani, kita boleh mendapatkan amalan-amalan yang berlipat ganda di bulan ini dan di antaranya adalah ibadat yang tidak terdapat pada bulan-bulan lain seperti puasa fardu Ramadan itu sendiri, Sembahyang Terawih, tedarus sepanjang malamnya diikuti khatam Al-Quran seluruh negara dan Zakat Fitrah. Pada setiap amalan-amalan tersebut mengandungi ganjaran yang tinggi dan dapat membersihkan fizikal dan mental dari segala penyakit dan kekotoran, di samping

membuka ruang untuk mengeratkan hubungan kemasyarakatan. Amalan bersedekah juga amat digalakkan kerana di bulan ini merupakan waktu yang paling utama untuk bersedekah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Turmizi dari hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam : "Seutama-utama sedekah ialah sedekah di bulan Ramadan."

Pada malam 17 Ramadan juga merupakan sejarah yang besar bagi seluruh umat Islam di mana turunnya ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi junjungan kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Selain kita mengingati malam tersebut, kita juga seharusnya menghayati peristiwa itu sebagai tanda bersyukur kerana saat itu merupakan bermulanya tamadun Islam yang mana kita dibekalkan dengan perlembagaan kehidupan iaitu kitab Suci Al-Quran yang menjadi panduan kehidupan manusia sejagat.

Di bulan ini juga, terdapat malam ganjaran seribu bulan iaitu Lailatulqadar. Sesiapa yang bertemu malam tersebut dan sedang ia mengerjakan ibadat dengan ikhlas akan dikurniakan ganjaran seperti

ganjaran beramal ibadat selama seribu bulan. Malam Qadar tersebut hanya akan berlaku sekali sahaja di bulan ini iaitu antara sepuluh malam terakhir. Sesungguhnya teramat rugilah bagi mereka yang tidak menanti saat tersebut kerana amal ibadat yang kita lakukan di sepanjang hayat kita pun tidak akan dapat mencapai ganjaran amalan seribu bulan tersebut.

Tidak kita ketahui bila malam itu akan tiba. Tinggal hanya kita sahaja yang mencari malam tersebut. Tujuan Malam Qadar tersebut tidak ditetapkan bila saatinnya ialah agar kita sentiasa beringat-ingat dan berjaga-jaga dalam menjaga keikhlasan dan kekhusyukan kita dalam beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala supaya kita tidak terlepas peluang gemilang ini.

Begitu hebat sekali bonus yang disediakan untuk kita dalam bulan ini. Ramadan banyak menjanjikan ganjaran yang baik dan tidak pernah menghampakan harapan dan cita-cita orang-orang yang ikhlas beribadat. Semoga kita akan sama-sama berusaha untuk merebut peluang keemasan ini dan bersyukur atas kemurahan Allah Subhanahu Wataala itu.

Keberangkatan muhibah Sultan Terengganu Darul Iman



DULI Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Terengganu Darul Iman dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Nur Zahirah, Permaisuri Negeri Terengganu Darul Iman ketika berkenan menyaksikan pameran alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja di Bangunan Alat Kebesaran Diraja. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Sultan dan Permaisuri Terengganu berangkat lawat Bangunan Alat Kebesaran Diraja



BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Oktober. - Pameran alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja yang diwarisi sejak turun-temurun sebagai lambang kebesaran Kerajaan Negara Brunei Darussalam menarik perhatian Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Terengganu dan Duli Yang Maha Mulia

DULI Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Permaisuri Negeri Terengganu Darul Iman ketika berada di negara ini juga berkesempatan melawat Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di Jalan Residency (kiri). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Oleh Samle Haji Jait dan Abu Bakar HAR

Permaisuri Nur Zahirah, Permaisuri Negeri Terengganu Darul Iman sepanjang lawatan ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja di sini.

Lawatan berkenaan merupakan salah satu atur cara sempena keberangkatan muhibah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Permaisuri Negeri Terengganu Darul Iman ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz juga berangkat bagi mengiringi lawatan rombongan Diraja Negeri Terengganu itu.

Sepanjang lawatan, Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Nur Zahirah telah disembahkan taklimat oleh Pengurus Bangunan Alat Kebesaran Diraja, Pengiran Haji Mohd. Yamin bin Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin.

Bangunan Alat Kebesaran Diraja dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 30 September 1992.

Reka bentuk bangunan yang menggabungkan ciri-ciri konsep Melayu Islam Beraja itu telah menjadikannya salah satu mercu tanda di ibu negara.

Pameran Alat-alat Kebesaran Diraja, Galeri Pameran Jubli Perak dan Galeri Sejarah Perlembagaan merupakan galeri-galeri menarik untuk disaksikan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain juga mengiringi lawatan baginda berdua.

Selepas berkenan melawat bangunan tersebut, Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Nur Zahirah berkenan pula berangkat ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di Jalan Residency di ibu negara.

Pusat berkenaan juga sering menjadi tumpuan pelancong yang mahu menyaksikan sendiri kemahiran dan hasil kraf tangan bermutu oleh anak-anak tempatan.

Bangunan yang dibina pada tahun 1975 setinggi sepuluh tingkat bernilai kira-kira \$25 juta bagi menempatkan anak-anak tempatan untuk memperkembangkan bakat dan kemahiran dalam meng-

hasilkan kraf tangan tempatan.

Seni pertukangan membuat keris, tembaga dan perak, songkok, menenun kain merupakan antara kursus-kursus yang ditawarkan di pusat berkenaan.

Sementara itu pada 16 Oktober, Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Terengganu Darul Iman dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Nur Zahirah, Permaisuri Negeri Terengganu Darul Iman meneruskan atur cara lawatan muhibah baginda berdua ke Jame' 'Asr Hassanil Bolikiah di Kampong Kiulap.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain.

Semasa lawatan itu, Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Nur Zahirah telah berkenan menyaksikan dan berkunjung ke beberapa kemudahan beribadah di masjid berkenaan termasuk perpustakaan yang terletak di tingkat bawah.

Baginda berdua juga telah berkenan mendengar sembah taklimat mengenai masjid berkenaan yang menjadi salah satu tempat menarik yang sering menjadi tumpuan para pelancong ketika berada di negara ini.



DULI Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Terengganu Darul Iman berkenan menerima penerangan ringkas mengenai seni bina dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan di Jame' 'Asr Hassanil Bolikiah ketika baginda berdua melawat ke sana di Kampong Kiulap. - Gambar oleh Ha ji Masmaleh HMA.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Brunei terus beri sumbangan

SEJAK mengambil alih tanggungjawab antarabangsa pada tahun 1984 dan menjadi ahli kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Komanwel, ASEAN, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM), sumbangan Negara Brunei Darussalam terus meningkat dan menyerlah. Malah melalui pertubuhan-pertubuhan berkenaan imej dan kredibiliti Negara Brunei Darussalam terus mendapat sanjungan tinggi. Pendek kata, negara kita tidak ketinggalan sama memainkan

peranan penting dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Dalam APEC, Negara Brunei Darussalam terus memberikan sumbangan bermakna. Pemimpin negara kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin APEC sentiasa bekerja keras dalam merealisasikan wawasan APEC terutama sekali dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi di kalangan ahli-ahlinya. Sejak mesyuarat pertama pada tahun 1993,

di Seattle, Amerika Syarikat hingga ke Mexico City pada tahun 2002 ini, Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan untuk menyertai mesyuarat tahunan yang berprestij di kalangan pemimpin-pemimpin di 'Pacific Rim'. APEC ditubuhkan pada tahun 1989 di Republik Singapura yang bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi di kalangan ahlinya. Sejak itulah negara terus memberikan sumbangan dan memainkan peranan aktif dalam pertubuhan berkenaan.

Kemuncak sumbangan negara kita dalam APEC terserlah dan terbukti dalam tahun 2000 bila

mana kita menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC. Berkat usaha padu dan kerjasama semua pihak serta rakyat dan penduduk negara ini, alhamdulillah dengan penuh kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, Brunei Darussalam dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua telah dapat mengedalikan sidang kemuncak itu dengan jayanya. Kecemerlangan menjayakan APEC 2000 berkat kerjasama yang erat dan padu antara sektor kerajaan dan swasta yang telah bersama-sama bekerja keras memastikan kejayaannya. Di samping itu dengan adanya sokongan padu dari penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah sebagai sukarelawan juga menjadi faktor kepada kejayaan APEC 2000.

Kecemerlangan APEC 2000 itu dicapai berkat kepimpinan raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah berjaya mempengerusikan sidang

kemuncak itu dengan jayanya. Kejayaan baginda itu telah mendapat pengiktirafan daripada pemimpin-pemimpin APEC yang berjumlah 21 buah negara. Pemimpin kuasa besar dunia, bekas Presiden Amerika Syarikat, TYT Bill Clinton; Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Republik Singapura, TYT Goh Chok Tong memberikan pujian di atas kecemerlangan Negara Brunei Darussalam mengedalikan sidang kemuncak itu.

Sesungguhnya pengalaman yang dilalui semasa menjadi tuan rumah kepada APEC itu amatlah berguna kepada negara dalam memainkan peranan serta menunaikan tanggungjawab dan sumbangan kita selaku anggota masyarakat serantau mahupun di peringkat antarabangsa. Ternyata dan terbukti kita mampu mengendalikan dengan jayanya walaupun dengan penduduk yang sekubit. Pen-

dek kata, walaupun Negara Brunei Darussalam salah sebuah negara kecil dalam ekonomi serantau, kita melihat pertemuan berkenaan sebagai satu peluang bagi negara ini menyumbang terhadap proses APEC.

Sumbangan kedua terbesar negara dalam APEC ialah apabila negara kita menjadi Pengerusi Bersama Mesyuarat Peringkat Tertinggi Peningkatan Keupayaan APEC di Beijing, Republik Rakyat China pada bulan April 2001 sebelum Sidang Kemuncak APEC di Shanghai. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Republik Rakyat China, TYT Jiang Zemin telah mempengerusikan bersama mesyuarat berkenaan yang telah diadakan pada 14 dan 15 April 2001. Di samping itu, Negara Brunei Darussalam juga bersedia menghulurkan bantuan teknikal yang berupa pengalaman kepada Republik Rakyat China dalam mengendalikan APEC 2001 yang se-

kali gus merupakan sumbangan yang amat besar negara kepada proses APEC.

Negara Brunei Darussalam akan terus memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan wawasan APEC dan membawa pertubuhan itu mencapai kejayaan yang dicita-citakan. Kita akan terus memberikan sumbangan yang termampu dan yang terdaya kita lakukan. Bukan dalam APEC sahaja, bahkan dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa yang lain kita akan terus memberikan sumbangan sebagai tanggungjawab kita terhadap masyarakat antarabangsa dan global. Apa pun alasannya, Negara Brunei Darussalam telah pun membuktikan sumbangannya yang bermakna terhadap APEC.

Muhammad Noor Firdaus bin Haji Jaafar, Unit 16, Rumah Kembar Dua, STKRJ, Kampong Rimba, Gadong.
No. k/p : 303101

Sumbangan Negara Brunei Darussalam dalam APEC

KERJASAMA Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ditubuhkan pada bulan November 1989 dengan dianggotai oleh 12 buah ekonomi termasuk Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini APEC telah berkembang dengan disertai oleh 21 buah ekonomi kesemuanya.

Sebaik sahaja memasuki alaf baru, negara kita diberi penghormatan dan tanggungjawab untuk me-

ngendalikan APEC. Hasil dari kerjasama semua pihak negara kita telah berjaya dengan cemerlang menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC yang berlangsung pada 15 hingga 16 November 2000. Tema yang dipilih ialah 'Menyampaikan Kepada Masyarakat' dengan tiga lagi tema kecil, iaitu 'Membinasakan Asas Yang Kukuh', 'Mewujudkan Peluang-peluang Baru'

dan 'Menjadikan APEC Lebih Bermakna'.

Kita amat berbangga kerana dapat menemukan 19 ketua ekonomi APEC yang terdiri daripada kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, Persekutuan Russia dan Republik Rakyat China selain daripada kuasa ekonomi dunia, Jepun.

Satu bukti ketokohan dan sumbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap negara ialah apabila baginda sama-sama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin mempengerusikan bersama Me-

syuarat Peringkat Tertinggi Mengenai Inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) di Beijing Republik China pada bulan Mei tahun lalu. Mesyuarat berkenaan adalah atas inisiatif baginda sendiri yang diilhamkan semasa Sidang APEC 2000 dan dipersetujui sebulat suara daripada ketua-ketua ekonomi APEC.

Sejak negara kita mengambil alih semula tanggungjawab sebagai sebuah negara yang merdeka dalam tahun 1984 dan kini mencapai kemerdekaan yang ke-18 tahun. Selama sebuah negara yang berdaulat, peranan di peringkat serantau

dan antarabangsa terus dipertingkatkan sama ada dalam isu-isu yang melibatkan soal politik, ekonomi mahupun sosial.

APEC yang telah kita laksanakan pada tahun 2000 akan menjadi ristaan dan sejarah penting dalam liputan sejarah negara serta diristakan sebagai yang terbaik dan cemerlang. Sumbangan atas kejayaan yang amat besar ini adalah dari komitmen baginda sendiri yang mempengerusikan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC 2000 yang diadakan di Bandar Seri Begawan. Kini negara

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Sumbangan Negara Brunei Darussalam dalam APEC'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Penerima yang berjaya itu adalah seperti berikut:

kita telah menjadi sebuah negara yang berwibawa dan 'berdiri sama tinggi duduk sama rendah', setaraf dengan negara-negara lain.

Salbiah binti Awang Ahmad, No 662, Simpang 660, Kampong Lumapas 'B', BJ 3524.
No. k/p : 286748

Nama negara terus harum

DALAM menilai bidang ekonomi Negara Brunei Darussalam, hasil keluaran negara kita secara keseluruhannya boleh dikatakan stabil dan berada pada tahap yang seimbang. Dari masa ke semasa, pelbagai perubahan dan perkembangan yang dialami telah dapat meningkatkan dan memajukan pengurusan ekonomi negara kita. Dengan sistem pemerintahan negara yang teratur, kedudukan martabat negara kita akan menjadi tinggi di mata dunia. Pencapaian yang positif ini telah mendapat restu agar negara kita layak untuk menjadi ahli dalam salah sebuah pertubuhan dunia yang terbesar dan diiktiraf seluruh dunia yang dikenali sebagai

APEC.

Nama Negara Brunei Darussalam kini menjadi masyhur dan mempunyai peranan yang besar dalam menjalankan tanggungjawab sebagai ahli pertubuhan APEC. Penuhungan organisasi APEC ini mempunyai objektif yang tersendiri antaranya untuk memperkembangkan serta mengemaskinikan pencapaian ekonomi sesebuah negara. Persidangan dan perhubungan diplomatik sesama negara ahli perlulah dijaga supaya dapat membawa kepada kemajuan dan perkembangan ekonomi serantau. Organisasi ini akan sentiasa menjamin kemandirian ekonomi yang menyeluruh dalam satu lingkungan atau naungan yang sama. Dalam menyempur-

nakan impian dan matlamat APEC ini, Negara Brunei Darussalam tidak juga ketinggalan dalam menyumbangkan tenaga.

Sumbangan terbesar yang menjadi sejarah bagi Negara Brunei Darussalam untuk APEC ialah melalui pengalaman menjadi tuan rumah bagi Persidangan APEC pada tahun 2000 yang lalu. Persidangan agung itu berlangsung selama 6 hari di sini, bermula pada 10 November sehingga 16 November 2000. Pelbagai persiapan dan persembaan yang telah dijalankan supaya majlis itu berjalan dengan lancar. Ini merupakan peluang keemasan bagi negara kita untuk menunjukkan kebolehan dan kemampuan negara kita, Negara Brunei Darussalam

pada pandangan dunia luar.

Yang paling utama dalam menjayakan Persidangan APEC itu sendiri ialah berkat dan kebijaksanaan pemimpin kita yang tercinta, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memberikan layanan yang terbaik dan baginda juga merupakan seorang yang pemurah dan peramah ketika menyambut kehadiran para tamu, pembesar-pembesar negara dan wakil-wakil diplomat luar yang datang ke negara kita.

Kerjasama pelbagai pihak sama ada pegawai-pegawai kerajaan ataupun sukarelawan baik secara langsung ataupun tidak, telah pun berjaya menonjolkan nama baik bagi Negara

Brunei Darussalam. Sambutan bagi kedatangan mereka itu telah mendapat kepujian dan sanjungan dari pihak luar kerana mereka merasa sangat berpuas hati dengan layanan serta khidmat yang telah diberikan untuk mereka.

Pada kesimpulannya, sumbangan Negara Brunei Darussalam untuk APEC telah menaikkan martabat kedudukan kita dan sekali gus telah mengharumkan nama negara yang telah menjadi pusat tumpuan dan perhatian dunia luar.

Nor Azalina binti Haji Abdullah, No. 1A, Simpang 482-40, Jalan Kota Batu, Kampong Pelambayan, BD 2317.
No. k/p : 299338

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Gerai Ramadan Penglibatan Belia Semakin Menggalakkan'. Tarikh tutup 2 November 2002.
2. 'Al-Quran Menjadi Ubat dan Penawar Umat Islam'. Tarikh tutup 9 November 2002.
3. 'Zakat Fitrah Pembersih Diri'. Tarikh tutup 16 November 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn



DIRAIKAN ... Para isteri AMRI juga diraikan di Majlis Makan Malam sempena Persidangan Ke-7 Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (AMRI) (atas).

TERTARIK ... Seorang isteri Menteri Penerangan ASEAN amat tertarik dengan tenunan asli Brunei (kiri).

Lawatan isteri-isteri AMRI



BENGKURONG, 18 Oktober. Para isteri Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (AMRI) mengadakan lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di sini.

Lawatan itu merupakan salah satu atur cara sempena Persidangan Ke-7 AMRI yang diadakan di negara ini bermula pada 15 hingga 19 Oktober lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam ketika mengalu-alukan rombongan itu menjelaskan fungsi dan perkembangan pusat berkenaan.

Kemudian rombongan berkenaan dibawa melihat sendiri aktiviti-aktiviti kebajikan para ahli di pusat berkenaan.

Penanaman sayur hi-



YANG Dimulakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Dayang Hajah Rosnah berbual mesra bersama isteri Menteri Penerangan, Perhubungan dan Kesenian Republik Singapura di Majlis Makan Malam.

droponik, ladang orkid dan hasil kerja tangan kreatif merupakan antara yang menarik perhatian para isteri Menteri Penerangan ASEAN yang meninjau secara dekat hampir dua jam di pusat itu.

Pusat berkenaan dihasratkan sebagai pusat sum-

ber yang memberikan peluang latihan kemahiran bagi membantu insan-insan istimewa untuk lebih berdikari dan menjadi penyumbang kepada masyarakat di sekelilingnya.

Selain menjadikannya sebagai pusat industri the-raputik, pusat berkenaan

juga merupakan tempat bagi insan-insan yang bermasalah mental berganda.

Rombongan itu juga berkesempatan mengadakan lawatan ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh Samle HJ
Gambar-gambar
oleh
Mohd. Zul-Izzi HD



PARA isteri AMRI semasa mengadakan lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di Bengkurong (atas dan atas sekali).

TERTARIK ... Para isteri AMRI tertarik menyaksikan tenunan asli Brunei (kanan).



ISTERI-ISTERI Menteri Penerangan ASEAN semasa mengadakan lawatan ke Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).



GAMBAR KENANGAN ... YB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bergambar kenangan bersama para Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (AMRI) dan pegawai-pegawai kanan.



PERWAKILAN dari Laos, Kemboja, Indonesia, Filipina, Singapura, Myanmar, Malaysia, Thailand dan Viet Nam semasa menghadiri Persidangan Ke-7 AMRI di Bandar Seri Begawan (atas, atas kanan, bawah, tengah, bawah kanan sekali dan atas kanan sekali).



NEGARA Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah Persidangan Ke-7 Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (AMRI) yang telah diadakan pada 15 hingga 19 Oktober 2002. Persidangan yang julung-julung kali diadakan di negara ini telah diadakan di Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

Persidangan AMRI peringkat Menteri dari 18-19 Oktober telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sementara Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN (SOM) dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Tema Persidangan AMRI kali ini ialah 'Ke Arah Memprojek Kesatuan, Kestabilan dan Dinamisme ASEAN Dalam Era Komunikasi Global'.



PEGAWAI-PEGAWAI Kanan (SOM Leaders) semasa menandatangani Letter of Transmittal sejourus berakhirnya Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan.



DATO Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah (Working Dinner).

JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

No. Projek : JTB/GB/GIB/P09/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom Brunei yang berdaftar dalam P3 dan PX.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi SUPPLY, DELIVERY, DESIGN, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF BRUNET'S MANAGED ELECTRONIC SERVICES DELIVERY INFRASTRUCTURE ON A FULL TURNKEY BASIS FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan : JTB/GB/GIB/P09/2002 - SUPPLY, DELIVERY, DESIGN, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF BRUNET'S MANAGED ELECTRONIC SERVICES DELIVERY INFRASTRUCTURE ON A FULL TURNKEY BASIS FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada **hari Isnin, 11 November 2002** jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Pengeluaran Tender & Sebutharga, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak B\$500.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Rajah-rajah, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Seksyen Global, Korporat dan Internet, Bahagian Bisnes Internet, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau tertentu.
7. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah projek tersebut akan dikenakan.
8. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah diselesaikan dalam masa 2 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan tempoh sebut harga mestilah sah laku selama 12 bulan dari tarikh tutup tawaran.

Bilangan Tawaran : JTB/SO/ST/029/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal dan menghantar barang-barang seperti yang tersebut di bawah ini kepada Stor Telekom, Simpang 815, Jalan Bengkurong Masin, Sinarubai, Negara Brunei Darussalam BF 1920.
2. Pembekal-pembekal bolehlah menghantar tawaran-tawaran mereka bagi kesemua atau separuh dari barang-barang yang disenaraikan seperti berikut : Keterangan jenis barang : CABLE CLOSURE 3M.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR UNTUK TAWARAN CABLE CLOSURE 3M - JTB/SO/ST/029/2003 tanpa menunjukkan nama pembekal kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang **hari Isnin 18 November 2002**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Perjumpaan mengenai dengan penerangan kepada penawar-penawar yang menyertai tawaran akan diadakan pada 16 November 2002 jam 9.00 pagi di bilik perjumpaan Stor Telekom Sinarubai.
5. Dokumen-dokumen tawaran berharga B\$100.00 (tidak dikembalikan) boleh dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan. Dokumen tersebut boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran Sumber-Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Sumber-Sumber Tenaga Manusia dan Perhubungan Awam (HP), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BS 3510.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta jaminan bank.

Bilangan Tawaran : JTB/SO/ST/018/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal dan menghantar barang-barang seperti yang tersebut di bawah ini kepada Stor Telekom,

- Simpang 815, Jalan Bengkurong Masin, Sinarubai, Negara Brunei Darussalam BF 1920.
2. Pembekal-pembekal bolehlah menghantar tawaran-tawaran mereka bagi kesemua atau separuh dari barang-barang yang disenaraikan seperti berikut : Keterangan jenis barang : CABLE CLOSURE TYPE RXS.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR UNTUK TAWARAN CABLE CLOSURE TYPE RXS - JTB/SO/ST/018/2003 tanpa menunjukkan nama pembekal kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang **hari Isnin 18 November 2002**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Perjumpaan mengenai dengan penerangan kepada penawar-penawar yang menyertai tawaran akan diadakan pada 16 November 2002 jam 9.00 pagi di bilik perjumpaan Stor Telekom Sinarubai.
5. Dokumen-dokumen tawaran berharga B\$100.00 (tidak dikembalikan) boleh dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan. Dokumen tersebut boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran Sumber-Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Sumber-Sumber Tenaga Manusia dan Perhubungan Awam (HP), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BS 3510.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta jaminan bank.

JABATAN PERDANA MENTERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM BERGAJI HARI

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan sebagai Pegawai Perhubungan Awam bergaji hari di Jabatan Perdana Menteri.

1. Jawatan : Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian : II
Tanggagaji : \$103.00 sehari.

2. Syarat kelayakan:

- a. Mempunyai pengetahuan tentang kemasniam agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bahagian perhubungan Awam, kewartawanan, komunikasi dan lain-lain kelulusan yang bersesuaian.
- c. Mempunyai pengetahuan dalam bidang penulisan rencana/skrip dan pengetahuan dalam bidang penerbitan buku/majalah dan lain-lain adalah diberi keutamaan.
- d. Mempunyai perwatakan yang bersesuaian, ramah, pemedial serta mempunyai penampilan yang menyenangkan dan dapat bergaul dengan mesra dengan orang ramai termasuk wartawan dan Media Masa.
- e. Mempunyai pengetahuan dalam pengendalian alat komputer dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Menyediakan, memberikan ceramah/taklimat mengenai organisasi dan fungsi Jabatan Perdana Menteri jika dikehendaki.
2. Wakil Jabatan Perdana Menteri ke mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Awam antara Kementerian dengan Jawatankuasa Perhubungan Awam, Jabatan Perdana Menteri.
3. Membuat promosi & penyediaan mengenai dengan program-program, kegiatan-kegiatan, peranan dan fungsi Jabatan Perdana Menteri keseluruhannya (Organization Wide).
4. Meneliti aduan/rujukan orang ramai melalui surat-surat khabar, e-mel dan lain-lain 'menu' internet yang diterima oleh Jabatan Perdana Menteri.
5. Membuat kerja-kerja penulisan, penerbitan rencana dan lain-lain.
6. Bersedia membuat kerja-kerja lain di luar bidang perhubungan Awam pada bila-bila masa dikehendaki serta lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.

Pemohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan siji, satu keping gambar berukuran pasport, serta dokumen-dokumen yang lain dan hendaklah dihantar tidak lewat **31 Oktober 2002** ke alamat berikut: Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan BA 1000, Negara Brunei Darussalam.

JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI

PELANCARAN JUALAN BESAR-BESARAN BRUNEI 2002

JABATAN Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan Majlis Pelancaran Jualan Besar-Besaran Brunei 2002 (BGS 2002) pada hari Jumaat, 1 November 2002 jam 2.15 petang di Kawasan Lapang Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Di antara acara-acara di majlis itu nanti termasuklah peraduan mewarna menggunakan pensel warna bagi kanak-kanak dua belas tahun dan ke bawah bagi kategori berikut :

- A - Umur 6 tahun ke bawah lelaki/perempuan
- B - 6 tahun hingga di bawah 10 tahun lelaki/perempuan
- C - 10 tahun hingga 12 tahun lelaki/perempuan.

Orang ramai berserta anak-anak adalah dipersilakan hadir.

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/65/2002 :
Tajuk Kerja : PEMELIHARAAN ALAT HAWA DINGIN SECARA BERKONTRAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK BANGUNAN LEMBAGA MATA WANG BRUNEI, JALAN KEBANGSAAN.
Tarikh tutup : **4 November 2002 hari Isnin** jam 2.00 petang.
Harga Tawaran : \$200.00 (tidak dikembalikan).
Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan).
Tempat Tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan, Kelas II, III, IV, V & VI (kategori 5j).

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/66/2002 :
Tajuk Kerja : PEMELIHARAAN ELEKTRIK SECARA BERKONTRAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN UNTUK BANGUNAN LEMBAGA MATAWANG BRUNEI, JALAN KEBANGSAAN.
Tarikh tutup : **4 November 2002 hari Isnin** jam 2.00 petang.
Harga Tawaran : \$200.00 (tidak dikembalikan).
Harga Dokumen dan Lukisan : \$50.00 (tidak dikembalikan).
Tempat Tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan, Kelas III, IV, V atau VI (kategori 7a).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Perhatian : Sila bawa Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/70/2002 :
Tajuk Kerja : PEMELIHARAAN SECARA BERKONTRAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN UNTUK BANGUNAN LEMBAGA MATAWANG BRUNEI, JALAN KEBANGSAAN.
Tarikh tutup : **4 November 2002 hari Isnin** jam 2.00 petang.
Harga Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan).
Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).
Tempat Tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
Kelayakan Pemborong : Pemborong Lf yang berkelayakan sahaja.

Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Perhatian : Sila bawa Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/PSP/081/2002 :
Tajuk Kerja : SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF HV AND LV EQUIPMENT FOR SUNGAI BULOHTANAH JAMBU INFRASTRUCTURE.
Tarikh tutup : **11 November 2002 hari Isnin** jam 2.00 petang.
Harga Tawaran : \$1,000.00. Harga Dokumen : \$60.00.
Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
Kelayakan Pemborong : Kelas IV kategori 7b/7c.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Projek, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Perhatian : Sila bawa salinan 'Business Enactment, 1958 - Section 16 dan 17 dan Sijil Pendaftaran ke Pemborong (MOD) dengan kelas dan kategori tersebut diatas semasa menghantar dokumen ini, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PEMBERITAHUAN KEPADA PELAUT-PELAUT BIL: 19/2002 (S) LATIHAN MENEMBAK MENGGUNAKAN PELURU HIDUP

Latihan di atas bagi bulan OKTOBER, NOVEMBER dan DISEMBER 2002 akan diadakan pada tarikh dan masa berikut dari Padang Tembak BINTURAN

Semua Kapal, termasuk perahu-perahu kecil, dinasihatkan agar tidak memasuki kawasan yang disebutkan semasa latihan sedang dijalankan. Pemberitahuan ini mansuh pada 31 Disember 2002 jam 12.00 malam.

TARIKH, MASA DAN TEMPAT ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30 dan 31 October 2002 : Masa 7.30 pagi - 11.59 malam. Kawasan Binturan 4 km dari pantai.

2. 1,4,5,6,7,8,11,12,13,14,15,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29 dan 30 November 2002 : Masa 7.30 pagi - 11.59 malam. Kawasan Binturan 4 km dari pantai.

3. 2,3,4,5,6,7,11,12,13,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30 dan 31 Disember 2002 : Masa 7.30 pagi - 11.59 malam. Kawasan Binturan 4km dari pantai.

Semua kapal termasuk perahu-perahu kecil, dinasihatkan agar tidak memasuki kawasan yang disebutkan semasa latihan sedang dijalankan. Pemberitahuan ini mansuh pada 31 Disember 2002 jam 12.00 malam.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 85/2002

HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisyan

LAWAN

HAIJAH FATIMAH OKSU HJ BASAH @ BASHAH (BYIC NO. 035584)
..... Penghutang Pengkakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 Julai 2002.

Nama dan alamat terakhir diketahui : Hajah Fatimah OKSU HJ BASAH

@ BASHAH

No. 57, Jalan 31, Kampong Perpindahan Lambak Kanan BC 2915,

Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisyan : 3 Jun 2002.

Bertarikh : 2 Oktober 2002.

DK. HJH HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 81/2002

STANDARD CHARTERED BANK KUALA BELAIT Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisyan

LAWAN

ROSEYATIMAH BTE SUHAILY (K.P. BRUNEI NO. 00-065599 - KUNING)
Penghutang Pengkakiman/Pemetisyan

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 26 September 2002.

Nama dan alamat terakhir diketahui : ROSEYATIMAH BTE SUHAILY, Lot 450, No. 1316, Kampong Tunggalan, Mukim Sungai Liang, Kuala Belait. Tarikh Petisyan : 3 Ogos 2002. Bertarikh : 2 Oktober 2002.

DK. HJH HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 81/2002

STANDARD CHARTERED BANK KUALA BELAIT Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisyan

LAWAN

ROSEYATIMAH BTE SUHAILY (K.P. BRUNEI NO. 065599 - KUNING)
Penghutang Pengkakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 26 September 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 25 November 2002 jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 25 November 2002 jam 10.30 petang. Bertarikh : 2 Oktober 2002.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 85/2002

HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD Pemiutang
Pengkakiman/Pemetisyan

LAWAN

HAIJAH FATIMAH OKSU HJ BASAH @ BASHAH (BYIC NO. 035584)
..... Penghutang Pengkakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghukuman bertarikh 18 Julai 2002.

PERADUAN Lagu dan Tarian Asli Brunei yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim Berakas A merupakan langkah ke arah mengenalkan budaya dan kesenian Brunei kepada golongan remaja. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PERSIDANGAN LINGUISTIK ASEAN 2 "BAHASA PENGUKUH SOLIDARITI ASEAN"

SEMPENA PERSIDANGAN

DIADAKAN PESTA MINGGU BAHASA BUDAYA ASEAN SEPERTI BAZAR BARANGAN ASEAN, PESTA MASAKAN ASEAN, PAMERAN BAHASA DAN BUDAYA ASEAN
28 OKTOBER - 3 NOVEMBER 2002

MALAM KEBUDAYAAN ASEAN
PADA 29 OKTOBER 2002

Anjuran
JABATAN BAHASA MELAYU DAN LINGUISTIK
FAKULTI SASTERA DAN SAINS KEMASYARAKATAN
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
Tempat
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PESTA DIBUKAKAN KEPADA KUNJUNGAN ORANG RAMAI



Dewan Bahasa dan Pustaka



Yayasan Sultan Haji
Hassanal Bolkiah



Bank Pembangunan Islam
Brunei Berhad

Kepentingan Sumber Arab Dalam Pengajian Sejarah Brunei Awal

Dari muka 2

Selain ini, terdapat fakta-fakta yang kurang atau tidak tepat disebabkan oleh penyelidikan yang tiada mencukupi, salah faham dan tafsiran yang salah mengenai sumber-sumber yang ada. Faktor lain ialah pengenalan yang tidak lengkap mengenai kesemua sumber-sumber yang didapati mengenai asal usul dan sejarah awal Brunei.

Walaupun begitu, terdapat juga penulis Arab yang dikatakan pernah singgah ke Borneo. Antaranya ialah Ibn Batuta yang lahir di Tangier pada tahun 1304. Beliau dikatakan naik haji pada tahun 1325 dan melakukan penjelajahan selama 30 tahun. Beliau

melawat banyak tempat seperti kawasan pedalaman di Syria, Iraq dan Anatolia, dari Bengal menuju ke China melalui Sumatera, Malaya dan juga Borneo. Akhirnya beliau meninggal dunia di Fez pada tahun 1377-1378 A.D. pada usia 73 tahun.

Sebagai kesimpulan, sejarah Kerajaan Brunei Awal adalah merupakan suatu sejarah yang kabur kerana kewujudan sejarahnya masih lagi menjadi teka-teki kepada sejarawan baik dalam negeri mahupun luar negeri disebabkan oleh kekurangan sumber dan fakta serta sumber yang boleh menjelaskan tentang kewujudan sejarah Brunei Awal. Selain sumber Arab, sumber lain seperti sumber China, tempatan dan juga sumber Eropah juga amat penting

dan berguna dalam merujuk kepada Kerajaan Brunei Awal. Keempat-empat sumber ini saling tunjang-menunjang antara satu sama lain, saling melengkapi dan menjelaskan kekaburan yang terdapat dalam sumber tersebut. Oleh itu, kepentingan sumber Arab dalam mengkaji sejarah Kerajaan Brunei tidak dapat dinafikan walaupun masih lagi terdapat kekeliruan di sana sini.

Daripada kenyataan dan sumber-sumber dari negeri Arab serta dibandingkan dengan pendapat orientalis barat adalah tidak dapat dinafikan berkemungkinan wujudnya sebuah Kerajaan Srivijaya di Teluk Brunei sebagaimana yang dimaksudkan oleh penulis-penulis Arab waktu itu. Adapun kedudukan

Kerajaan Brunei Awal bukanlah seperti yang ada pada masa ini tetapi adalah merujuk kepada Pulau Borneo kerana pada masa dahulu Kerajaan Brunei Awal terkenal sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan mempunyai tanah jajahan yang luas.

NOTA Hujung:

1. Takong Amit, 'Perbicaraan Beberapa Maklumat Penting Tentang Kewujudan Kerajaan Brunei Lama Berdasarkan Kepada Sumber Tempatan, Arab dan China', Beriga, April-Jun 1988, hlm. 47.
2. Ibid, hlm. 48.
3. Sulaiman Hj Duraman, 'Satu Hipotesis Mengenai Kerajaan Brunei Awal Sebagai Srivijaya Mengikut Sumber Dari Arab',

4. Beriga, Januari-Mac 1988, hlm. 24.
5. Ibid
6. Takong Amit, op-cit, hlm. 53.
7. Robert Nicholl, 'Brunei Rediscovered, A Survey of Early Times', BMJ., Vol. 4, No. 4, 1980, hlm. 219.
8. Ibid, hlm. 220.
9. Takong Amit, op-cit, hlm. 56.
10. Ibid, hlm. 57.
11. Robert Nicholl, 'The Sriboza of Captain Buzurg', BMJ., Vol. 2, 1982, hlm. 1.
12. Ibid, hlm. 4.
13. Mohd Dahlan Mansoer, Pengantar Sejarah Nusantara Awal, DBP, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 69.
14. Ibid, hlm. 79.
15. Ibid, hlm. 78.
16. Ibid, hlm. 58.

17. Robert Nicholl, op-cit, hlm. 5.
18. Ibid, hlm. 6.
19. Ibid, hlm. 7.
20. Pelita Brunei, 10 Julai 1996, hlm. 3.
21. Ibid.
22. Robert Nicholl, 'Ibn Batuta and Borneo', BMJ., Vol. 4, 1978, hlm. 34-35.
23. Sulaiman Hj Duraman, 'Satu Hipotesis Mengenai Kerajaan Brunei Awal sebagai Srivijaya Mengikut Sumber dari Arab', Beriga, Januari-Mac 1988, hlm. 23.

BIBLIOGRAFI

- Nicholl, R., 'The Sriboza of Captain Buzurg', BMJ., Vol. 5, No. 2, 1982.
- Ibn Batuta and Borneo, BMJ., Vol. 4, No. 2, 1978

- Rediscovered, A Survey of Early Times', BMJ., Vol. 4, 1980.
- Pelita Brunei, Ruangan Sastera dan Budaya, 10 Julai 1996.
- Ruangan Sastera dan Budaya, 25 September 1996.
- Takong Amit, 'Pembicaraan Beberapa Maklumat Penting Tentang Kewujudan Kerajaan Brunei Lama Berdasarkan Kepada Sumber Tempatan, Arab dan China', Beriga, April-Jun 1988.
- Sulaiman Hj Duraman, 'Satu Hipotesis Mengenai Kerajaan Brunei Awal Sebagai Srivijaya Mengikut Sumber Dari Arab', Beriga, Januari-Mac 1988.
- Mohamad Dahlan Mansoer, Pengantar Sejarah Nusantara Awal, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang pemenang Peraduan Menulis Khat ASEAN. Majlis berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Pelbagaikan cara penyebaran dakwah

BERAKAS, 12 Oktober. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyeru bagi melipatgandakan lagi usaha dakwah dan mempelbagaikan cara dan 'method' penyebaran tersebut agar ianya tidak 'stereotype' atau statik, di samping meneruskan dan mengemaskinikan lagi rancangan-rancangan dakwah yang berjalan selama ini.

Yang Berhormat membuat seruan itu di Majlis Pelancaran Buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah, Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Khat ASEAN/Nasional dan Peraduan Menulis Cerpen, Rencana dan Sajak sempena sambutan Israk dan Mikraj 1423 Hijrah yang berlangsung di Dewan Besar Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Tegas Yang Berhormat, adalah mustahak bagi Pusat Da'wah Islamiah adalah melipatgandakan dan mempertingkatkan mutu dakwah Islamiah di negara ini menerusi bahasa Inggeris di mana dakwah seperti itu, menurut Yang Berhormat adalah bertujuan untuk menghidan-

Oleh
Abu Bakar HAR

gkan ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya dan menghilangkan kekeliruan atau salah faham mengenai ajaran-ajaran Islam yang sebenar.

Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan sasaran rancangan itu adalah bagi golongan berpelajaran tinggi dan pelbagai kaum dan agama.

Menyentuh mengenai kelima-lima peraduan yang diumumkankan itu, Yang Berhormat menyatakan bahawa ianya menuju ke arah satu matlamat di mana menggunakan kemahiran menulis khat dan keindahan khat itu sendiri merupakan sebagai alat untuk menyampaikan dakwah, sementara Peraduan Menulis Cerpen, Rencana dan Sajak adalah suatu arena bagi para penulis dan pengarang mempertajam pena mereka dalam bidang-bidang berkenaan menurut bakat masing-masing berlandaskan ilmu dan kajian yang dihiasi dengan keindahan sebagai alat untuk menyampaikan dakwah Islamiah.

Keempat-empat buah buku yang baru dilancarkan itu ialah 'Tugas Ulama Dalam Usaha Pemba-



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika melancarkan buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

ngunan Umat' yang ditulis oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya; 'Maju Bangsa Sejahtera Negeraku' ditulis oleh Dato Paduka Seri Setia Prof. Dr. Awang Haji Mahmud Saedon dan buku 'Ajaran Sesat Di Negara Brunei Darussalam - Satu Tin-

jauan' ditulis bersama oleh Dato Paduka Seri Setia Prof. Dr. Awang Haji Mahmud Saedon dan Awang Norfarhan bin Haji Zainal sementara buku 'Lafaz Cerai Menurut Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi dan Hukum Syarak' ditulis oleh Awang Johari bin Haji Mohammad.

Projek Pembisaian Mesra Alam di Taman Jubli Perak SHHB

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Oktober. - Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan dihiasi dengan pokok-pokok hiasan di bawah Projek Pembisaian Mesra Alam.

Sehubungan dengan itu, The Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) mengadakan projek mengindahkan alam sekitar Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusu Ulak di sini.

Projek membisaikan kawasan taman itu dilancarkan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail.

Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Warner Manning dalam ucapannya antara lain berkata, di negara ini HSBC sudah terbahit dalam beberapa projek alam sekitar antaranya pemulihan Taman Warisan Merimbun, kegiatan alam sekitar bagi pelajar dan pengubahsuaian Taman Rekreasi Tasek Lama pada tahun ini.

Beliau menambah, pihaknya akan berterusan mengenal pasti dan menganjurkan lebih banyak kegiatan alam sekitar yang melibatkan kakitangan mereka pada tahun hadapan.

Juga hadir menyertai projek tersebut ialah Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin dan para pegawai kanan HSBC.

Di majlis itu HSBC menyampaikan cek berjumlah \$3,500.00 kepada Pengarah Alam Sekitar, Taman Rekreasi, Awang Haji Zakaria bagi pembinaan pondok-pondok berteduh di taman berkenaan.

Lebih 300 orang kakitangan HSBC dan keluarga masing-masing menyertai projek pembisaian taman tersebut dan sebanyak 30 pokok Jacaranda dan 25 pokok

Oleh Aliddin HM

Kalastemungoh ditanam di kawasan taman berkenaan bagi menambahkan lagi keindahan taman tersebut.

Di kawasan itu juga akan dibina pondok-pondok jualan dan beberapa gelanggang sukan.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun ketika melancarkan Projek Pembisaian Mesra Alam bagi Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Ibu negara. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Jalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komitmen

SALAMBIGAR, 11 Oktober. - Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid menyeru pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komitmen serta ikhlas berpadukan ajaran Islam.

Beliau membuat seruan tersebut sewaktu menghadiri Majlis Sambutan Israk dan Mikraj tahun 1423 Hijrah bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Salambigar yang berlangsung di Masjid Kampong Salambigar di sini.

Selain itu beliau juga mengesyorkan agar pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri supaya memanfaatkan hubungan interaksi bersama

Oleh
Abu Bakar HAR

masyarakat umum bagi memahami kehendak orang ramai untuk mengetahui sebarang kekurangan.

Majlis yang bermula dengan sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah diakhiri dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Dr. Haji Maimun Aqsha dari Universiti Brunei Darussalam.

Majlis yang dikelolakan bersama oleh Institut Perkhidmatan Awam dan Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Salambigar antara lain untuk memupuk silaturahim di antara pegawai-pegarai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya serta para jemaah masjid dan penduduk kampung di sekitarnya.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid mengesyorkan pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri supaya memanfaatkan hubungan interaksi bersama masyarakat. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu hari-hari kebesaran Islam di negara ini di mana di dalamnya terkandung perintah menukarkan sembahyang lima waktu yang diterima oleh Rasulullah terus dari Allah Subhanahu Wataala.



PEGAWAI dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri ketika hadir di Majlis Sambutan Israk Mikraj di Masjid Kampong Salambigar. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

RUMAH yang usang itu terletak di atas bukit, ia hanya didiami oleh seorang lelaki yang separuh tua umurnya lebih kruang 58 tahun. Berbadan tegap banyak otot-otot di badannya menunjukkan jejak itu pernah angkat berat semasa mudanya. Badannya tidak berapa berubah walaupun umurnya sudah tua tetapi hanya yang berubah ialah air mukanya berkedut-kedut. Giginya banyak yang sudah tumbang, hanya gigi rahang sahaja yang tinggal. Sekali-sekala apabila orang tua itu ketawa nampak lapang terutama sekali di bahagian atas. Ia bekerja dengan syarikat swasta lebih kurang setengah batu dari rumahnya sebagai mekanik membaiki kereta-kereta rosak. Tiap hari apabila ia bekerja ia berkayuh dengan basikalnya. Ia tidak mempunyai saudara-mara, ia hanya tinggal sebatang kara tidak mempunyai isteri dan anak. Pernah suatu ketika dulu ia ada mempunyai kawan istimewa seorang gadis bernama Azizah yang tinggal dekat bandar dan persahabatan mereka sungguh begitu lama sekali hampir sepuluh tahun. Oleh sebab lelaki ini orang yang miskin dan tidak mempunyai apa-apa, maka kedua orang tua Azizah tidak bersetuju anaknya bersahabat dan berkahwin dengan jejak itu. Azizah pun ditunangkan dengan sepupunya bernama Ramlee. Setelah berkahwin dengan Ramlee tanpa cinta sejati, Azizah jatuh sakit kerana rindu yang amat sangat kepada bekas kekasihnya.


Sakit Azizah terlalu teruk, dibawa ke doktor, doktor mengesahkan tidak ada sebarang penyakit yang hinggap di badannya. Setelah diselidiki oleh kedua orang tuanya bahawa Azizah sebenarnya tidak mempunyai sakit apa-apa hanya ia melakukan mogok lapar kerana dikahwinkan secara paksa itu. Oleh sebab badan dan darahnya tidak begitu kuat untuk melawan kehendaknya ia pun dihindangi penyakit kurang daya tahan sehingga membawa maut. Apabila jejak itu tahu Azizah telah meninggal dunia ia pun bersumpah tidak mahu kahwin sehingga bila-bila masa. Jejak tersebut bernama Teruna. "Kalau kita tidak dapat bertemu di dunia ini, kuharap kita akan diketemukan di akhirat." Suara sayu itu keluar perlahan-lahan dari mulut Teruna. "Walaupun bagaimanapun agaknya tidak lama lagi aku akan mengikutimu Azizah, kerana apabila aku tidur rohmah selalu menjelma dan melambai-lambaikan tangannya memanggil aku." Teruna mendayu seorang diri sambil air matanya bak mutiara keluar sebiji demi sebiji dari kelopak matanya. Hatinya amat rawan. Ia duduk termenung di serambi rumah usang itu sambil mengahla matahari yang sebentar lagi akan terbenam di bibir laut. Waktu itu hampir maghrib, di keliling rumahnya ada tertanam beberapa batang pokok kelapa yang daun-daunnya melambai longlai ditiup angin. Alangkah lagi sesak nafasnya apabila ia mendengar dari radio yang diguainya mendendangkan lagu nyanyian Tan Sri P. Ramlee dan Puan Sri Saloma dengan lagu yang menyayat hati. Lagu itu bertajuk Rintihan Di Jiwa. Dengan alunan dan irama lagu yang menggoncang iman di dadanya itu Teruna tidak melepaskan peluang untuk menangis sekuat-kuat hatinya sambil ia menghentakkan kepalanya di dada dinding rumah yang sudah mumut itu. "Apalah nasibku ini, sudah pun miskin menderita, orang lagi tidak suka," ia kesal mengapa kebanyakan manusia itu memandang harta sehingga sanggup memisahkan orang-orang yang telah berjanji sehidup semati.

Apabila masa terluang dan hari kelepasan awam si Teruna selalu bermain dengan seekor anjing peliharaanannya. Ia membela anjing itu sejak kecil lagi. Anjing itu berbulu dua hitam dan putih. Oleh sebab anjing itu berbulu dua, maka dinamakannya anjing itu si Dua. Anjing itu sangat nakal dan mengerti dipanggil dan ke mana saja si Teruna panggil ia akan cepat datang dengan tidak membuang masa lagi. Berbadan tegap ekornya pendek. Kalau tuannya pergi bekerja tiap-tiap pagi ia akan bekejar-kejar dan menghantar tuannya berlari-lari mengikuti di belakang roda basikal tuannya sehingga berantai-rantai jauhnya dan selepas itu ia akan pulang semula ke rumah tuannya untuk menjaga setiap sudut keselamatan rumah itu. Waktu jam lima petang apabila tuannya pulang dari kerja ia akan menunggu dengan tekun kedatangan tuannya itu dengan taat seolah-olah telah diamanahkan dan diperintahkan. Tiap-tiap

hari ia akan duduk di tanah lapang depan rumah itu sehingga tuannya pulang. Selagi tuannya belum pulang selagi itu ia belum masuk ke halaman rumah tersebut. Teruna amat dan teramat sayang kepada si Dua, kadang-kadang kalau apa saja dimakan oleh si Teruna sehingga ia sanggup dibahaginya dua makanan itu. Kenyang sama kenyang dan lapar sama lapar.

Si Teruna sangat sayang kepada anjingnya dan begitu juga si Dua sangat akur kepada tuannya. Suatu ketika dulu tuannya pernah terlantar sakit dan berbaring di lantai, si Dua menunggu dan terus menunggu tanpa jemu-jemu, kecuali ia keluar sebentar apabila hendak buang air dan mencari makan. Apabila waktu malam tiba, tuannya tidak dapat bangun menutup pintu rumah ia menggamit kepada si Dua yang duduk dekatnya dan menyuruh menutup pintu rumah tersebut. Si Dua bangun dan menutupnya tanpa banyak karenah. Anjing itu sungguh bijak dan mengerti di dalam dua bahasa, satu bahasa dengan percakapan dan satu dengan bahasa isyarat. Anjing itu sangat mengetahui tuannya sakit dan kadang-kadang duduknya serba salah sambil merungut bercakap sendiri seolah-olah menjampi supaya tuannya lekas sembuh. Air matanya berlinang, ternyata si Dua telah menangkisan

OLEH
HJ. MAT NOOR MATUSSIN



Korban Kasih

tuannya, apalagi tuannya sudah empat hari tidak bekerja. Satu hari dengan tidak semana-mana si Dua keluar rumah menuju ke telaga buta mengandungi air. Ia meminum air itu dengan dahaga sekali dan di satu sudut yang berhampiran dengan telaga itu ada gayung yang berisi air bersih dan gayung itulah digonggongnya dan dibawanya ke rumah dan terus masuk ke dalam bilik di mana ampuannya terbuju dan kebetulan pula si Teruna dahaga, lehernya sangat-sangat memerlukan air. Oleh sebab air yang dibawa si Dua itu bersih lalu dicubanya untuk meminum, ia meminum

seteguk dua. Dengan kuasa Tuhan selang tiga puluh minit selepas ia meminum air itu ia pun sembuh sedikit membolehkan ia bangun berjalan. Melihat keadaan itu si Dua seolah-olah bangga sambil mengembangkan bulu dan menegakkan ekornya ke atas macam orang menari mudun dan membunyikan suaranya menyalak sekuat-kuat hatinya. Si Teruna tahu keadaan anjing kesayangannya itu bahawa ianya sangat gembira dan bersyukur kerana tuannya sihat dan boleh bangun serta berjalan.

"Assalamualaikum warahmatullah," begitulah nada tahiyat akhir yang keluar dari mulut Teruna bagi mengakhiri sembahyang Zuhur yang disempurnakannya. Semasa bersalat lama waktu anjingnya si Dua cukup faham, dia tidak berani mendekati tuannya. Bukan saja di waktu sembahyang, malah setiap waktu pun si Dua tidak pernah menyentuh badannya kepada tuannya. Dari sejak kecil lagi si Teruna telah mendidik anjing kesayangannya itu supaya tidak mendekati batang tubuhnya.

Tok!tok!tok! bunyi pintu diketuk tiga kali. Orang di luar memberi salam. "Waalaikum salam," jawab Teruna dari dalam. Teruna membuka pintu perlahan

dilihatnya yang datang ialah Aziz temannya bekerja di bengkel membaiki kereta. "Oh Aziz, silakan masuk," pelawa Teruna. Aziz menjawab "Terima kasih," Aziz dipersilakan duduk di kerusi yang telah sedia ada yang terletak dekat jendela, ia meleatkan punggungnya perlahan-perlahan ditakuti kerusi itu tumbang dan patah yang mana kayunya sudah tua dan kabukan. "Begini Teruna, nampaknya kau sudah empat hari tidak datang masuk bekerja, jadinya kalau kau sudah betul-betul sembuh eloklah kau bekerja besok," Aziz memulakan kalimatnya. "Yalah insyallah kalau tidak ada apa-apa aral melintang eloklah aku masuk bekerja besok," Teruna memberikan keyakinan. "Lagipun kami di bengkel merasa kesunyian kerana ketiadaannya," Aziz menyampuk.

Selang lebih kurang dua puluh minit lamanya mereka berbual mesra bergelak ketawa. Aziz pun meminta diri untuk pulang. Teruna dan si Dua mengiringi Aziz keluar dari rumah itu sambil bersalam-salaman.

Keesokan harinya Teruna memulakan kerja setelah kesihatannya normal dan seperti biasa si Dua kesayangannya akan menghantarnya mengikuti dari belakang basikal yang

dikayuh oleh ampuannya. Begitulah setiap hari demi hari pergeseran dua makhluk Allah ini yang sebat dengan kasih sayang yang telah dipertemukan Tuhan di antara manusia dan binatang. Pada jam lima petang si Dua akan tetap patuh menunggu kepulangan ampuannya dengan penuh sabar. Entah pada hari itu waktu yang biasa dinantikan si Dua terhadap kepulangan tuannya itu tidak kunjung tiba, jam sudah menunjukkan enam, tujuh, lapan, sembilan dan seterusnya hingga menjelang waktu pagi si Teruna belum juga sampai ke rumah. Si Dua dari awal lagi dia menunggu kepulangan tuannya itu amat gelisah. Kadang-kadang ia menyalak beberapa kali, dalam erti kata salakannya itu mungkin ia bertanya-tanya sambil menangis mengapa tuannya belum sampai lagi ke rumah. Dilihatnya ke depan dilihatnya ke belakang dan dilihatnya ke kiri kanan namun tuannya belum juga kunjung datang. Sekejap-sekejap ia berjalan mundur-mundur ke sana ke mari memastikan keadaan rumah tuannya itu. Kali ini ia berasa hampa dan merana seperti orang yang sedang putus cinta abadi.

Cerita yang sebenarnya tepat jam lima petang semasa Teruna akan berto-

lak untuk pulang ke rumah sambil mengayuh basikalnya baru beberapa ranta dari tempatnya bekerja si Teruna telah jatuh dari basikalnya dan pongsan dan kawan-kawannya yang sama bekerja telah memapah sambil memahan kereta untuk dibawa ke rumah sakit. Ti alangkah malangnya nasib si Teruna, belum pun sampai ke pintu rumah sakit terlebih dahulu ia telah menghembuskan nafasnya yang terakhir kerana menghadapi penyakit jantung. Begitulah nasibnya, sudah jatuh ditimpa tangga dan betul juga bisikan hati yang pernah dilahirkannya bahawa tidak lama lagi ia akan mengikut jejak kekasihnya Azizah untuk bermadu bersama-sama di alam akhirat.

Sayang seribu kali yang anjing kesayangannya yang dinamakan si Dua tetap taat dan tidak berganjak masih menunggu ketibaan ampuannya itu walaupun hari berganti hari ia tetap di tapak tempatnya selalu menunggu, menunggu kepulangan tuannya yang tidak kunjung tiba. Ia sanggup tidak makan dan ia sanggup berlapar sehingga badannya kurus lengkung dan tidak bermaya lagi. Dan di sanalah juga ia menghembuskan nafasnya yang terakhir.

.....
KALAU tuannya pergi bekerja tiap-tiap pagi ia akan bekejar-kejar dan menghantar tuannya berlari-lari mengikuti di belakang roda basikal tuannya sehingga berantai-rantai jauhnya dan selepas itu ia akan pulang semula ke rumah tuannya untuk menjaga setiap sudut keselamatan rumah itu. Waktu jam lima petang apabila tuannya pulang dari kerja ia akan menunggu dengan tekun kedatangan tuannya itu dengan taat seolah-olah telah diamanahkan dan diperintahkan.
.....

PUISI

HIDUP JANGAN DIPERSIA-SIAKAN

Aku ini apa?
aku manusia atau
aku mementingkan diri sendiri hipokrit
aku ada anak-anak dan isteri
aku biarkan mereka terbiar
aku relakan anak-anak aku tercicir
aku tidak sekolahkan mereka
aku biarkan isteriku menanggung beban
aku biarkan mereka kelaparan
aku pemalas dan tak berguna
aku memalukan mereka, dan
aku mengabaikan diriku sendiri... dulu
aku ada rumah untuk syurga kami, tapi
aku biarkan ia usang tidak ada apa,
apa sebab
aku tidak punya apa-apa
aku dulu kaya, mewah dan
semua orang suka aku
aku hebat ada imej dan personaliti
aku ada perempuan simpanan, ada
tanah ada bangunan, sekarang
aku jatuh segala-galanya, sebab
tidak tahu mentadbir
aku sekarang miskin, semuanya tidak
berguna
aku dipandang serong, sebab
aku bukan orang terpelajar,
bodoh dan mudah dibodoh-bodohkan.

Haji Mat Noor Matussin

PUCUK MUDA

Engkau pucuk muda,
lembut dan belum kembang
halus, longlai melambai
subur dan masih mentah.

Engkau yang menggantikan daun tua itu,
daun tua yang layu
yang kelak gugur dari persada gading
hanya tinggal jasad kenangan yang
makin pupus
untuk tatapan generasimu.

Layakkah engkau menggantikan daun tua
itu?
kekak mencantikan pokok tua itu?
itu tanggungan beratmu
itu jua yang kau pikul.

Perjalananmu masih panjang
untuk engkau kejar ilmu
sebagai ganti daun tua yang uzur
namun laluanmu penuh teka-teki
teka-teki yang akan mengelirukanmu
tersilap badan binasa
tersalah harapan punah.

Daun tua gugur luruh
risau pucuk muda tutup mata dan telinga
harapanmu yang kesamaran
tiada penghubungnya.

Wahai pucuk muda
mana bekalmu
bakal kau perlihatkan
buat menyambung nafas lama itu
kerana engkauah penggantinya.

MENGGAIP HARAPAN

Ibu,
biar permatamu pergi seketika
menuju harapan suci
telah tersimpan dan bersemadi
di dalam hati yang murni.

Ibu,
engkau adalah cahayaku
penyuluh haluan sukaku

tapi ia tiada lagi
hanya ucapan hikmahmu sebagai bekal
untukku jadikan penerang
di perjalanan asing
yang bakal dilalui dalam kesamaran.

Ibu,
Diriku masih kekurangan
untukku gapai harapan
dahaga ilmu yang belum kutemui
tercari dengan nilai
untuk bekal di hari mukaku.

Ibu,
doamu adalah restu
buatku dakap jaya
agar dapatku tebus
kesulitan yang terpahat
di dunia kita yang fana.

Haziq I.

MATA DAN AIR MATA

Mata...
pintu gerbang ke lubuk hati
dunia yang penuh rahsia misteri
cakerawala insan yang tak bertepi.

Air mata...
titisan khazamah seni jiwa
seni berharga yang harus dibayar
oleh kesedihan yang mengusik jiwa.

Cerah berkilauan
manik-main kristal itu
melayari pipi-pipi yang lesu
membasahi sanubari yang pilu
setitik demi setitik
jatuh terhempas bersama duka
jatuh juga hati yang luka.

Jatuh...
retak...
berkecai...

Merah berkilauan
mata yang berkaca-kaca ini
melayari peristiwa yang pantas mara
mengasahi bara di kalbu yang lara
sedetik demi sedetik
luka jantung ini dihiris sembilu
luka kian parah menyembilu.

Luka...
darah...
mati.

HUTAN HIJAU

Fajar hening menyingsing lagi
menyingkap tabir kabus memutih
yang menyiram embun dingin
di balik banjaran berlitup awan
terwujud alam fana tiada batasan
hutan ramun menghiu luas
harum semerbak mengulit hawa
flora megah menderet berdiri
menadah cinta sejati sang mentari
yang murni menyinar berkurun berabad
fauna berlari-lari bebas riang manja
menabur janji setia kasih
atas kehijauan segar bugar
anak-anak sungai memutih jernih
mengintai mesra di sebalik pepohon
mengalir penuh liku mengandung nyawa
nyawa yang terlompat-lompat bahagia
mengejar pepatung mengisi temolok
atas hukam alam dijadi paksi utuh
flora tertari tawa dilambai bayu
fauna gegak-gempita menyul merdu
rentak dan irama memanjat kesyukuran
hanya pada-Nya dan kerana-Nya.

Hussein Taha

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Wadah amal jariah Kebawah DYMM dan ahli-ahli kerabat diraja

SUNGAI AKAR, 4
Oktober. - Yayasan Sultan
Haji Hassanal Bolkiah
adalah wadah amal jariah
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei
Darussalam dan ahli kera-
bat diraja baginda.

Pemangku Pengerusi
Lembaga Pengarah
Yayasan Sultan Haji
Hassanal Bolkiah, Yang
Dimuliakan Pehin Udana
Khatib Dato Paduka Seri
Setia Awang Haji
Badaruddin menyatakan
perkara tersebut di Majlis
Doa Kesyukuran sempena
memperingati ulang tahun
ke-10 penubuhan Yayasan
Sultan Haji Hassanal
Bolkiah yang berlangsung
di Sekolah Rendah
Yayasan Sultan Haji
Hassanal Bolkiah di sini.

Yang Dimuliakan ber-
kata, kita selalu diingatkan
dan mengingat bahawa
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia adalah seorang raja
yang pemedulian dan
Yayasan Sultan Haji
Hassanal Bolkiah adalah

Oleh
Abu Bakar HAR

mencerminkan pemedu-
lian baginda terhadap
kebijakan dan kesejahter-
aan rakyat.

Menyentuh dengan
tempoh 10 tahun penubu-
hannya, Yang Dimuliakan
menjelaskan bahawa pihak
yayasan telah merancang
dan melaksanakan pelba-
gai projek serta aktiviti
menurut dasar dan tujuannya
dengan harapan khid-
mat tersebut bermanfaat
dan berkesan pada me-
nyampaikan hajat raja kita
yang pemedulian.

Namun demikian
menurut Yang Dimuliakan,
mereka sememangnya
belum berpuas hati dengan
pencapaian selama 10
tahun itu di mana banyak
lagi ruang-ruang dan per-
kara yang boleh diterokai.

"Kita harus mencari
jalan atau usaha bagai-
mana untuk memperlu-
askan lagi bantuan yang
kita huluskan dan supaya
bantuan dinikmati oleh
mereka yang benar-benar
memerlukannya dan ban-



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan
Haji Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib
Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Badaruddin ketika
menyampaikan sijil penghargaan kepada Yang Berhormat
Menteri Hal Ehwal Ugama, se ahli Jemaah Tadbir Yayasan
Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Masri Osman.

tuan hendaklah dapat
menghilangkan atau me-
ngurangkan masalah yang
dihadapi oleh peneri-
manya supaya mereka
dapat meneruskan kehi-
dupan yang wajar," tegas-
nya.

Untuk mencapai tu-
juan yayasan, Pemangku
Pengerusi Lembaga Pen-
garah menyenaraikan per-
lunya ada kerjasama dan
meningkatkan aktiviti ker-

jasama dengan agensi-
agensi yang lain sama ada
agensi kerajaan atau
swasta.

Ini, jelasnya, kerana
yayasan dan agensi-agensi
yang lain itu patut me-
manfaatkan sumber-sumber
atau bidang kepakaran
masing-masing dalam
menjayakan sebarang pro-
jek bantuan secara ker-
jasama di mana dengan
cara itu penjimatan boleh
dibuat ke atas perbelan-
jaan dan tenaga, di sam-
ping boleh mengelakkan
pertindihan atau duplikasi
dalam pemberian bantuan.

Majlis malam itu turut
diselenggarakan dengan
penyampaian sijil peng-
hargaan kepada Ahli-ahli
Jemaah Tadbir dan ahli-
ahli Lembaga Pengarah
serta pegawai dan kaki-
tangan Yayasan Sultan
Haji Hassanal Bolkiah.

Terdahulu dari itu
majlis bermula dengan
sembahyang fardu Mag-
hrib dan Isyak berjemaah
yang diimamkan oleh
Yang Dimuliakan Pehin
Khatib Haji Mustafa
diikuti dengan membaca
Surah Yaasin dan doa
kesyukuran.



MAJLIS Doa Kesyukuran sempena memperingati ulang tahun ke-10 penubuhan Yayasan Sultan
Haji Hassanal Bolkiah. Majlis berlangsung di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal
Bolkiah. - Gambar oleh Masri Osman.

Gerai Ramadan MPK Rimba

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Oktober. - Majlis
Perundangan Kampong Rimba (MPKR) Gadong akan
mengukuhkan Gerai Ramadan di sepanjang bulan
Ramadan.

Gerai itu antara lain bertujuan bagi membantu go-
longan yang berpendapatan rendah mendapatkan pen-
dapatan sampingan untuk persediaan hari raya dan
persekolahan anak-anak mereka, mengumpul semua
peniaga di suatu kawasan dalam keadaan yang teratur,
bersih dan selamat di samping bagi mengisi tabung
MPKR dan membantu anak-anak yatim di kampung
berkenaan.

Oleh Abd. Karim HAB

Sehubungan itu, MPKR memaklumkan bahawa sesi-
apa yang berminat untuk menyewa petak-petak gerai
berkenaan boleh menghubungi ahli-ahli jawatankuasa
berikut mulai 29 Oktober 2002.

Awang Bakar bin Haji Besar (08-715256), Haji
Osman bin BPSKSS Haji Md. Tamin (08-786823),
Awang Ahmad bin Md. Said (08-877909), Haji Hashim
bin Haji Safar (08-760842) dan Awang Yahya bin Awang
Aji (08-890756).



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menyuar mana-mana
jua rancangan

R A B U 30 OKT	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.25	RIMBA'S ISLAND	MALAM	AWAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	JUARA - Siaran Langsung	10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.35	FILLER	10.30	SO LITTLE TIME	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	11.30	THE INVESTIGATOR - 'The Sole Witness'	
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.55	CAFE DIGITAL	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT	
		4.12	SUSUNAN RANCANGAN	6.03	AZAN MAGHRIB	9.25	KUIZ PERKHIDMATAN		
				6.45	SIRAH NABAWIYAH				
K H A M I S 31 OKT	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATS	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.25	ANIMATION HOUR: INCREDIBLE DENNIS	MALAM	10.30	BEST OF MALAYSIA SHOWCASE - 'Taman Negara'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.15	THE MENACE/ ULTRA FORCE	7.00	11.00	DRAMA - 'Rebung Pasti Berubah'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	ONCE UPON AN ISLAND - 'Indian Ocean'	7.14	11.30	WAYANG PILIHAN - 'The Territorians'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.03	AZAN MAGHRIB	7.30	1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
						8.00			
						8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung		
J U M A A T 1 NOV	PAGI	10.15	SESAME STREET	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	5.15	SONTORIAN	7.14	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	HOBİ	3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Kung Fu Of Tai Kwan Do'	5.45	7.30	TAMAN SARI
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	3.25	AZAN ASAR	6.00	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	JEJAK RASUL - Ulangan	3.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan	6.03	9.00	WARNA-WARNA FLORA
	9.00	BERITA	12.15	DISCOVER ISLAM	4.25	ANIMATION HOUR - VOLTRON - DEFENDER OF THE UNIVERSE/USOP	6.45	9.30	GESUNDHEIT
		12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung				10.00	NEWS AT 10	
		1.30	VISI SUCI				10.40	KHUTBAH JUMAAT	
		2.00	SUKAN ANTARABANGSA				10.55	TELEDRAMA - 'Rinduku Tersusuk Sembilu'	
							12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT	
S A B T U 2 NOV	PAGI	10.10	ANIMATION HOUR: SAGWA : 'The Chinese Siamese Cat/Street Sharks'	PETANG	4.15	BEYOND 2000	MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	TOTALLY AWESOME	5.00	ANIMATION HOUR: Double Dragon/The Why Family	7.00		DUNIA ASIA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	5.45	BERITA	7.14		AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	DRAMA - 'Menongkah Arus' - Ulangan	5.55	SALAM NUSANTARA - 'Jejak Berjasa'	7.30		SUPERCITIES
	9.00	BERITA	12.05	AZAN ZUHUR	6.03	AZAN MAGHRIB	8.00		BERITA NASIONAL
		12.30	DOKUMENTARI - 'Identiti' - (Ulangan)	3.26	AZAN ASAR	6.45	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU	
							10.00	NEWS AT 10	
							10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Point Of No Return'	
							12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	
A H A D 3 NOV	PAGI	10.10	RANCANGAN SESAME STREET PADA SUATU HARI...	1.45	LEAGUE 2002/2003 - PREVIEW	5.00	KAUNSELING MASYARAKAT - 'Anak Laqid'	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	BERITA	5.35	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2002/2003	7.00		BRUNEI SIUK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Cat City'	5.45	DOKUMENTARI	7.14		AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.05	AZAN ZUHUR	6.05	AZAN ASAR	8.00		BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	PETANG		6.11	ZURIAT	8.50		TIRAI KELUARGA
		1.20	ENGLISH PREMIER	4.30	ANIMATION HOUR: THE WACKY WORLD OF TEX AVERY	6.45	10.00	NEWS AT 10	
							10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan	
							11.00	GUINNESS WORLD RECORDS	
							11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT	
I S N I N 4 NOV	PAGI	10.00	Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR: UNDER NAPTUNE'S FLAG/HAMMERMAN		Bilakah Masanya'	9.25	HEALTH MATTERS
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	PETANG		5.15	SUKAN GLOBAL	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.00	10.30	KEJOHANAN BOLA SEPAK KEBANGSAAN B-LEAGUE 2002
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.55	ELEMENTS	7.14	11.00	LIVING STONES
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN	6.03	AZAN MAGHRIB	7.30	11.35	BIZAREE
					6.45	MENJELANG RAMADAN - 'Malam Lailatul Qadar,	8.00	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT
							8.50		
S E L A S A 5 NOV	PAGI	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	Ulangan	7.14	ANAK BULAN RAMADAN	12.00	'Uncle' DOA DAN SIARAN TAMAT
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	4.02	MUTIARA FIRMAN		7.30	AZAN ISYAK		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.10	SUSUNAN		8.00	DOKUMENTARI		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.15	RANCANGAN			BERITA NASIONAL		
	9.00	BERITA	5.00	ANIMATION HOUR: Dragon Tales	MALAM	8.50	TINJAUAN	8.50	MAJLIS MEMULAKAN TEDARUS
			5.45	JEJAK RASUL SR.7 - 'Mesir Bumi Anbia'	7.00	9.25	DINUL ISLAM	10.00	NEWS AT 10
			6.03	BERITA		10.00	NEWS AT 10	10.30	BERSAMA MUFTI
			6.15	AZAN MAGHRIB		10.30	EMERGENCY	11.15	TEDARUS
				DRAMA - 'Tersayang' -	7.10	11.15	QUEEN OF SWORDS -	12.30	DOA DAN SIARAN

ARENA SUKAN

\$23 ribu diterima melalui acara walkaton



MENTERI Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bersama pegawai dan kakitangan kementeriannya ketika menyertai walkaton yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas. - Gambar oleh Hamadi HM.

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Oktober.

- Derma dari pihak swasta berjumlah \$23,000.00 (dua puluh tiga ribu ringgit) telah diterima melalui acara walkaton yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, Lebuhraya Muara-Tutong.

Acara berkenan bagi mengutip derma untuk Tabung Mangsa Kebakaran Kampung Lurong Sikuna dan Ujong Kelinik serta Tabung Kebajikan, Keagamaan dan Sosial, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan diselenggarakan bagi memperingati Hari Kedamaian Antarabangsa.

Kira-kira 800 pegawai Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan usahawan menyertai walkaton berkenaan, bertujuan selain mengutip derma bagi tabung mangsa-mangsa kebakaran di kedua-dua kampung berkenaan, juga bagi Tabung Kebajikan, Keagamaan dan Sosial, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Walkaton juga bagi memupuk semangat budaya beriadah dan meningkatkan kecergasan kesihatan mental dan fizikal secara berterusan selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mewujudkan masyarakat sihat.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman selaku tetamu kehormat telah melancarkan acara tersebut yang dimulai dengan senaman ringan beramai-ramai.

Melalui acara tersebut diharapkan ianya dapat menjalin silaturahim dan menanam semangat setia kawan di kalangan sektor kerajaan dan sektor swasta sekali gus untuk mempromosikan Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas sebagai salah satu kemudahan riadah dan tempat tarikan pelancong yang berpotensi.

Walkaton Kesihatan sempena Sambutan Hari Guru Ke-12

BERAKAS 11 Oktober. - Kementerian Pendidikan telah mengadakan Walkaton Kesihatan dan Kecergasan sempena Sambutan Hari Guru Ke-12 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Walkaton disertai oleh guru-guru, murid-murid, penuntut-penuntut dan para pelajar dari seluruh daerah di negara ini dan dianggarkan kira-kira 15,000

Oleh
Aliddin HM

orang menyertainya.

Sebelum acara walkaton bermula para peserta melakukan senaman yang dipimpin oleh para penuntut dari Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok.

Walkaton dilancarkan oleh Timbalan Menteri

Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi yang mendahului berjalan sejauh 5 kilometer bagi lelaki dan 3 kilometer bagi perempuan yang meliputi kawasan stadium.

Walkaton diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya bersenam bagi menjaga kesihatan tubuh badan.

Di samping itu juga

melakukan senaman dan bersukan bukan sahaja boleh meningkatkan kesihatan jantung dan paru-paru, tetapi boleh mengurangkan tekanan dan ketegangan dan boleh mencegah penyakit-penyakit kronik seperti barah, kencing manis dan serangan jantung.

Acara walkaton seperti ini sering dianjurkan oleh kementerian-kementerian dan pertubuhan yang lain.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi menyertai acara Walkaton Kesihatan dan Kecergasan sempena Sambutan Hari Guru Ke-12 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

**PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.**

- Semasa keberangkatan lawatan ke Thailand, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima ijazah yang disembahkan oleh Universiti Chulalongkorn. Ijazah apakah yang diberikan itu?
 - Ijazah Doktor kehormat Sains Politik
 - Ijazah Doktor Kehormat Pendidikan
 - Ijazah Doktor Kehormat Kesusasteraan
- Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan E-Government dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8?
 - B\$3 billion
 - B\$1 billion
 - B\$2 billion
- Apakah tema Hari Guru tahun ini?

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 9 Oktober 2002.
1. C. 2. A 3. Perpaduan ASEAN

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 553

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 553,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TIADA PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 9 Oktober 2002

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

1,154 menerima Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN. - 19 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda ke-56 tahun kepada seramai 1,154 orang penerima.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Istiadat Pengurniaan Pingat Kehormatan berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara di sini.

Di sebelah paginya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan kepada 578 orang penerima.

Mendahului senarai para penerima pada pagi itu ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Talib bin Berudin yang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK).

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 21 penerima dan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) kepada 276 penerima.

Oleh Aliddin HM
Gambar-gambar oleh
Halim HS, Haji Masmaleh HMA
dan Pengiran Rafee PDPHM

Sementara Pingat Kerja Lama (PKL) dianugerahkan kepada 251 penerima dan Pingat Kerja Lama Polis (PKLP) kepada 30 penerima yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah berkhidmat lebih 20 tahun.

Dalam senarai penerima tersebut termasuklah 23 orang penerima terdiri daripada pihak swasta iaitu seorang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan 22 penerima yang lain menerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB).

Pada sebelah petangnya pula, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan kepada seramai 576 penerima iaitu Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 25 penerima dan mendahului senarai penerima pada petang itu ialah Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Muhammad, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Bangladesh yang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK).

Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dikurniakan kepada 287 penerima dan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada 264 penerima.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, ahli-ahli Majlis Mesyuarat, diplomat-diplomat negara sahabat, setiausaha-setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan.

Setiap penerima pingat mestilah mempunyai rekod bersih dalam semua perkhidmatan kerajaan termasuk keselamatan dalam negara dan tatatertib perkhidmatan.

Bagi memberkati majlis pada hari itu, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan Pingat Kerja Lama Polis (PKLP) kepada beberapa orang anggota polis.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada beberapa orang pegawai kanan kerajaan.



BAGI memberkati Majlis Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-56 Tahun, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal (atas).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada pegawai dan kakitangan kerajaan serta swasta (kiri dan kanan).

